

Jilid I  
Bil. 9



MALAYSIA

Hari Rabu  
10hb Mach, 1971

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

**DEWAN RA'AYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN PERTAMA**  
*First Session*

**KANDONGAN-NYA**

**JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Ruangan 689]**

**USUL<sup>2</sup>:**

**Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat  
[Ruangan 747]**

**Uchapan Terima Kaseh kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong [Ruangan 747]**

MALAYSIA

**DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

---

Hari Rabu, 10hb Mach, 1971

---

*Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADHIR :**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Menteri Muda Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Menteri Muda Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- „ Menteri Muda Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

- Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- Yang Berhormat TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel)..
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.  
(Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA  
(Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, J.M.N., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI  
(Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI  
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E.,  
Q.M.C. (Ulu Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibü).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ DATO' MOHAMED SAID BIN KERUAK (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- Yang Berhormat DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI  
PERTANYAAN<sup>2</sup>

**BANK PERTANIAN  
DI-SARAWAK—PERGERAKAN**

1. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah asks the Prime Minister to state whether Bank Pertanian can be made to operate in Sarawak, in order that loans facilities to the rural people can be made available to

improve their lot. If this had been considered, can the Prime Minister elaborate, and if not, then why.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Bank Pertanian belum-lah bergerak di-Sarawak, tetapi perkara ini boleh-lah di-timbangkan pada masa yang akan datang.

**KOLEJ PERTANIAN  
DI-SARAWAK—PENUBOHAN**

2. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah asks the Minister of Agriculture and Lands to state whether there is any provision in the

Second Five-Year Malaysia Plan to set up an Agriculture College in Sarawak, in order that those who had completed their Lower Secondary Education recently, but were unable to continue to the Higher Secondary, may be given the opportunity to acquire agricultural knowledge and thereby encouraged to take up agricultural pursuits for their livelihood. If there is provision already made, will the Minister state when will the College be operative, and if none, then when will one be expected.

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn):** Tuan Yang di-Pertua, rasa saya, soalan ini di-tujukan kepada sama ada Kementerian Pelajaran, ia-itu seperti Kolej Pertanian yang ada di-Serdang atau pun Sekolah<sup>2</sup> Pertanian bagaimana yang di-kelolakan oleh Kementerian Pertanian dan Tanah. Dan jika benda ini di-tujukan kepada Kementerian Pelajaran, Kolej sa-umpama itu belum ada lagi.

Saya tidak dapat hendak menentukan bila sa-buah Kolej Pertanian akan di-adakan di-Sarawak kerana sa-belum sa-sabua kolej itu di-tubuhkan, kajian yang chermat perlu di-adakan terlebih dahulu.

### SEKIM<sup>2</sup> KEMAJUAN BELIA DI-SARAWAK

**3. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah Kementerian beliau akan menimbang mengadakan Sekim<sup>2</sup> Kemajuan Belia di-Sarawak sa-rupa dengan yang ada sekarang ini di-beberapa bahagian di-Malaysia Barat, supaya mudamudi Malaysia di-Sarawak tidak akan ketinggalan dan dengan itu juga menggalak mereka mengambil bahagian dalam pembangunan negara, dapat-kah Menteri menerangkan adakah apa<sup>2</sup> peruntokan dalam Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua hendak mengadakan sekim<sup>2</sup> seperti itu di-Sarawak, jika tiada, apa sebab-nya.

**Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini tidak begitu jelas dan umum maksud-nya. Jika sakira-nya pertanyaan ini di-maksudkan pada kemajuan tanah belia, maka saya ingin menyatakan bahawa Ranchangan Tanah Belia, bagi Negeri<sup>2</sup> ada-lah di-kelolakan oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri yang berkenaan.

Dalam Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua peruntokan ada di-sediakan oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri di-Malaysia Timor bagi Ranchangan Tanah Belia ini. Jika pertanyaan ini bermaksud hendak mengetahui tentang Sekim Pusat<sup>2</sup> Kemajuan Belia, maka jawapan kepada soalan ini boleh di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan.

### PILEHANRAYA UMUM SA-CHARA LANGSUNG BAGI DEWAN NEGARA— CHADANGAN

**4. Tuan Pengarah Rahun anak Debak** bertanya kepada Perdana Menteri sama ada Kerajaan akan meminda Perlembagaan Persekutuan supaya dapat di-adakan pilihan sa-chara langsung Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara didalam Pilihan Raya Umum sama seperti pilihan Ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada masa ini berpuas hati dengan chara perlantikan Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara bagaimana yang di-buat sekarang dan tidak berchadang hendak mengubah chara itu pada masa ini.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Soalan tambahan. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa dengan mengekalkan keanggotaan Ahli Dewan Negara seperti yang di-amalkan sekarang erti-nya sa-bagaimana yang di-sebut dalam perkara 45 (1) Perlembagaan itu tidak betul<sup>2</sup> mewakili seluruh ra'ayat dalam negeri ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Senate ada-lah mempunyai kuasa<sup>2</sup> yang terhad dan Dewan Ra'ayat-lah yang sa-benar<sup>2</sup>nya berkuasa di-atas semua perkara dan Dewan Ra'ayat-lah yang mewakili ra'ayat di-seluruh Malaysia ini. Oleh itu di-fikirkan oleh sebab kuasa<sup>2</sup> Dewan Senate itu ada-lah terhad Dewan Senate itu di-kehendaki mewakili Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan mewakili kaum<sup>2</sup> yang kechil atau minority group dan juga mewakili puak<sup>2</sup> yang di-fikirkan penting dalam negara supaya dengan itu Dewan Senate dapat mengeluarkan pandangan<sup>2</sup> yang berlainan daripada pandangan<sup>2</sup> yang di-dapati daripada Dewan Ra'ayat.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Adakah pchak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa hasil daripada pilihan raya umpama-nya hasil dari pilihan raya

baharu<sup>2</sup> ini, Trengganu umpama-nya pengundi Perikatan hanya mendapat 63,918 orang, tetapi pengundi PAS di-Trengganu mendapat 63,943 orang erti-nya majoriti PAS 25 orang? Jadi kalau sa-kira-nya perkara ini di-kekalkan dua orang daripada tiap<sup>2</sup> buah negeri itu di-pilih Ahli Dewan Negara erti-nya Perikatan-lah yang mewakili negeri Trengganu. Jadi kalau sa-kira-nya kita chepatkan pinda undang<sup>2</sup> itu sudah tentu sa-orang daripada Ahli PAS dan sa-orang daripadanya terdiri daripada Ahli Perikatan. Sa-rupa juga di-Kelantan umpama-nya undi di-dapati baharu ini boleh-lah Perikatan mewakili sa-orang dan PAS mewakili sa-orang dalam Ahli Dewan Negara.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kalau betul macham hujjah<sup>2</sup> yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu chara yang ada pada hari ini ada-lah ia-itu di-Kelantan wakil<sup>2</sup> Dewan Senate daripada parti PAS dan dari Trengganu parti Perikatan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saperti yang saya kata tadi kuasa<sup>2</sup> Dewan Negara ada-lah terhad, jadi kalau kita hendak mengadakan satu Dewan lagi lain daripada Dewan Ra'ayat yang di-pilih terus oleh ra'ayat, jadi tentu-lah kita terpaksa memberi kuasa<sup>2</sup> yang lebih luas lagi, jadi bermaana kita akan ada mempunyai dua Dewan yang mempunyai kuasa yang sama, akan tetapi chadangan Kerajaan dan kehendak kita tidak begitu, ia-itu Dewan Ra'ayat-lah yang mewakili ra'ayat bagi negara kita dan Dewan Senate itu mewakili puak<sup>2</sup> yang lain saperti yang ada pada hari ini.

**Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, jika begitu-lah dudok-nya, tidak-kah terfikir oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak mengubah atau meminda sedikit tentang peratoran ini ia-itu melebuhkan bilangan jumlah yang banyak lagi mewakili tiap<sup>2</sup> Negeri daripada mengambil orang<sup>2</sup> persaorangan melalui lantekan Seri Paduka Baginda.

**Perdana Menteri:** Jika di-fikirkan keadaan yang ada sekarang ini berpatutan kemudian kelak, kalau mustahak, kita boleh timbangkan lagi atas perkara ini.

## **MENTERI<sup>2</sup>, AHLI<sup>2</sup> DEWAN RA'AYAT/ NEGARA—MENAikkan GAJI TANPA KAKITANGAN KERAJAAN**

**5. Tuan Pengarah Rahun anak Debak** bertanya kepada Perdana Menteri:

- (i) apa-kah sa-benar-nya tujuan Kerajaan menaikkan gaji Menteri<sup>2</sup>, Ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat dan Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara terutama sa-kali membayar gaji kebelakangan mula<sup>2</sup> daripada bulan Januari, 1970 tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Dewan Ra'ayat;
- (ii) mengapa gaji kakitangan<sup>2</sup> dalam perkhidmatan awam tidak di-naikkan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, chadangan Kerajaan hendak menaikkan gaji Menteri<sup>2</sup>, Ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat, Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara ada-lah terkandung dalam Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bentangkan dalam Dewan ini dan Dewan ini ada-lah berhak membincangkan-nya dan Ahli Yang Berhormat sendiri dapat mengetahui apa-kah tujuan hendak menaikkan gaji Menteri<sup>2</sup> dan Ahli<sup>2</sup> Dewan Negara/Dewan Ra'ayat itu.

Berkenaan menaikkan gaji Ahli<sup>2</sup> Public Service, perkara ini telah pun di-laksanakan. Kerajaan telah menerima shor Surohanjaya Suffian dan perlaksanaan shor itu telah di-persetujui mula<sup>2</sup> daripada 1hb Januari, 1970.

**Tuan V. David:** Mr Speaker, Sir, will the Prime Minister assure this House that the Report by the Suffian Commission will be fully implemented in the various States because in some States and in some Departments it has not been fully implemented yet.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan telah di-ambil ia-itu semua sekali shor<sup>2</sup> Surohanjaya Suffian itu akan di-laksanakan.

## PERDANA MENTERI KOMANWEL— KEPUTUSAN PERSIDANGAN

**6. Tuan Edwin anak Tangkun** bertanya kepada Menteri Luar Negeri apa-kah keputusan Persidangan Perdana<sup>2</sup> Menteri Komanwel yang telah di-hadiri oleh Perdana Menteri sendiri di-Singapura baharu<sup>2</sup> ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, persidangan Ketua<sup>2</sup> Kerajaan Komanwel telah di-adakan di-Singapura daripada 14hb Januari sampai 22hb Januari. Dalam persidangan itu perkara<sup>2</sup> yang penting sa-kali ialah masalah chadangan Kerajaan British hendak menjual senjata kepada Kerajaan South Africa. Ini-lah perkara yang kebanyakan ahli<sup>2</sup> Komanwel atau pun Negara<sup>2</sup> Komanwel yang mempunyai perasaan bimbang, takut, timbul perselisihan faham di-kalangan Komanwel dan perkara ini telah di-binchang dengan panjang lebar dan hasil daripada perbincangan itu telah di-tubuhkan satu Study Group yang mengandungi ahli sa-ramai lapan orang, tentu-lah Malaysia sa-bagai satu daripada anggota-nya.

Sa-lain daripada itu Persidangan itu telah membincangkan perkara<sup>2</sup> yang berkaitan dengan political situation dan international situation, dan bagi diri saya telah mengemukakan chadangan kita hendak mengadakan pengechualian bagi Tenggara Asia ini dan begitu juga telah di-binchangkan satu declaration—Commonwealth Declaration untuk kepentingan Kerajaan Komanwel dan lagi di-adakan perbincangan berkenaan dengan keadaan<sup>2</sup> ekonomi di-Negara<sup>2</sup> Komanwel dan beberapa rancangan<sup>2</sup> telah di-terangkan dan kemajuan<sup>2</sup> dalam beberapa lapangan telah dapat di-chapai oleh sa-tengah<sup>2</sup> negara dengan memuaskan hati. Begitu juga-lah rancangan<sup>2</sup> kerjasama dalam bidang pelajaran, lapangan belia, lapangan penerangan, dan lapangan<sup>2</sup> lain telah juga di-binchangkan.

Pada pendapat saya persidangan Komanwel yang telah di-adakan itu ada-lah memberi faedah kepada semua pihak dan bagi saya sendiri saya dapati dengan menghadiri persidangan itu ada-lah memberi faedah<sup>2</sup> kepada kita di-Malaysia ini.

**Tuan V. David:** Sir, will the Prime Minister explain whether or not this Study Group has completed its findings? If not, what part the Malaysian Government is about to play in this Study Group?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat sendiri tahu bahawa sa-belum Study Group ini dapat berjumpa, pihak British telah mengistiharkan yang mereka itu akan menjual senjata kepada Kerajaan South Africa, dengan sebab itu kita telah memutuskan tidak lagi berfaedah hendak di-adakan meshuarat Study Group ini dan kita telah menarek diri daripada menjadi anggota Study Group ini dan begitu juga India dan Nigeria. Saya tidak dapat tahu sama ada negara<sup>2</sup> yang lain yang lima negara lagi yang tinggal dalam Study Group itu akan mengadakan persidangan itu atau pun tidak.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Dato' Yang di-Pertua, dapat-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbangkan pada masa yang lagi akan datang segala keputusan<sup>2</sup> persidangan yang di-wakili oleh Malaysia ini supaya dapat di-kemukakan dalam Dewan ini untuk pengetahuan wakil<sup>2</sup> ra'ayat sakalian.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau hendak di-kemukakan semua sa-kali keputusan<sup>2</sup> yang di-ambil dalam persidangan<sup>2</sup> yang di-adakan oleh Kerajaan kita dengan negara<sup>2</sup> lain, tentu-lah sukar tetapi mana<sup>2</sup> perkara yang penting yang di-fikirkan patut Ahli<sup>2</sup> Dewan mengetahui dan juga ra'ayat negara kita mengetahui, kita akan ishtiharkan.

## KEWARGANEGARAAN—MEMPROSES DAN MELULUSKAN PERMOHONAN<sup>2</sup>

**7. Dato' K. M. James Wong** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) sama ada Menteri itu sedar berkenaan dengan kelambatan yang berlanjutan tentang memproses dan meluluskan permohonan<sup>2</sup> kewarganegaraan oleh orang<sup>2</sup> yang telah tinggal di-Sarawak bertahun<sup>2</sup> sa-belum pembentokan Malaysia;
- (b) boleh-kah Menteri itu memberi jaminan had masa untuk memproses dan meluluskan permohonan<sup>2</sup> itu.

**Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, menjawab Soalan 7 (a) saya sedar bahawa ada kelambatan<sup>2</sup> seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu. Kelambatan<sup>2</sup> itu berlaku oleh sebab sukar hendak

mendapat pemohon<sup>2</sup> terutama sa-kali mereka yang tinggal di-kawasan luar bandar memberi keterangan<sup>2</sup> lanjut berthabit dengan permohonan<sup>2</sup> mereka, mengangkat sumpah ta'at setia dan mengambil siji<sup>2</sup> mereka oleh kerana Perkhidmatan Pos dan kemudahan<sup>2</sup> perhubungan di-antara kawasan luar bandar di-Sarawak dengan Jabatan<sup>2</sup> Pendaftaran di-negeri itu tidak memuaskan. Walau bagaimana pun, segala langkah<sup>2</sup> yang sewajar-nya telah di-ambil untuk menjamin yang kelambatan<sup>2</sup> ini tidak berlaku di-peringkat Jabatan<sup>2</sup> Pendaftaran.

Jawapan kepada 7 (b) biasa-nya masa yang di-ambil untuk mengelolakan sesuatu permohonan itu ada-lah di-antara dua hingga empat bulan. Ini termasuk-lah masa yang di-ambil bagi menyelesaikan pertanyaan<sup>2</sup> dan mengangkat sumpah ta'at setia.

**Dato' K. M. James Wong:** Mr Speaker, Sir, supplementary question. Is the Honourable Assistant Minister aware that there have been applications for citizenship in Sarawak which have been pending for as long as two years?

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** We are aware—since 1969.

**Dato' K. M. James Wong:** Mr Speaker, Sir, I said just now that there have been some applications made to which they are still waiting for approval for as long as two years and nothing has been heard about them.

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, ada permohonan yang terlambat dalam masa dua tahun dengan sebab penyiasatan Polis belum selesai.

**Dato' K. M. James Wong:** Mr Speaker, Sir, I thought we heard the Honourable Assistant Minister say earlier on that it takes about two to four months to process them and now he says it takes two years for Police investigations to be made. Is that correct, Sir?

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Sir, it does not take that long, but due to difficulties in getting these people, therefore some delay had occurred.

**Dato' K. M. James Wong:** Mr Speaker, Sir, may we have an assurance from the Honourable Assistant Minister that in view of the importance of citizenship rights to these people who have stayed in Sarawak for many, many years, in fact some of them since birth,

that the Department would be streamlined and be made more efficient to avoid these delays and red-tape which are causing a lot of hardships to the poor rural people who have applied for citizenship.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail bin Dato' Abdul Rahman):** May I ask the Honourable Member what types of applications are being delayed? Are they by registration, by naturalisation or by operation of law? You cannot speak on matters of citizenship in general. I think I would be grateful if the Honourable Member would specify what type of applications are being delayed and who are the people concerned, how many, and my Ministry will be very happy to help these people.

**Dato' K. M. James Wong:** Sir, I do not have the specific details here. If the Honourable Minister will allow me, I shall write directly to the Honourable Minister.

**Tuan V. David:** Sir, what period it takes to process an application which is submitted under Article 30?

**Tun Dr Ismail:** Sir, as the Honourable Member knows, we are ready to process these Article 30 certificates, but unfortunately response from the public is not forthcoming. I am not going to force them, because, as I have mentioned many a time, the people who will suffer from this are the holders of Article 30 certificates themselves because when they want to make use of those Article 30 certificates and, if they are proved invalid, they are just like people holding false money which they cannot cash.

**Tuan V. David:** Mr Speaker, Sir, I just want an assurance that if a person submits his Article 30 certificate, will that be returned within a couple of weeks?

**Tun Dr Ismail:** It is very simple. I think we have made the position very clear. We have got all the machinery ready. If the holders of Article 30 certificates would just come forward and if their certificates are in order, we can just write down in their certificates "Certified to be in order"; and if they are not in order, we will advise them what to do.

## ORANG<sup>2</sup> TAHANAN—BILANGAN DI-MALAYSIA

8. **Dato' K. M. James Wong** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bilangan orang tahanan sekarang di-dalam negeri<sup>2</sup> yang berikut:

- (a) Sarawak,
- (b) Sabah, dan
- (c) Malaysia Barat.

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada Soalan 8 orang<sup>2</sup> di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan Ordinan Mengekalkan Keselamatan Awam tahun 1962, Sabah dan Sarawak (Preservation of Public Security Ordinance, 1962, Sabah dan Sarawak) adalah:

(a) Sarawak	...	...	1,127 orang
(b) Sabah	...	...	32 "
(c) Malaysia Barat	...	...	314 "

Di-tahan di-bawah Ordinan Dharurat (Keteranteraman Awam dan Menchegeh Jenayah) tahun 5/69:

(a) Sarawak	...	...	— orang
(b) Sabah	...	...	— "
(c) Malaysia Barat	...	...	858 "

**Tuan V. David:** Sir, amongst the detainees in West Malaysia, how many are under solitary confinement?

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada "solitary confinement".

**Tuan Haji Ahmad Arshad:** Dari Angka yang di-tahan di-Sarawak itu dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberikan bayangan ada-kah tidak Ahli daripada Parti SNAP dengan chara tidak langsung.

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Saya berkehendakan notis, Tuan Yang di-Pertua.

## EMPLOYEES PROVIDENT FUND— AMOUNT OF MONEY BORROWED FROM AND RATE OF INTEREST

9. **Tuan Edwin anak Tangkun** asks the Minister of Finance to state the total amount of money which the Government has borrowed from the Employees Provident Fund, and also the sums of money which have been

borrowed from the E.P.F. by other organisations, and the rate of interest on which these loans have been made.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** (*Dengan izin*): Sir, the Employees Provident Fund has, up to date, make the following loans:

- (1) Federal Government loans, totalling \$2,073,834,186.66 (that means, just over \$2,000 million) at interest rates ranging from 4% per annum to 6½% per annum.
- (2) Singapore Municipality and City Council loans, totalling \$46,682,027.69 at interest rates varying from 3% per annum to 5% per annum.
- (3) Loans to organisations in Malaysia, totalling \$95,840,449.72 at interest rates varying from 5¾% per annum to 9% per annum.

## UNIVERSITI TEACHING HOSPITAL— PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN JANTONG

10. **Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail** bertanya kepada Menteri Pelajaran bila-kah University Teaching Hospital akan mengadakan perkhidmatan pembedahan jantung di-Malaysia. Beri nama pakar<sup>2</sup> dan kewarganegaraan mereka dan anggaran perbelanjaan alatan bagi perkhidmatan itu.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Tuan Speaker, ini dalam fahaman saya perkhidmatan pembedahan jantung ia-lah di-dalam bahasa Inggeris Open Heart Surgery. Itu saya fikir maksud Ahli Yang Berhormat itu. Jawab-nya, Universiti Teaching Hospital menubuhkan Perkhidmatan Pembedahan Jantung mulai daripada bulan Januari, 1971.

Pertanyaan kedua, nama<sup>2</sup> pakar dan kewarganegaraannya ia-lah:

Tan Sri Prof. T. J. Danaraj	Warganegara	Malaysia
Prof. A. E. Dugdale ..	..	New Zealand
Prof. Lau Kam Seng ..	..	Malaysia
Prof. Yong Nen Khiong ..	..	Singapura
Dr Ang Ah Hoo ..	..	Malaysia
Prof. Dr Foong Weng Cheong ..	..	Malaysia
Dr A. Ganendran ..	..	Singapura
Dr Ong Siew Chey ..	..	Malaysia
dan Dr Wong Hee Ong ..	..	Singapura

Anggaran perbelanjaan alatan ia-lah 60 ribu ringgit.

**Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandang kepada perkhidmatan<sup>2</sup> perubatan yang telah di-berikan kepada Malaysia dan khasnya di-Pantai Timor, saya ingin bertanya ada-kah Kerajaan berchita<sup>2</sup> hendak menubuhkan satu nursing school di-Pantai Timor atau pun khas-nya di-Kota Bharu.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Soalan tambahan itu ta' ada kena mengena dengan soalan yang asal nursing school ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain, bukan soalan tambahan.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kekurangan pakar<sup>2</sup> dalam ranchangan dalam soal ini kira-nya satu masa kelak dapat tidak Kerajaan mengambil pakar<sup>2</sup> daripada Afrika Selatan yang pakar dalam ilmu jantung di-bawa kerana berkhidmat dalam Jabatan ini?

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Masalah itu bagi Kementerian saya belum ada memberi timbangan apa pun mengambil pakar<sup>2</sup> lagi daripada Afrika Selatan.

**Dr Chen Man Hin:** (*Dengan izin*) Supplementary question. Would the Minister of Education kindly let us know, up to date how many operations of open cardiac surgery have been done in the University Hospital?

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** I have not got the information off-hand, but I think I will give the Honourable Member the details, if he wants to, by letter. I have not got notice; so I have not got the figures with me.

**Dr Chen Man Hin:** There seems to be a slight mistake here, Mr Speaker Sir. What the questioner wanted to know was about open heart operations and not heart transplants.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Tuan Speaker, saya mengambil terjemahan atau soalan-nya dalam Bahasa Kebangsaan ia-itu dia bertanya akan mengadakan perkhidmatan pembedahan jantung. Jadi yang di-beri tahu pada saya terjemahan perkhidmatan pembedahan jantung ia-lah Open Heart Surgery bukan-nya transplanting heart surgery. Saya mengambil soalan-nya dalam Bahasa Kebangsaan ia-itu berbunyi perkhidmatan pembedahan jantung dan ia berbedza di-sini

dalam Ingeris dan Bahasa Kebangsaan. Soalan dalam bahasa Ingeris ia-lah Heart Transplanting Operation, tetapi dalam soalan Bahasa Kebangsaan Perkhidmatan Pembedahan Jantung, perkhidmatan pembedahan jantung yang di-fahami ia-lah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa perbezaan jantung itu?

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Open heart surgery.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa perbezaan jantung itu?

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Open heart surgery dengan transplanting surgery ada-lah lain. Jadi saya mengambil ma'ana dalam Bahasa Kebangsaan.

**Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan sudah ada beberapa orang pakar berhubung dengan pembedahan jantung ini, apa-kah sudah cukup pakar<sup>2</sup> bagi merawat pesakit<sup>2</sup> jantung di-Malaysia ini.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan-nya pula saya ta' hendak menjawab, tetapi oleh kerana benda ini luar daripada soalan ini, saya berkehendakan notis.

**Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana University Teaching Hospital itu di-bawah Kementerian Pelajaran, tentu dia akan dapat tahu dengan sa-jelas<sup>2</sup>-nya, cukup atau tidak pakar<sup>2</sup> itu untuk melakukan tugas-nya tentang perkhidmatan pembedahan jantung dari sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan tambahan?

**Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu cukup atau tidak?

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Saya tengok daripada penerangan yang di-berikan oleh penak berkuasa Hospital benda itu cukup, ta' ada pula dia mengatakan ta' cukup.

**HOSPITAL<sup>2</sup> DAERAH DI-SARAWAK—  
MEMBANYAKKAN LAGI  
KAKITANGAN KERAJAAN**

**11. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** bertanya kepada Menteri Kesihatan boleh-kah beliau memberi pertimbangan mengadakan banyak lagi doktor dan kakitangan Kerajaan dalam Pejabat Kesihatan dan di-Hospital<sup>2</sup> Daerah di-Sarawak, dengan sa-chepat-nya untuk kesenangan dan kesihatan orang ramai di-dalam pesisir.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi polisi Kementerian Kesihatan untuk mengadakan kemudahan<sup>2</sup> yang chukup bagi berbagai perkhidmatan dengan tujuan memberikan perkhidmatan yang lebeh baik dan lebeh berkesan kepada orang ramai. Ada-lah juga polisi Kementerian Kesihatan untuk menempatkan sa-kurang<sup>2</sup>-nya dua orang doktor di-tiap<sup>2</sup> hospital daerah dengan sharat terdapat kerja<sup>2</sup> yang chukup bagi doktor<sup>2</sup> itu untuk bertugas sa-penoh masa di-hospital<sup>2</sup> daerah itu. Tiap<sup>2</sup> hospital daerah di-Sarawak pada masa ini hanya mempunya<sup>2</sup> 25 buah katil dan oleh itu hanya-lah sa-orang doktor sahaja ada-lah di-fikirkan menchukupi untuk menjalankan kerja<sup>2</sup> di-dalam kawasan tersebut. Bagaimana pun apabila hospital daerah ini telah di-perluaskan kelak, lebeh ramai lagi doktor<sup>2</sup> akan di-hantar menjalankan kerja<sup>2</sup> tambahan bagaimana yang di-kehendaki.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar Ahli Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan 13 doktor dari Indonesia akan datang ta' lama lagi, 7 daripada-nya akan di-tempatkan di-Johor. Apa-kah sebab sampai 7 di-tempatkan di-sana?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, doktor dan juga doktor gigi akan sampai dari Indonesia ia-itu 13 orang doktor, 8 orang doktor gigi. Bukan fasal Johor negeri saya, saya Menteri Kesihatan Malaysia, di-sana sangat kekurangan doktor<sup>2</sup> di-dalam Pusat<sup>2</sup> Kesihatan Kechil yang ada 36 buah. Biasa-nya 4 buah chabang Pusat Kesihatan Kechil ada mempunya<sup>2</sup> sa-buah Pusat Kesihatan Besar yang di-tempatkan sa-orang doktor dan sa-orang doktor gigi. Oleh kerana selama ini kita kekurangan doktor, maka ta' ada pusat kesihatan besar di-tubuhkan, hanya beberapa buah Pusat Kesihatan Kechil telah di-naikkan ka-taraf Pusat Kesi-

hatan Besar. Tetapi pehak Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis yang bertanya tadi jangan-lah susah, banyak lagi doktor<sup>2</sup> yang akan di-ambil sama ada dari Pakistan, dari UAR, daripada Korea dan lain<sup>2</sup> negara. Kiranya ada permohonan dari Ahli Yang Berhormat sila-lah berhubung dengan saya, insha' Allah saya akan tambah lebeh<sup>2</sup> lagi negeri Pahang, negeri Perdana Menteri kita. Terima kaseh.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau saya tidak silap ada-kah benar Yang Berhormat Menteri mengumumkan 7 atau 8 orang doktor dari Indonesia itu di-hantar ka-Johor ia-lah di-sebabkan di-Johor banyak orang Jawa (*Ketawa*).

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya sa-tengah<sup>2</sup> doktor Indonesia ini banyak juga datang dari Padang, Sumatran, bukan Jawa sahaja (*Ketawa*).

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Saya tidak hendak menimbulkan, Saya hormat Yang Berhormat Menteri ini kerana sahabat lama, saya, tetapi apa yang saya dengar ia-lah pengistiharan dari Radio Malaysia pada petang sa-malam kurang lebeh pukul 7 malam. Jadi, alasan-nya ia-lah di-hantar ka-sana kerana doktor ini datang dari Indonesia dan di-Johor banyak orang Jawa, maka di-lebehkan doktor dari Indonesia itu ka-Johor. Kalau bagitu alasan-nya, di-tempat saya itu banyak juga orang Jawa (*Ketawa*). Saya mohon pertimbangan tambahan perkara itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi apa soalan-nya?

**Sa-orang Ahli Yang Berhormat:** Penjelasan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan—tidak payah penjelasan itu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri Kesihatan berkata beliau menghantar doktor<sup>2</sup> ka-Johor oleh sebab Pusat Kesihatan Kechil di-Johor ramai tidak mempunya<sup>2</sup> doktor. Ada-kah Menteri sedar ramai negeri saperti di-negeri Kelantan, Trengganu pun ada Pusat Kesihatan Kechil yang tidak mempunya<sup>2</sup> doktor, apa-kah tindakan yang akan di-ambil oleh Menteri berkenaan tentang soal ini?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Yang Berhormat dari Batu barangkali tidak mengikut penjelasan saya yang panjang tadi. Di-negeri<sup>2</sup> yang lain seperti Trengganu, Kelantan, Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu pun tahu, di-mana<sup>2</sup> negeri Pantai Timor kalau ada empat buah Pusat Kesihatan Kechil terdapat-lah sa-buah Pusat Kesihatan Besar di-mana ada Pusat Kesihatan Besar ada di-peruntukan quarters untuk sa-orang doktor dan sa-orang doktor gigi, kebanyakan pusat<sup>2</sup> Kesihatan besar ini ada doktor dan doktor gigi walau pun kita kekurangan lebeh 200 orang doktor. Tetapi negeri Johor tidak di-jalankan ranchangan seperti ini pada masa dahulu oleh kerana tidak ada doktor-nya dan tidak ada peruntukan rumah doktor. Sekarang ini baru-lah kita naikkan taraf beberapa buah Pusat Kesihatan Kechil kepada taraf Pusat Kesihatan Besar, dan sebab itu-lah kesah<sup>2</sup> doktor ini ketinggalan dan sa-patut-nya sudah lama dulu di-untokkan.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah bagi pihak Kementerian Kesihatan sedar bahawa di-kawasan saya 75,000 penduduk-nya dengan sa-orang doktor? Ada-kah Kementerian Kesihatan berchadang untuk menambah doktor ditempat saya yang ramai-nya sa-bagaimana di-katakan tadi 75,000 orang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tempat mana itu?

**Tuan Hashim bin Gera:** Kawasan Parit sampai Kampong Gajah. Nama-nya pun Parit.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyebutkan fasal 75,000 orang. Kalau mengikut dasar kita hari ini 10,000 orang penduduk sa-buah chabang pusat kesihatan kechil, 40,000 orang penduduk hingga 50,000 ada sa-buah Pusat Kesihatan Besar, di-Parit, Kementerian saya berchadang hendak membena sa-buah hospital kechil dan doktor akan di-hantar kasa sa-kira-nya ada pusat kesihatan yang belum ada lagi doktor. Saya akan timbangan perkara ini oleh kerana kita kekurangan doktor pada waktu ini. Saya akan timbangan. Terima kaseh.

**Dato' K. M. James Wong:** Am I correct in hearing what the Honourable Minister said earlier on that for every District Hospital with at least 25 beds, a doctor will be stationed or has been stationed?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah di-nasihatkan oleh Pengarah Kesihatan Sarawak, kira-nya di-tempatkan dua orang doktor jadi under employed, dan tempat yang tidak ada doktor tidak ada sama sa-kali. Ini 25 katil hendak dua doktor. Di-Malaysia Barat sa-kurang<sup>2</sup>-nya 58 buah katil untuk sa-orang doktor. Tetapi saya suka terangkan bukan sahaja sa-orang doktor yang ada di-hospital<sup>2</sup> baik di-Sarawak atau di-Sabah ada lagi 20 orang staff daripada berbagai grade seperti Pembantu Hospital, Staff Nurse dan kakitangan<sup>2</sup> yang lain; bukan sa-orang doktor sahaja.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah pandangan Menteri Kesihatan tentang di-Trengganu chukup kekurangan doktor?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya akan beri doktor sa-berapa ramai yang dikehendaki apabila saya dapat doktor<sup>2</sup> daripada luar—itu tidak ada soal lagi.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beri tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Memberi tahu tidak payah. Kalau hendak tanya boleh tanya berhubung dengan soal ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Bertanya berhubung dengan soal ini. Adakah Menteri Kesihatan berchadang hendak menempatkan sa-orang doktor di-daerah Marang yang meliputi penduduk-nya lebeh kurang 35,000 yang sa-hingga ini tidak ada pun sa-orang doktor, bukan dua; sa-orang pun tidak ada.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya akan siasat perkara itu, sama ada di-situ ada Pusat Kesihatan Besar dan tempatan kediaman untuk, doktor.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Adakah Menteri yang berkenaan berchadang hendak mengadakan tempat sa-kira-nya tidak ada dan sa-lepas itu mengadakan doktor di-situ?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya akan adakan, insha' Allah, tetapi tidak boleh taroh doktor kalau tidak ada quarters.

**Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, scalan tambahan. Tidak-kah berchadang Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini hendak berbuat adil sadikit tentang pembahagian doktor<sup>2</sup> dari Indonesia itu supaya dapat-lah di-salorkan ka-negeri Pahang sadikit, Trengganu sadikit, Kelantan sadikit jangan sampai lebeh sa-paroh dapat negeri Johor sahaja (*Ketawa*).

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Ini bukan sa-paroh. Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang yang paling utama mengikut statistics sekarang ini walau pun negeri<sup>2</sup> di-Pantai Timor ini kurang doktor-nya, tetapi kekurangan itu dua kali ganda lebeh baik daripada keadaan kekurangan di-negeri Johor hari ini. Jadi kalau sudah sampai di-sana, kalau hendak insha' Allah kita tukarkan doktor<sup>2</sup> ini, bukan hendak kekalkan sampai dua tahun, tiga tahun satu<sup>2</sup> tempat, kita boleh kisarkan. Chuma mohon-lah surat kepada saya, saya akan timbangkan.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Nampak-nya soalan tambahan ini lari daripada maksud soal yang asal pertama. Soal yang asal-nya ia-lah mengenai hospital<sup>2</sup> di-daerah di-Sarawak. Ini melarat ka-Malaysia Barat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir pun memang bagitu juga. Asal kena orang sakit sahaja, soal pun bertambah-lah (*Ketawa*).

**Tuan Hanafiah bin Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menolong . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini berkenaan dengan Sarawak atau tidak?

**Tuan Hanafiah bin Hussain:** Berkenaan dengan Kementerian Kesihatan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau berkenaan dengan Sarawak saya izinkan, kalau tidak, tidak boleh.

**Tuan Hanafiah bin Hussain:** Terima kaseh.

**Tuan Ahmad bin Haji Ithnin:** Saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian Kesihatan berhubung soal di-Sarawak, ia-itu berapa ramai-kah doktor yang telah dihantar ka-Sarawak.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya minta notis, fasal tidak ada pertanyaan tadi berapa ramai. Saya akan berhubung kepada Yang Berhormat. Saya minta notis, tidak ada dalam tangan saya.

**Tuan Ahmad bin Haji Ithnin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ma'af saya. Saya ingin bertanya berapa banyak-kah doktor<sup>2</sup> yang telah ada di-Sarawak sana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dia meminta notis, dia hendak siasat-lah berapa.

#### SINO-MALAY ECONOMY ADVISORY CORPORATION BERHAD— PENUBOHAN

**12. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sama ada benar sa-buah badan Sino-Malay Economy Advisory Corporation Berhad telah pun di-tubuhkan dan untuk menyatakan kadar kemajuan yang telah dicapai oleh Lembaga Penasihat ini bersama<sup>2</sup> tugas<sup>2</sup> Lembaga Penasihat itu.

**Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, Badan Penasihat Kerjasama Ekonomi Melayu—China telah di-tubuhkan di-bawah tajaan bersama Dewan Perniagaan China Bersatu dan gabungan Dewan Perniagaan Melayu. Badan ini di-anggotai oleh 12 orang ahli terdiri daripada 6 orang daripada satu<sup>2</sup> pehak. Mengikut penerangan yang saya dapat terima di-antara tugas<sup>2</sup> Badan Penasihat itu ia-lah:

- (1) Meninjau masaalah<sup>2</sup> perniagaan Melayu dan memberi nasihat dan penerangan kepada mereka supaya membolehkan mereka turut serta di-dalam perniagaan export-import, perniagaan runchit, joint venture dengan orang<sup>2</sup> China di-dalam sa-banyak mungkin lapangan ekonomi dan juga perniagaan borong.
- (2) Menyiasat sa-barang pertikaian yang mungkin timbul di-antara peniaga<sup>2</sup> Melayu dan peniaga<sup>2</sup> China sa-kira-nya di-minta berbuat demikian dan
- (3) Di-dalam beberapa hal menyediakan tabong wang bagi membantu peniaga<sup>2</sup> Melayu.

Sa-takat ini, Tuan Yang di-Pertua, badan tersebut telah di-dirikan di-semua peringkat, peringkat negeri kechuali Sabah, Sarawak dan Melaka. Badan<sup>2</sup> di-peringkat Negeri bergerak dan chuma di-dalam beberapa perkara sahaja mereka di-kehendaki menurut pertunjukan. Jadi, boleh-lah di-katakan ia-itu sa-barang kemajuan ada-lah bergantung pada kerjasama badan<sup>2</sup> di-peringkat Negeri.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-lama badan ini telah di-tubuhkan apa pertolongan yang telah dapat kepada bumiputera di-Malaysia ini?

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** Saperti saya kata tadi, Dato' Yang di-Pertua, ini badan persendirian tetapi sa-jauh yang saya tahu daripada penerangan<sup>2</sup> yang kita terima, badan ini telah berjaya menolong orang<sup>2</sup> Melayu—peniaga<sup>2</sup> Melayu mendapat credit daripada wholesale China. Pada masa sekarang di-sabuah negeri sa-buah sharikat berchorak Sino-Malay telah di-tubuhkan.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Ada-kah badan ini telah mendapat bantuan atau pun wang daripada MARA dan badan ini akan mengelolakan bagaimana bantuan ini akan di-beri kepada bumiputra.

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** Tidak, Dato' Yang di-Pertua.

**Dr Chen Man Hin:** In view of the new economic policy as promulgated by the Honourable Prime Minister that we must help the have-nots of all races, don't you think that the name "Sino-Malay Economy Advisory Corporation Berhad" is a bit outdated and should be replaced by a more multi-racial name?

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** As I was mentioning just now, Dato' Yang di-Pertua, this particular body grew out of private initiative and has nothing to do with the Government.

### PERPECHAHAN MSA

**13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Pengangkutan sebab<sup>2</sup> perpechahan MSA (Malaysia Singapore Airlines) dan ada-kah Sharikat baharu ini di-usahakan oleh Kerajaan atau badan berkanun.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, sebab-nya Kerajaan telah memutuskan hendak memansokhkan gabungan-nya dengan Kerajaan Singapura dalam menjalankan penerbangan bersama ini ia-lah kedua<sup>2</sup> Kerajaan telah berpendapat ada-lah bermenafaat besar bagi kedua<sup>2</sup> pehak menubuhkan sharikat penerbangan yang berasingan. Bagitu juga ada-lah terlalu awal untuk di-nyatakan pada pereng-

kat ini apa-kah taraf<sup>2</sup> sharikat baharu ini, tetapi sekarang ini saya boleh mengatakan bahawa ia-nya akan di-punyaï oleh Kerajaan Malaysia.

**Tuan Ramli bin Omar:** Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana sudah ada hendak menubuhkan sharikat penerbangan sendiri, ada-kah pada masa sekarang ini Kerajaan telah menyediakan tapak dan saperti mengadakan expert dan sa-bagai-nya, dan berapa lama lagi di-jangka masa sharikat MSA yang ada sekarang ini akan habis tempoh penghabisan-nya?

**Dato' Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini kita sudah ada mempunyai pakar yang hendak menyiasat perkara ini dan penerbangan kita sendiri ini boleh jadi berjalan dalam masa lebeh kurang dua tahun lagi.

**Tuan Ramli bin Omar:** Soalan tambahan. Ada-kah saham<sup>2</sup> sharikat Penerbangan Malaysia yang akan di-tubuhkan itu akan di-jual kepada orang ramai?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

**Dato' Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu kita akan pertimbangkan.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah betul puncha perpechahan sa-bagaimana di-katakan orang dan saya berkata bahawa satu daripada sebab-nya ia-lah dengan sebab kuat tekanan Kerajaan Singapura kepada sharikat penerbangan itu oleh sebab sharikat penerbangan yang kita punya itu tidak mahu mengikut watak<sup>2</sup> pada pekerja<sup>2</sup> dan pakaian pekerja-nya berchorak Malaysia? Maka dengan sebab itu Kerajaan Singapura tidak suka.

**Dato' Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab yang lain lagi tetapi pada waktu ini, saya tidak dapat menerangkan-nya. Saya sudah pun terangkan tadi yang kedua<sup>2</sup> Kerajaan sudah berfikir ada-lah lebeh baik masing<sup>2</sup> mengadakan penerbangan sendiri.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana perpechahan antara MSA ini, maka ada-kah Kementerian bertanggung-jawab menyiapkan, oleh kerana tidak berapa lama

lagi menyiapkan hangar<sup>2</sup> untuk memperbaiki penerbangan kita pada hari yang akan datang.

**Dato' Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah memang tanggung-jawab kita dan kita akan mengadakan persediaan<sup>2</sup> yang mana<sup>2</sup> perlu.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi persediaan, ada-kah Kementerian ini berchadang pada masa yang akan datang supaya mengadakan pengkalan kapal terbang yang berchorak antara bangsa di-kawasan selatan Malaysia ia-itu dalam negeri saya negeri Johor bagi menggantikan tempat yang sekarang kita tempatkan di-Singapura?

**Dato' Abdul Ghani Gilong:** Ini akan di-timbangkan.

**Tuan Lim Cho Hock:** Mr Speaker, Sir, the question is to ask the Minister of Transport to state the reasons for the split of MSA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Will you state your question in Malay?

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Speaker, boleh-kah saya gunakan Bahasa Inggeris? (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the question is that the Minister is asked to state the reasons for the split of MSA and the answer we received is that the Government considers it expedient or necessary to have the split up. I think the House is entitled to know the actual reasons and not just a simple answer like this.

**Tun Dr Ismail:** (*Dengan izin*) Sir, there is nothing secret about the reasons why the M.S.A. should split. It is because our interests seemed to diverge. As you know, we have a big hinterland and we want a domestic airline, to be enlarged and to serve our people. Singapore has only an island and has not got a big hinterland and so has nothing to benefit from having a domestic airline; and this is the biggest reason why we decided to split. That is the main reason, Sir.

**Dr Chen Man Hin:** If that is the case, Sir, could we enjoy the best of both worlds? Let us enjoy the profits of an international airline—we continue with MSA—and have our own domestic airline as well, under another name, if possible.

**Tun Dr Ismail:** If the Honourable Member is in charge of the Singapore Airline, I will be very happy to deal with him. (*Ketawa*).

## MODAL MALAYSIA, SINGAPURA DAN BRUNEI AKIBAT PEMECAHAN MSA

**14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Pengangkutan dari pemecahan itu butirkan faedah dan munafa<sup>2</sup>atnya bagi Kerajaan Malaysia dan nyatakan jumlah modal Malaysia, Singapura dan Brunei, demikian juga pekerja<sup>2</sup>-nya di-Sharikat tersebut.

**Dato' Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan tertuboh-nya penerbangan kita sendiri, kita akan dapat menguasai dengan sa-penoh-nya perkara<sup>2</sup> seperti perkhidmatan<sup>2</sup> dalam negeri dan juga di-antara bangsa dalam Malaysia.

Berkenaan dengan pengambilan pekerja<sup>2</sup> sharikat itu juga dan lain<sup>2</sup> perkara yang tidak memuaskan sekarang ini oleh kerana sebarang kemajuan di-bidang ini memerlukan persetujuan lain<sup>2</sup> pemegang saham yang besar dalam Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura itu. Sekarang ini Malaysia dan Singapura masing<sup>2</sup> mempunyai 42.79% dari saham<sup>2</sup> MSA. Kerajaan Brunei mempunyai 4.66% dan baki-nya di-punyai oleh sabilangan pemegang<sup>2</sup> saham kecil.

Pekerja<sup>2</sup> pada waktu ini ada-lah hingga pada 30-11-1970 ada-lah 4,952 dan di-antara ini orang Singapura ada-lah 3,092 orang dan orang Malaysia 1,373; orang Brunei 13 orang dan lain<sup>2</sup> 474 orang.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah betul walau pun perpechahan Sharikat ini akan di-jalankan, akan berlaku, tetapi sekarang penanaman modal hendak di-besarkan, pengambilan pekerja hendak di-tambah, ada-kah ini betul?

**Dato' Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini ada-lah terlampau awal untuk kita memberi jawapan dalam soalan itu.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila perpechahan besok kita chuma dapat Fokker Friendship atau pun kita dapat 707 (*Ketawa*).

**Dato' Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah maseh dalam perundingan, belum ada peruntokan yang kita dapat hanya Fokker Friendship dan mereka dapat yang besar<sup>2</sup>-tidak.

**Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan perundingan hendak berpechah di-antara Singapura dan Malaysia dalam MSA ini, bagaimana kedudukan Brunei yang ada juga saham-nya yang lebeh kurang 14% itu, ada-kah termasuk dalam Malaysia atau pun pergi ka-Singapura.

**Tun Dr Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat itu terlambat sedikit-lah ini, jadi kita sudah pergi ka-soalan yang ke-14.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sekarang dalam soalan ke-14.

**Tun Dr Ismail:** Soalan pechahan tadi mengenai soalan yang ke-13, sekarang kita masuk ka-soalan yang ke-14, jadi dia sudah terlambat sedikit-lah (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan waktu pun sudah chukup.

(Masa untuk Pertanyaan<sup>2</sup> bagi Jawab Mulut telah chukup, dan jawapan<sup>2</sup> lisan bagi Pertanyaan<sup>2</sup> No. 15 hingga No. 49 adalah di-beri di-bawah ini).

### PENGANGGORAN BAGI PEMUDA<sup>2</sup> DI-SARAWAK

**15. Tuan Pengarah Rahun anak Debak** bertanya kepada Menteri Buroh :

- (i) ada-kah Kerajaan sedar akan bertambah-nya bilangan pemuda<sup>2</sup> yang terpelajar yang tidak mempunyai pekerjaan di-Sarawak;
- (ii) apa-kah langkah<sup>2</sup> yang di-ambil bagi menyediakan pekerjaan<sup>2</sup> yang sesuai untuk mereka.

**Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam):**

- (i) Kerajaan sedar tentang masaalah penganggoran di-kalangan pemuda<sup>2</sup> dan sedang membuat segala yang boleh untuk membaiki keadaan ini.

- (ii) Berlainan dengan Sabah dan Malaysia Barat, Sarawak tidak ada ladang<sup>2</sup> dan perusahaan<sup>2</sup> yang besar untuk meng-ambil penganggor<sup>2</sup> itu. Oleh itu, Kerajaan sekarang sedang memper-chepatkan kemajuan dalam perusahaan membalak sa-bagai sa-bahagian daripada penyelesaian untuk menyediakan kerja bagi penganggor<sup>2</sup> dan bilangan lepasan<sup>2</sup> sekolah di-negeri ini yang makin bertambah ramai.

(*Dengan izin*)

- (i) The Government is aware of the unemployment problem relating to youths and is doing all it can to ease the situation.
- (ii) Unlike Sabah and West Malaysia, there are no significant plantations and industries in Sarawak to absorb the unemployed. Hence, the Government is presently speeding up development of timber industries as part of the solution to provide jobs for unemployed and the growing number of school leavers in the State.

### FAKULTI PERUBATAN DI-UNIVERSITI KEBANGSAAN

**16. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail** minta kepada Menteri Pelajaran menerangkan :

- (a) bila Fakulti Perubatan di-Universiti Kebangsaan akan di-tubuhkan, dan
- (b) sama ada Kerajaan akan mengadakan satu tabong pinjaman biasiswa di-mana penuntut<sup>2</sup> boleh mendapat pinjaman dengan mudah-nya bagi membiayai pelajaran mereka.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:**

- (a) Kementerian Pelajaran akan men-chadangkan kepada pehak yang berkuasa Universiti Kebangsaan bagi menubuhkan sa-buah Fakulti Perubatan sebaik<sup>2</sup> sahaja perkara ini boleh di-jalankan.
- (b) Kerajaan sa-benar-nya sedang menim-bangkan soal mengadakan pinjaman kepada penuntut<sup>2</sup> Universiti.

## SISTEM PELAJARAN ANIKA-JURUSAN

17. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Pelajaran :

- (a) mengapa sistem Pelajaran Anika-Jurusan sa-lama 9 tahun tidak di-adakan di-Sarawak manakala Negeri<sup>2</sup> di-Malaysia Barat sudah menemukannya beberapa tahun; dan
- (b) ada-kah beliau akan menyamakan sistem pelajaran dengan Malaysia Barat memandang kepada penyamaan chukai di-Sarawak dan Malaysia Barat.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat kepada report "Inter-Governmental Committee on Malaysia, 1962 paragraph 17" yang antara-nya menyebutkan bahawa walau pun pelajaran akan menjadi perkara "Federal" polisi dan sistem pentadbiran pelajaran yang ada sekarang di-Sabah dan di-Sarawak (termasok undang<sup>2</sup> yang ada sekarang) tidak sa-patut-nya di-sentuh dan akan terus tinggal di-bawah kawalan Kerajaan Negeri sehingga Kerajaan Negeri itu menentukan sa-balek-nya. Berkenaan dengan soalan (b) daya pertama untuk menyamakan sistem pelajaran di-Sarawak dengan sistem pelajaran di-Malaysia Barat ada-lah terpulung kepada Kerajaan Negeri.

In reply to question (a), I would like to draw the attention of the Honourable Member to the Report of the Inter-Government Committee on Malaysia, 1962, paragraph 17 of which states inter-alia that although Education will be a Federal subject, the present policy and system of administration of Education in Sabah and Sarawak (including their present Ordinances) should be undisturbed and remain under the control of the Government of the State until that Government otherwise agrees. As to question (b), the initiative to bring in line the Education System of Sarawak with that of West Malaysia lies with the State Government.

## GURU<sup>2</sup> DI-MAJLIS<sup>2</sup> DAERAH SARAWAK—PEMBERHENTIAN

18. Tuan Luhut Wan minta kepada Menteri Pelajaran menyatakan :

- (a) berapa bilangan guru di-sekolah<sup>2</sup> Majlis Daerah di-Sarawak yang telah di-berhentikan pada akhir tahun 1970;

(b) berapa bilangan guru<sup>2</sup> di-tiap<sup>2</sup> Majlis Daerah; dan

(c) apa-kah sebab<sup>2</sup> mereka di-berhentikan.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:**

- (a) Saya anggap ahli Yang Berhormat bermaksud guru<sup>2</sup> sementara yang tidak terlatah yang biasa-nya di-lantek pada awal tiap<sup>2</sup> tahun oleh Majlis Daerah untuk mengisi jawatan<sup>2</sup> guru yang kosong di-merata<sup>2</sup> sekolah. Jumlah bilangan guru<sup>2</sup> sementara yang tidak terlatah ini yang mana perkhidmatan mereka di-tamatkan (bukan di-buang) pada penghujung tahun 1970 ia-lah sa-ramai 819 orang.
- (b) Berkenaan dengan bilangan mereka itu bagi tiap<sup>2</sup> Majlis Daerah ia-lah seperti berikut :

Nama Majlis	Nombor Perkhidmatan mereka yang telah tamat m.d.p. 1-1-71
<i>Bahagian Pertama</i>	
•Perbandaran Kuching ...	15
Kuching Rural ...	92
Bau ...	17
Lundu ...	24
Upper Sadong ...	26
Lower Sadong ...	73
<i>Bahagian Kedua</i>	
Batang Lupar ...	8
Saribas ...	Tiada
Kalaka ...	9
Lubok Antu ...	8
<i>Bahagian Ketiga</i>	
Sibu Urban ...	4
Sibu Rural ...	8
Binatang ...	10
Sarikei ...	13
Matu/Daro ...	32
Kanowit ...	40
Mukah ...	7
Kapit ...	45

Nama Majlis	Nombor Perkhidmatan mereka yang telah tamat m.d.p. 1-1-71	Name of Council	No. whose services were terminated w.e.f. 1-1-71
<i>Bahagian Ke-empat</i>		<i>Third Division</i>	
Miri ... ..	16	Sibu Urban ... ..	4
Subis ... ..	19	Sibu Rural ... ..	8
Baram ... ..	42	Binatang ... ..	10
Bintulu ... ..	38	Sarikei ... ..	13
<i>Bahagian Kelima</i>		<i>Fourth Division</i>	
Limbang ... ..	15	Matu/Daro ... ..	32
Lawas ... ..	32	Kanowit ... ..	40
		Mukah ... ..	7
		Kapit ... ..	45
		<i>Fifth Division</i>	
		Miri ... ..	16
		Subis ... ..	19
		Baram ... ..	42
		Bintulu ... ..	38
		Limbang ... ..	15
		Lawas ... ..	32

(c) Guru<sup>2</sup> ini bukan-lah di-buang mengikut erti kata yang sa-benar-nya. Mereka telah di-lantek atas dasar sa-bulan ka sabulan dan di-beri kebenaran untuk mengajar. Kebenaran ini mati pada 31hb Disember, 1970. Mereka ada-lah di-ganti oleh guru<sup>2</sup> yang berkelulusan daripada Maktab<sup>2</sup> Latehan Guru atau pun oleh guru<sup>2</sup> sementara yang tidak terlatah tetapi mempunyai lebeh kelayakan akademik.

(Dengan izin)

(a) I presume that the Honourable Member is referring to the untrained temporary teachers who are normally appointed at the beginning of each year by District Councils to fill teaching vacancies in their respective school. The total number of such untrained temporary teachers whose services were terminated (not retrenched) at the end of 1970 was 819.

(b) as regards the number in each District Council the break-down is as follows:

Name of Council	No. whose services were terminated w.e.f. 1-1-71
<i>First Division</i>	
Kuching Municipal ... ..	15
Kuching Rural ... ..	92
Bau ... ..	17
Lundu ... ..	24
Upper Sadong ... ..	56
Lower Sadong ... ..	73
<i>Second Division</i>	
Batang Lupar ... ..	8
Saribas ... ..	nil
Kalaka ... ..	9
Lubok Antu ... ..	8

(c) These teachers were not retrenched in the true sense of the word. They were appointed on a month to month basis and granted a permit to teach, which expired on 31st December, 1970. They were replaced by qualified teachers from teacher training colleges or by better academically qualified untrained temporary teachers.

## SEKOLAH<sup>2</sup> PERTUKANGAN DAN TEKNIK DI-SARAWAK

19. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada Kerajaan mempunyai rancangan hendak menubuhkan lebeh banyak sekolah<sup>2</sup> pertukangan dan teknik di-tiap<sup>2</sup> Bahagian di-Sarawak bagi melatah belia<sup>2</sup> yang mempunyai kemahiran teknik, supaya mereka akhir-nya dapat membuat sumbangan<sup>2</sup> yang berguna kepada pembangunan ekonomi Negeri itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Pada masa ini Kementerian Pelajaran mempunyai rancangan untuk mendirikan sa-buah sekolah vokeshenal di-Sibu dan rancangan ini telah pun di-masokkan dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Kedua. Apabila timbul keperluan mendirikan lagi sekolah<sup>2</sup> vokeshenal di-Sarawak maka Kementerian akan menimbangannya.

(*Dengan izin*) At present, the Ministry of Education has plans to establish a vocational school in Sibul and provision has been entered in the Second Malaysia Development Plan. Whenever there is need for additional vocational schools in Sarawak, the Ministry will consider it.

### BANTUAN BANJIR DARI LIMA NEGARA

**20. Tuan Haji Ahmad Arshad** bertanya kepada Menteri Pertahanan berapa buah dan apa negara yang membantu Tentera Udara dan Laut Malaysia memberikan khidmat-nya ketika negeri ini di-ancham oleh banjir baharu<sup>2</sup> ini, dan apa-kah bentuk perkhidmatan yang di-sumbangkan, dan lama tempoh-nya.

**Perdana Menteri:** Lima buah Negara, iaitu, Amerika Sharikat, Australia, Britain, New Zealand dan Singapura telah memberi bantuan kepada Malaysia untuk menjalankan kerja<sup>2</sup> menyelamatkan semasa Negara menghadapi banjir baru<sup>2</sup> ini. Sumbangan Negara<sup>2</sup> itu ada-lah seperti berikut.

Amerika Sharikat telah menyediakan 6 buah helikopter dan sa-buah kapal terbang yang mana telah di-gunakan untuk mengangkut barang<sup>2</sup> bekalan dan menyelamatkan mangsa<sup>2</sup> banjir. Tempoh perkhidmatan membantu ini ia-lah dari 8hb hingga 20hb Januari, 1971.

Australia telah menyediakan 2 buah kapal terbang yang juga telah di-gunakan untuk mengangkut barang<sup>2</sup> bekalan dan menyelamatkan mangsa<sup>2</sup> banjir. Perkhidmatan membantu ini telah berlangsung dari 6hb hingga 7hb Januari, 1971.

Britain telah menyediakan 7 buah kapal terbang dan sa-buah kapal laut yang mana di-gunakan untuk mengangkut barang<sup>2</sup> bekalan dan menyelamatkan mangsa<sup>2</sup> banjir. Perkhidmatan membantu ini bermula dari 6hb hingga 16hb Januari, 1971.

New Zealand telah menyediakan sa-buah kapal terbang untuk tujuan yang sama dan telah berkhidmat dari 7hb hingga 14hb Januari, 1971.

Singapura telah menyediakan 4 buah helikopter untuk tujuan yang sama juga dan telah berkhidmat dari 6hb hingga 16hb Januari, 1971.

(*Dengan izin*) Five countries, i.e. the United States of America, Australia, Britain, New Zealand and Singapore gave assistance to Malaysia in relief work during the recent floods. The form of assistance provided by the countries are as follows:

The U.S.A. provided 6 helicopters and one aircraft which were used for the transportation of supplies and the rescue of flood victims. The relief work lasted from 8th January to 20th January, 1971.

Australia provided 2 aircraft which were also used for the transportation of supplies and the rescue of flood victims. The relief work lasted for 2 days, i.e. from 6th to 7th January, 1971.

Britain provided 7 helicopters and one Logistic Ship which were also used for the transportation of supplies and the rescue of flood victims. The relief work lasted from 6th to 16th January, 1971.

New Zealand provided one aircraft which was used for the same purpose from 7th to 14th January, 1971.

Singapore provided 4 helicopters which were put to use for similar purposes from 6th to 16th January, 1971.

### PUSAT PEMBENA NEGARA DAN PUSAT BELIA PELUPOR NEGARA

**21. Tuan Othman bin Abdullah** minta kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sejauh mana kemajuan yang telah di-chapai oleh Pusat Pembena Negara dan Pusat Belia Pelupor Negara di-Dusun Tua Selangor, terutama:

- (a) berapa ramai-kah belia<sup>2</sup> yang telah di-lateh di-kedua<sup>2</sup> Pusat tersebut;
- (b) berapa ramai-kah di-antara belia<sup>2</sup> yang tamat latehan di-Pusat Pelupor Negara itu yang telah menjalankan pekerjaan sendiri mengikut jurusan latehan masing<sup>2</sup> dan apa-kah bantuan serta kemudahan<sup>2</sup> yang di-beri kepada mereka bagi memajukan kebolehan mereka itu;
- (c) berapa ramai-kah di-antara belia<sup>2</sup> yang di-lateh itu yang telah mendapat pekerjaan;
- (d) ada-kah Kementerian ini berchadang hendak meluaskan lagi latehan kemahiran kepada belia<sup>2</sup> yang di-tempatkan di-Pusat Pelupor Negara itu.

**Menteri Kebudayaan Belia dan Sokan  
(Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah):**

- (a) Setakat ini Pusat Latehan Belia Di-Dusun Tua telah mengambil seramai 8,767 orang belia untok di-lateh. Bilangan ini mengandongi 1,832 orang yang di-lateh di-dalam Angkatan Belia Pelupor Negara mulai daripada bulan Julai 1966 dan 6,935 orang yang di-lateh di-dalam Angkatan Pembena Negara yang di-mulakan dalam bulan Oktober, 1969.
- (b) Mengikut kenyataan yang ada di-Kementerian saya, hanya sembilan orang sahaja yang sedang menjalankan pekerjaan sendiri dengan chara berniaga seperti membuka kedai jahitan dan kedai membaiki Radio/Talivishen. Kementerian saya tidak memberikan bantuan kewangan kepada bekas<sup>2</sup> pelateh itu akan tetapi bekas<sup>2</sup> pelateh yang menghendakki bantuan dan yang hendak memajukan kebolehan mereka telah pun di-beri nasehat supaya membuat permohonan pinjaman wang daripada Majlis Amanah Ra'ayat.
- (c) Bilangan bekas<sup>2</sup> pelateh yang telah mendapat pekerjaan ia-lah:
- |                        |     |     |             |
|------------------------|-----|-----|-------------|
| Angkatan Belia Pelupor |     |     |             |
| Negara                 | ... | ... | 1,359 orang |
| Angkatan Pembena       |     |     |             |
| Negara                 | ... | ... | 4,812 orang |
- Baki-nya ada-lah mengandongi bekas<sup>2</sup> pelateh yang menunggu keputusan temu-duga yang sedang di-temu-duga dan yang maseh lagi menjalani latehan di-Dusun Tua.
- (d) Kementerian saya sedang menimbang-kan soal meluaskan lagi latehan kemahiran di-Pusat Latehan Dusun Tua bagi menampung kehendak<sup>2</sup> pehak majikan.

**PERSATUAN KELAB<sup>2</sup> BELIA**

**22. Tuan Othman bin Abdullah** minta kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan apa-kah dasar dan progreem konkrit Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan yang akan di-salorkan kepada Persatuan Kelab<sup>2</sup> Belia untok membolehkan belia<sup>2</sup> mengambil peranan utama dalam Pembangunan Negara di-masa akan datang.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tujuan<sup>2</sup> dasar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan mengenai perkara belia sebagaimana yang di-ishtiharkan ketika di-rasmikan dalam tahun 1964 ada-lah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan satu jentera di-mana pehak Kerajaan dan badan<sup>2</sup> sukarela boleh berkerjasama dalam usaha yang sa-laras.
- (ii) Menubuhkan sa-buah badan kordinasi dan penyelaras baru bagi semua pertubohan<sup>2</sup> belia sukarela di-Malaysia.
- (iii) Membentok Majlis Penasehat dan Kemajuan Belia.
- (iv) Membentok Persidangan Belia Tetap di-daerah<sup>2</sup>.
- (v) Menentukan supaya pertubohan<sup>2</sup> belia memperolehi persetujuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan sa-belum menyertai satu<sup>2</sup> persidangan di-antara bangsa.
- (vi) Menegaskan supaya Kementerian di-wakili dalam Jawatankuasa<sup>2</sup> kerja ka-semua pertubohan<sup>2</sup> sukarela yang menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan.
- (vii) Memberi nasehat yang praktikal kepada kelab<sup>2</sup> dan pertubohan<sup>2</sup> belia.
- (viii) Membantu kelab<sup>2</sup> belia melalui bantuan kewangan.
- (ix) Menggalak dan memimbing kemajuan kelab<sup>2</sup> belia.
- (x) Memberi kemudahan untok latehan pemimpin<sup>2</sup> belia.
- (xi) Membena khemah<sup>2</sup> belia.
- (xii) Membentok pasokan perkhidmatan belia (Youth Service Corps.)
- (xiii) Melancharkan sekim Tauliah Yang di-Pertuan Agong.
- (xiv) Mengelola satu latehan kebangsaan bagi belia<sup>2</sup> yang menganggor dan
- (xv) Menggalak dan mengelola lawatan<sup>2</sup> oleh belia ka-negara<sup>2</sup> jiran dan lain<sup>2</sup>.

**KEBUDAYAAN NASIONAL**

**23. Tuan Othman bin Abdullah** minta kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan apa-kah peranan yang telah di-ambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan selama ini bagi melahirkan suatu kebudayaan Nasional yang boleh di-terima oleh masharakat yang berbilang kaum

di-negara ini. Dan ada-kah Kementerian ini berchadang hendak menganjorkan suatu konvenshen Kebangsaan yang di-sertai oleh semua kaum bagi membinchangkan masalah tersebut.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Baharu<sup>2</sup> ini satu pemereksaan semula mengenai dasar telah di-buat dan hasil di-bawah ini telah di-terima sebagai dasar Kementerian ini.

- (a) Memberi pimpinan dan arahan atas asas kebangsaan bagi memajukan minat, aspirasi dan semangat belia negeri ini dan menyalorkan mereka kepada pembangunan yang telah bererti selaras dengan kehendak<sup>2</sup> kebangsaan.
- (b) Menanamkan semangat ta'at setia, kesabaran dan persefahaman di-kalangan belia berbagai kaum serta mengujudkan satu identiti kebangsaan yang satu.
- (c) Menggalakkan belia<sup>2</sup> supaya melibatkan diri, mengambil bahagian dan commitment mereka mengenai pembangunan socio-ekonomik negara.
- (d) Memberi kesempatan kepada kemajuan bakat, kecekapan dan potentialiti di-kalangan belia<sup>2</sup> negara ini dengan tujuan untuk membentok perangai, memasokkan nilai<sup>2</sup> sosial dan meninggikan pengharapan untuk masa depan yang lebih baik.
- (e) Membantu dan memberi kerjasama dengan semua ejensi<sup>2</sup> Kerajaan dan bukan Kerajaan dalam usaha mereka untuk menyediakan kehendak<sup>2</sup> belia.

Supaya dapat di-laksanakan dasar yang tersebut di-atas, ranchangan<sup>2</sup> di-bawah ini sedang di-majukan oleh Kementerian melalui Pegawai<sup>2</sup> luar untuk di-terima oleh semua kelab<sup>2</sup> dan pertubohan<sup>2</sup> belia.

(i) *Pelajaran*

- (a) Kelas<sup>2</sup> petang untuk mereka<sup>2</sup> yang keluar dari sekolah.

Peringatan: Gabungan Pelajar<sup>2</sup> Melayu Semenanjung telah menjadikan ini sebagai satu ranchangan yang besar di seluruh negeri melalui chawangan<sup>2</sup> di-negeri<sup>2</sup> dan daerah<sup>2</sup>. Kementerian ini menyediakan sedikit bantuan kewangan untuk tujuan ini. Beberapa buah kelab belia juga terlibat dalam kegiatan seperti

ini yang di-kenal dengan nama "Kelas Bimbingan" dan Kementerian juga memberi bantuan kewangan dan nasihat dalam perkara ini.

- (b) Kelas<sup>2</sup> petang untuk mereka yang akan memasoki pepereksaan<sup>2</sup>.

Peringatan: Saperti dalam (a) di-atas.

- (c) Taman Didekan Kanak<sup>2</sup>.

Peringatan: Kementerian telah menimbulkan semangat kesedaran tentang keperluan latehan awal untuk kanak<sup>2</sup> yang akan memasoki bangku persekolahan dan hingga hari ini ada lebih-kurang 200 buah kelab yang telah mengambil initiative untuk menubuhkan Taman Didekan Kanak<sup>2</sup>. Kementerian menyediakan bantuan kewangan bagi pelancharan kebanyakan Taman Didekan Kanak<sup>2</sup> dan kursus<sup>2</sup> telah di-ator untuk guru<sup>2</sup> Taman Didekan Kanak<sup>2</sup> ini di-perengkat negeri.

- (d) Kegiatan<sup>2</sup> intelektual saperti majlis<sup>2</sup> forum, cheramah, seminar dan kursus.

Peringatan: Kegiatan<sup>2</sup> ini pada umum-nya di-jalankan oleh kelab<sup>2</sup> dan pertubohan<sup>2</sup> belia dengan chara bersendirian dan peranan Kementerian dalam bidang ini terhad kepada nasihat sahaja. Kursus<sup>2</sup> dan seminar<sup>2</sup> bagaimana pun di-buat atas dasar Kerjasama.

- (e) Kelas untuk pertukangan tangan dan vokeshen.

Peringatan: Sa-tengah<sup>2</sup> dari kelas<sup>2</sup> ini di-jalankan di-bangunan<sup>2</sup> kelab belia oleh pemimpin<sup>2</sup> yang telah menjalani latehan di-Pusat Latehan Belia Negara atau di-Pusat Latehan Angkatan Pelupor Negara. Ada juga kechenderongan untuk mengadakan bengkel<sup>2</sup> vokeshenal dengan tujuan menyediakan latehan

dalam berbagai<sup>2</sup> bidang perniagaan seperti motor mekanik. Kegiatan<sup>2</sup> di-kalangan ahli kelab belia di-Muar yang di-mulakan oleh Majlis Belia Daerah ada-lah satu contoh.

(f) Pertolongan Chemas.

Peringatan: Kelab<sup>2</sup> belia menubuhkan Pasokan<sup>2</sup> Khidmat Belia sebagai satu bahagian dari Rancangan Perkhidmatan Masyarakat dan pertolongan chemas telah diajar kepada ahli<sup>2</sup> untuk membolehkan mereka memberi pertolongan yang di-perlukan bila<sup>2</sup> masa sahaja yang di-kehendaki. Kementerian menyediakan bantuan kewangan dan nasihat dalam menyelenggarakan kursus<sup>2</sup> tersebut.

(ii) Pertanian

(a) Penyertaan dalam ranchangan<sup>2</sup> tanah.

Peringatan: Walau pun Rancangan<sup>2</sup> Tanah Belia ada-lah menjadi tanggungjawab kerajaan<sup>2</sup> negeri, pegawai<sup>2</sup> kita ada-lah ahli<sup>2</sup> dalam jawatankuasa tersebut dan kerja penggalakan ada-lah di-buat oleh pegawai<sup>2</sup> kita.

(b) Perladangan kolektif sechara kecil.

Peringatan: Sebagai satu langkah untuk mengurangkan perpindahan orang<sup>2</sup> muda dari luar bandar ka-bandar, Kementerian telah memajukan satu ranchangan Perladangan Kolektif dan melalui pertolongan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri banyak kelab<sup>2</sup> belia telah mendapat tanah atas T.O.L. untuk tujuan<sup>2</sup> tanaman. Keluasan tanah yang di-dapati ada-lah di-antara 1 hingga 200 ekar. Kementerian juga menyediakan bantuan kewangan dan nasihat selain dari nasihat teknikal dari Jabatan Pertanian. Trengganu, Pahang, Kedah, Johor dan Perak ada-lah contoh<sup>2</sup> di-mana ranchangan<sup>2</sup> seperti ini sedang di-jalankan.

(c) Petak<sup>2</sup> ladang persaorangan.

Peringatan: Orang<sup>2</sup> muda telah di-nasihatkan supaya menggunakan semua tanah<sup>2</sup> yang ada terutama tanah<sup>2</sup> yang terbiar oleh tuan<sup>2</sup> punya tanah. Melalui perundingan, sabilangan besar dari tanah<sup>2</sup> ini telah di-pecahkan kepada petak<sup>2</sup> terutama sekali di-Johor, Selangor dan Melaka.

(d) Ternakan ayam itek, ikan dan ternakan haiwan.

Peringatan: Dengan pertolongan Jabatan Kerajaan yang bersangkutan, kelab<sup>2</sup> belia telah di-beri bantuan dalam tujuan ini. Peranan Kementerian ada-lah semata<sup>2</sup> untuk membangkitkan semangat kesedaran mengenai keperluan kegiatan<sup>2</sup> tersebut dan mengadakan hubungan yang perlu dengan jabatan<sup>2</sup> yang berkenaan.

(iii) Ekonomi

(a) Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama Pelbagai-Guna.

Peringatan: Kementerian mengadakan segala insentif yang di-perlukan melalui ko-ordinasi dengan Maktab Kerjasama untuk mengatorkan kursus bagi pemimpin<sup>2</sup> belia. Beberapa buah Sharikat Kerjasama telah di-tubuhkan sebagai satu tambahan kepada Pertubuhan<sup>2</sup> Belia. Sebagai contoh, Gerakan Belia 4B ada mempunyai beberapa Sharikat Kerjasama Pelbagai-Guna yang kecil dan sekarang sedang meranchangkan untuk melancarkan Sharikat tersebut di-seluruh negara tidak lama lagi.

(b) Penjualan hasil dari ladang dan kegiatan<sup>2</sup> pertukangan tangan, kedai<sup>2</sup> buku dan alatan tulis, gerai<sup>2</sup> makanan dan perbekalan perkhidmatan seperti kedai gunting dan sebagainya.

Peringatan: Kegiatan ini ada-lah hasil dari kerja<sup>2</sup> penggalakan yang di-buat oleh Kementerian untuk membolehkan kelab<sup>2</sup> belia berdiri di-atas kaki sendiri, di-samping itu memberi peluang kepada ahli<sup>2</sup> mencari kehidupan dan dengan demikian mengurangkan masalah penganggoran.

(iv) *Perkhidmatan<sup>2</sup> Masyarakat*

- (a) Rancangan<sup>2</sup> memperbaiki kesihatan.
- (b) Memelihara kemudahan<sup>2</sup> masyarakat dan kepentingan mereka.
- (c) Memperbaiki kemudahan<sup>2</sup> masyarakat melalui khemah<sup>2</sup> kerja.
- (d) Bantuan serta merta dalam masa bencana seperti banjir, kebakaran, musim tengkujuh, angin ribut dan lain<sup>2</sup>.

Peringatan: Dalam tahun 1967 Kementerian telah melancarkan dua rancangan yang di-kenali sebagai Rancangan Memelihara dan Pasokan<sup>2</sup> Khidmat Belia dan maseh bergerak hingga hari ini. Melalui rancang-kerja ini, belia dari berbagai<sup>2</sup> kaum telah di-bawa bersama<sup>2</sup> untuk mendapat pengalaman. Sebagai satu usaha penggalakan, Pertandingan Jayadiri di-adakan tiap<sup>2</sup> tahun sempena dengan Perayaan Hari Belia Negara.

(v) *Riadhah*

- (a) Semua bentuk sukan dan permainan.
- (b) Latehan Jasmani (Physical).
- (c) Badan Chantek dan lain.

(vi) *Kebudayaan*

- (a) Drama
- (b) Tarian<sup>2</sup>
- (c) Pertandingan<sup>2</sup> Talentime.

Bukan-lah menjadi tugas Kementerian untuk mengadakan semua rancangan<sup>2</sup> diatas tetapi lebih menumpukan perhatian kearah menggalakkan kegiatan<sup>2</sup> tersebut dan di-mana perlu untuk menambahkan kegiatan<sup>2</sup> yang sedang di-selenggarakan oleh Pertubohan<sup>2</sup> Belia yang bukan Kerajaan.

Kementerian ingin menumpukan perhatian yang lebih berat kepada sumbangan nasihat dan pimpinan pakar ka-atas pimpinan pertubohan<sup>2</sup> belia, dan mengatorkan kursus<sup>2</sup>, seminar, dan sebagai-nya sama ada dengan chara mereka sendiri atau selaras dengan Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan dan Kementerian<sup>2</sup> lain dan juga untuk membentok kemudahan<sup>2</sup> itu seperti Pusat<sup>2</sup> Pelbagai-Guna, Asrama<sup>2</sup> Belia dan Khemah Belia untuk membolehkan orang<sup>2</sup> muda memajukan diri mereka dalam pembangunan negara.

23. (i) Dalam menuju mutlamat melahirkan suatu kebudayaan nasional Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan telah menjalankan peranan-nya menurut konsep yang kebudayaan berkenaan akan dapat di-terbitkan dan di-pupok dengan chara peroses evolusi dengan menggunakan kebudayaan Melayu sebagai teras. Untuk menchapai mutlamat ini, Kementerian telah mengadakan pelbagai seminar membincangkan tiap<sup>2</sup> cabang kesenian dan chara<sup>2</sup> amali bagi menchapai tujuan tersebut.

(ii) Mengenai Konvenshen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, akan mengadakan suatu Konvenshen atau Kongress Kebudayaan Kebangsaan tidak lama lagi.

**PERKAKAS PAIP-AYER**

24. **Penghulu Abit anak Ankin** bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom:

- (a) ada-kah tidak Menteri sedar, ia-itu, semua daerah<sup>2</sup>-kecil (sub-districts) dalam Bahagian Ketiga di-Sarawak tidak ada mempunyai perkakas paip-ayer;
- (b) boleh-kah Menteri mengambil tindakan dengan sa-chepat-nya untuk mengadakan perkakas paip-ayer kepada daerah<sup>2</sup>-kecil (sub-districts) dalam Bahagian Ketiga di-Sarawak, supaya ra'ayat bertambah sehat.

**Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan):** Oleh sebab Bekalan Ayer ia-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri, saya chadangkan bahawa Yang Berhormat mengemukakan soalan ini kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

**UNDANG<sup>2</sup> BUROH—MENAREK SAMULA PINDAAN**

25. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah Kerajaan bersedia menarek sa-mula pindaan<sup>2</sup> yang di-buat kepada Undang<sup>2</sup> Buroh yang di-keluarkan pada 9hb Oktober, 1969. Sekira-nya tidak nyatakan sebab<sup>2</sup> mengapa undang<sup>2</sup> yang tidak berdasarkan demokratik ini perlu di-buat sedangkan ia berlawanan dengan asas kebebasan pergerakan kesatuan sekerja.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Saya tidak fikir bahawa pindaan<sup>2</sup> yang di-buat pada 9hb Oktober, 1969 dan 12hb Februari, 1971 itu

tidak demokratik dan dalam apa chara pun melanggar kebebasan asasi pergerakan kesatuan sekerja. Pindaan<sup>2</sup> tersebut bertujuan untuk mengadakan tenaga buroh yang boleh di-kawal, menarek pelaburan modal yang baru, membuka peluang<sup>2</sup> pekerjaan kepada pehak yang tidak berada sambil itu memberi pekerja gaji yang saksama dan keadaan kerja yang menasabah. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak berchadang hendak menarek kembali pindaan tersebut tetapi bersedia mengulang kaji pindaan itu dari masa kamasa untuk menyesuaikan dengan keadaan. Sa-benar-nya beberapa pindaan telah dibuat baru<sup>2</sup> ini hasil dari rayuan yang di-buat oleh M.T.U.C.

*(Dengan izin)* I do not consider that the amendments introduced on 9th October, 1969 and 12th February, 1971 are undemocratic and in any way violate the basic freedom of the trade union movement. The amendments are intended to bring about a manageable labour force, attract new investments, create employment opportunities for the have-nots while providing the workers with equitable remuneration and reasonable working conditions. As such, the Government does not intend to withdraw those amendments but is prepared to review them from time to time in order to suit prevailing conditions. In fact, considerable amendments have been made recently as a result of representation made by M.T.U.C.

### PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA

**26. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau mengetahui akan sumbangan pergerakan kesatuan sekerja terhadap kemajuan dan perkembangan ekonomi negara. Jika mengetahui, mengapa Kerajaan mengambil tindakan<sup>2</sup> menahan hak<sup>2</sup> demokrat pergerakan kesatuan sekerja.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Saya sedar akan peranan yang di-mainkan oleh gerakan kesatuan sekerja dan beberapa orang dari ketua<sup>2</sup> yang bertanggung-jawab dalam mengekalkan keamanan perusahaan, dengan itu memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi negara. Oleh kerana ini-lah Kerajaan tidak berchadang untuk menyimpang dari polisi menggalakkan pembangunan kesatuan sekerja yang kuat, bebas dan demokratik yang telah di-istiharkan di-negara ini.

*(Dengan izin)* I am aware of the part played by the trade union movement and some of its responsible leaders in the maintenance of industrial peace, thereby contributing towards the economic progress of this country. It is in recognition of this that Government does not intend to divert from its declared policy of encouraging the growth of strong, independent and democratic trade unions in this country.

### PENGAMBILAN PEKERJA<sup>2</sup>

**27. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah lain<sup>2</sup> wakil<sup>2</sup> Kerajaan yang berkuasa sa-lain dari Pusat Pekerjaan bagi pengambilan pekerja<sup>2</sup> ka-dalam perkhidmatan Kerajaan dan ka-dalam pehak<sup>2</sup> berkuasa tempatan. Sekira-nya benar, sila berikan nama atau nama<sup>2</sup> wakil<sup>2</sup> tersebut.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Perkhidmatan Pekerjaan tidak mengambil pekerja<sup>2</sup> ka-dalam perkhidmatan Kerajaan dan Pehak<sup>2</sup> Berkuasa Tempatan. Tiap<sup>2</sup> Pehak Berkuasa Tempatan mengambil pekerja<sup>2</sup>-nya sendiri. Pehak Berkuasa pengambilan pekerja<sup>2</sup> ka-dalam, perkhidmatan Kerajaan untuk pegawai<sup>2</sup> Bahagian I hingga III ia-lah Surohan-jaya Perkhidmatan Awam, dan pengambilan untuk pegawai<sup>2</sup> Bahagian IV di-wakikan kepada Ketua<sup>2</sup> Jabatan.

*(Dengan izin)* The Employment Service does not recruit employees into the Government service and local authorities. Each individual local authority recruits its own workers directly. The recruiting authority into Government Service for Division I to III officers is the Public Services Commission, and recruitment of Division IV officers is delegated to Heads of Department.

### ORANG<sup>2</sup> TAHANAN TERANIAYA

**28. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak (a) yang banyak orang tahanan yang di-hantar ka-Pulau Jerejak di-bawah Odinan Menchegah Jenayah ada-lah tidak bersalah atau di-reka kesalahan mereka (b) apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil untuk membebaskan orang<sup>2</sup> yang tidak bersalah atau di-reka kesalahan mereka. (c) Menyatakan jumlah yang ditahan dan kemudian di-bebaskan kerana mereka ta' bersalah atau di-reka kesalahan mereka.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail):**

- (a) Tidak. Mengikut pengetahuan saya tidak ada di-antara mereka<sup>2</sup> yang ditahan di-Pulau Jerejak telah teraniaya.
- (b) Semua-nya orang<sup>2</sup> tahanan termasuklah juga orang<sup>2</sup> yang menganggap mereka telah teraniaya bolehlah membuat rayuan sechara bertulis kepada Lembaga Penasehat di-bawah seksyen 5 (1) Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam & Menchegah Jenayah), dalam tempoh sebulan sa-telah Perintah Tahanan di-kenakan mengikut seksyen 4 (1).
- (c) Di-antara orang<sup>2</sup> yang membuat rayuan kepada Lembaga Penasehat, 91 orang telah di-bebaskan dan di-antara-nya 17 orang di-bebaskan tanpa syarat dan 74 orang di-bebaskan dengan syarat sekatan mengikut seksyen 4B. Tetapi ini bukan-lah berma'ana orang<sup>2</sup> yang di-bebas tanpa syarat itu telah teraniaya.

**ORANG<sup>2</sup> TAHANAN DI-PULAU JEREJAK**

**29. Tuan Lim Kit Siang** minta kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa keadaan di-Pulau Jerejak ia-lah untuk melemahkan semangat peri kemanusiaan sa-sorang, dan tidak ada perkara yang berguna untuk tahanan<sup>2</sup> di-Pulau Jerejak membuat walau pun banyak publisiti telah di-beri berkenaan dengan ranchangan pemulehan atau latehan untuk tahanan<sup>2</sup> mempelajari-nya; dan menyatakan apa-kah tindakan<sup>2</sup> yang akan di-ambil untuk membaiki keadaan di-Pulau Jerejak supaya tahanan<sup>2</sup> itu dapat membuat sa-suatu yang berguna.

**Tun Dr Ismail:** Saya tidak bersetuju bahawa keadaan<sup>2</sup> di-Pusat Pemulehan Akhlak, Pulau Jerejak ia-lah seperti di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Dalam lawatan saya ka-Pusat Pemulehan Akhlak pada 26hb Disember, 1970 saya telah berpuas hati berkenaan kemajuan Ranchangan Pemulehan. Orang<sup>2</sup> tahanan ada-lah di-beri peluang yang menchukupi untuk belajar perusahaan<sup>2</sup> yang berguna. Sa-benar-nya mereka ada-lah juga mengambil kesempatan atas peluang<sup>2</sup> tersebut.

(*Dengan izin*) I do not agree that the conditions at the Pulau Jerejak Rehabilitation

Centre are as described by the Honourable Member. During my recent visit to the Rehabilitation Centre on 26th December, 1970 I was satisfied that the Rehabilitation Programme was making good progress. The detainees have sufficient opportunities to learn useful trades and are in fact taking advantage of these opportunities.

**KEKOTORAN UDARA—KAWALAN**

**30. Tuan Lim Kit Siang** minta kepada Menteri Kesihatan menyatakan langkah<sup>2</sup> yang akan di-ambil untuk melindungi dari kekotoran udara di-sekitar bandar dan luar bandar; dan menentukan taraf hidup yang lebeh sihat untuk ra'ayat Malaysia.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa kekotoran sementara untuk menyiasat dan mengkaji semua chara mengubati keluaran kotoran dan chadangan<sup>2</sup> pembuangan oleh perusahaan<sup>2</sup> yang di-luluskan. Satu Jawatankuasa telah juga di-bentuk untuk mengawal keluaran udara kotor dari paip asap kenderaan<sup>2</sup> dan pengawalan gangguan keluaran kotoran dari kilang<sup>2</sup> yang ada, mengikut undang<sup>2</sup> kenderaan<sup>2</sup> berenjen 1959 (pembentukan dan penggunaan), dan Akta Kilang dan Mesin-Mesin 1967 dan jika perlu untuk memberi standards untuk penyesuaian yang baik.

(*Dengan izin*) The Government has set up an interim pollution committee to vet and study all effluent treatment and disposal proposals by approved industries. A committee has also been formed to control the exhaust emission of motor vehicles and the control of effluent nuisances from existing factories within the existing Motor Vehicles (Construction and Use) Rules 1959, and the Factory and Machinery Act 1967 respectively and if necessary provide standards for proper compliance.

**DOKUMEN RANCIANGAN MALAYSIA KEDUA**

**31. Dr Chen Man Hin** minta kepada Menteri Pelajaran menghuraikan "blueprint" beliau dalam melateh bilangan<sup>2</sup> mereka yang berkenaan untuk memasoki ka-dalam industri<sup>2</sup> dalam bandar, dan industri<sup>2</sup> pertanian luar bandar mengikut ranchangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua. Berapa-kah bilangan pekerja<sup>2</sup> "blue collar" yang di-perlukan, bilangan<sup>2</sup> sekolah<sup>2</sup> vokeshenal dan teknik, dan jumlah bilangan guru<sup>2</sup> yang terlatah.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Butir<sup>2</sup> lanjut mengenai Rancangan Malaysia Kedua maseh belum di-selesaikan lagi dan oleh itu ada-lah sukar untuk memberi jawapan yang tepat pada perengkat ini untuk soalan itu. Oleh itu Ahli Yang Berhormat patut-lah menunggu dokumen Rancangan Malaysia Kedua di-bentangkan di-dalam Dewan ini. Kebanyakan daripada keterangan yang diminta itu ada-lah terdapat di-dalam dokumen tersebut.

(*Dengan izin*) The details of the Second Malaysia Plan have not, as yet, been finalised and it is difficult therefore to give a precise reply to this question at this stage. Perhaps the Honourable Member should await the tabling of the Second Malaysia Plan document in this House. Most of the information he seeks should be contained in that document.

#### SHARIKAT TAYAR

**32. Dr Chen Man Hin** minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan kenapa Malaysia sa-bagai pengeluar getah asli yang utama di-dunia, chuma dapat mengadakan satu Sharikat mengeluarkan tayar dan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang di-ambil untuk membaiki kemerosotan atau kekurangan sampama ini.

**Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari):** Perusahaan mengeluarkan tayar ada-lah satu operasi yang memerlukan modal yang besar (capital intensive) di-mana saiz ekonomi minima loji ada-lah penting. Tatkala kilang tayar, yang pertama di-tubuhkan ada-lah di-dapati bahawa pasaran dalam negeri ini tidak begitu luas. Oleh itu kita hanya membenarkan penubuhan sa-buah kilang tayar sahaja. Walau bagaimana pun dari tarikh penubuhan kilang tayar Dunlop dalam tahun 1963 hingga hari ini, pasaran dalam negeri telah di-dapati berkembang dan bertambah luas dengan pesat-nya. Kerajaan telah memerhati perkembangan ini dengan teliti dan sekarang sedang berunding dengan pehak<sup>2</sup> yang berkenaan yang ingin mendirikan sa-buah lagi kilang tayar. Apabila kilang itu di-dirikan nanti peluang pekerjaan akan bertambah dan barang<sup>2</sup> mentah tempatan akan di-gunakan lebeh banyak lagi.

#### JABATAN PERPADUAN NEGARA

**33. Dr Chen Man Hin** bertanya kepada Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Pengerangan ada-kah Jabatan Perpaduan Kebangsaan telah melakukan:

- (i) Menubuhkan satu perbadanan berkaitan dengan hubungan berbagai bangsa bagi mengkaji dan meninggikan perhubungan dan muhibbah antara kaum;
- (ii) Ada-kah sebab<sup>2</sup> kemiskinan luar bandar telah di-kaji dan di-siasat, serta di-susun untuk pengetahuan Dewan.

**Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Pengerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):**

- (i) Jabatan Perpaduan Negara tidak akan menubuhkan satu perbadanan berkaitan dengan hubungan berbagai bangsa bagi mengkaji dan meninggikan perhubungan dan muhibbah antara kaum.
- (ii) Sebab<sup>2</sup> kemiskinan luar bandar ada-lah sentiasa dan akan terus di-kaji dan di-siasat, tetapi buat masa ini tidak ada chadangan untuk menyusun kajian<sup>2</sup> itu bagi pengetahuan Dewan.

#### HARI GURU<sup>2</sup>

**34. Tuan Fan Yew Teng** minta kepada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau berchadang menjadikan 22hb Oktober sa-tiap tahun sa-bagai Hari Guru<sup>2</sup> berarti hari tersebut akan di-jadikan hari kelepasan untuk guru<sup>2</sup> dan murid<sup>2</sup> sekolah, jika tidak, mengapa.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Saya berchadang hendak menamakan satu hari sa-bagai hari Guru<sup>2</sup> pada tiap<sup>2</sup> tahun tetapi sama ada hari itu jatuh pada 22hb Oktober dan di-jadikan hari kelepasan untuk guru<sup>2</sup> dan murid<sup>2</sup> sekolah maseh lagi dalam pertimbangan.

#### DAILOG DENGAN KERAJAAN PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA

**35. Tuan Fan Yew Teng** minta kepada Menteri Luar Negeri menyatakan apa-kah langkah<sup>2</sup> diplomatik yang telah di-ambil terhadap pembukaan dialog dengan Kerajaan People's Republic of China.

**Perdana Menteri:** Kenyataan<sup>2</sup> tentang tujuan<sup>2</sup> kita telah di-umumkan beberapa kali

dan saya perchaya bahawa Republik Ra'ayat China telah mengambil perhatian di-atas kenyataan<sup>2</sup> ini.

*(Dengan izin)* Statements on our intentions have been publicly made a number of times and I am sure that these statements must have been noted by the People's Republic of China.

#### ALL PARTY MISSION KA-NEGERI CHINA

**36. Tuan Fan Yew Teng** minta kepada Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang pengantaran "all party mission" ka-negeri China sa-bagai langkah pertama terhadap membaiki perhubungan dengan Negeri tersebut, jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Oleh kerana kita tidak ada hubungan diplomatik dengan People's Republik China ada-lah di-fikirkan tidak sesuai bagi lawatan saperti itu di-buat.

*(Dengan izin)* Since we do not yet have diplomatic relations with People's Republic of China, it is not thought appropriate that such a visit should be made.

#### TRAJIDI 13 MEI—BUKU<sup>2</sup>

**37. Tuan Goh Hock Guan** minta kepada Perdana Menteri menerangkan sama ada isi kandungan buku<sup>2</sup> yang telah di-laporkan oleh Majlis Gerakan Negara terutama sekali buku karangan Tengku berkenaan Trajidi 13hb Mei di-tarek balek dari penyebaran sabelum satu siasatan di-adakan.

**Perdana Menteri:** Tidak ada chadangan hendak menarek balek dari pengedaran buku Laporan Majlis Gerakan Negara yang bertajok "Trajidi 13 Mei" yang di-terbitkan dalam bulan Oktober, 1969. Kerajaan juga memikirkan ada-lah tidak mustahak mengambil tindakan saperti itu terhadap buku Tunku yang bertajok "Sa-belum dan Sa-lepas 13 Mei".

*(Dengan izin)* There is no intention of withdrawing from circulation the factual Report of the National Operations Council entitled "The May 13 Tragedy" published in October, 1969. The Government does not consider it necessary also to take such action with regard to the Tunku's book entitled "May 13—Before and After".

#### PERISTIWA 13 MEI—SUROHANJAYA PENYIASATAN

**38. Tuan Goh Hock Guan** minta kepada Perdana Menteri menerangkan sama ada satu Surohanjaya Penyiasatan yang tidak berbelah bagi di-tubuhkan untuk menchari bukti<sup>2</sup> yang nyata berkaitan dengan peristiwa 13 Mei, untuk menchari sebab<sup>2</sup> yang sa-benar-nya dan membuat chadangan agar peristiwa serupa itu tidak akan berlaku lagi.

**Perdana Menteri:** *(Dengan izin)* No. The Government has made a careful and thorough study of the causes of May 13th tragedy, and in October, 1969 published its report entitled "The May 13 Tragedy". The Government is fully conscious of the nation's security problems and has instituted necessary measures to prevent the occurrence of similar lawlessness.

#### MAJLIS PERUNDINGAN NEGARA

**39. Tuan Goh Hock Guan** minta kepada Perdana Menteri menerangkan jumlah yang lengkap orang<sup>2</sup> yang mewakili Majlis Perundangan Negara dan ada-kah mereka<sup>2</sup> itu menyokong dengan sepenoh-nya apa yang telah di-umumkan oleh Majlis tersebut termasuk Rukunegara dan chadangan<sup>2</sup> Perlembagaan yang baru di-pinda.

**Perdana Menteri:** Jumlah ahli<sup>2</sup> Majlis Perundangan Negara ada-lah 66 yang mewakili parti<sup>2</sup> politik badan<sup>2</sup> ugama, professional, perkhidmatan awam, kesatuan sekerja, akhbar dan lain<sup>2</sup>-nya. Hanya DAP yang enggan menchampion-nya.

Mr Speaker, Sir, on the question of television and broadcasting, there has been considerable discontentment over the programmes appearing on Television Malaysia. I have personally conveyed this to the former Minister of Information and Broadcasting. Sir, as we are on the path towards evolving a united Malaysian culture, we must be able to plan a programme that is suitable to all races of this country who speak different languages and adopt different cultures. Very little time has been allocated for Tamil programmes and there is a pressing need to improve this because the Tamil programme is enjoyed even by a large section of the Malays and others. Sir, the Tamil news item which is read at 10.00 p.m. deprives the estate workers from listening to this news because of the fact they have to be in the field at 5.00 a.m. every day. Therefore, Sir, the Tamil news should be read before 9.00 p.m. I am sure the new Minister of Information will review the matter with a view that there can be more time for Tamil programmes and also the programmes should improve largely. Sir, the Chinese and Malay programmes also call for improvement. I have been informed by the people living in Johore that the Malays, Chinese and Tamils enjoy the programme from Singapore and, if this is so, it is necessary for the Government to review the matter to improve our programmes in Malay, Chinese and Tamil.

Sir, dwelling on the freedom of the Press, in this country even though we are permitted to buy the Times, Newsweek and all foreign magazines but we are not allowed to have the Singapore Herald and the Eastern Sun. Mr Speaker, Sir, I think the Government should allow and permit the Singapore Herald and the Eastern Sun, if possible, to be sold here; and further, on the question of the freedom of the Press, we should not have an intimidated Press! The freedom of the

Press should be granted in the right perspective and they should not be threatened for publishing at times matters which may be critical against the Government.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya hendak memperingatkan Ahli Yang Berhormat, dekat satu jam sa-tengah daripada salam berchakap. Saya bukan hendak tahan freedom of speech Ahli Yang Berhormat, chuma hendak memperingatkan sahaja.

**Tuan V. David:** A few minutes more, Sir, The Gerakan upholds the freedom of the Press and we hope the Government will not apply restrictive measures on the Press.

Sir, the Government has never been able to plan our transport system in this country. If anyone undertakes the planning of transportation he cannot ignore the fact that public transportation has a serious effect on the commercial and social life of the nation. It is regretted to note that public transportation has been badly planned and also in a haphazard manner. The lack of co-ordination between the road, rail and air transport has been a failure in the planning programmes of the Government. The Railways has not improved after Merdeka. It must be admitted that the people are badly in need of good transportation and this calls for the improvement of the various sectors of transportation. The Railways, of course, has not been able to meet the required demand during the post-Merdeka period. No train leaves and arrives on time. The facilities inside the train is sickening. Cockroaches and various other insects can be found in the train. Sir, frequently there are derailments. The causes have not been fully explored and remedied. Efficiency in the Railways has become extremely poor because the favourites of the ruling party have found places in many key positions in running the Railways. Sir, I have been told that a large number of vacancies are existing in the Railways. These senior positions have not been filled as the Government is desirous to fill these places with their own favourites. Let me warn that the situation is deteriorating and that unless and until promotions are based on merit alone the Government will fail in running the Railways in a manner that it should be done.

Mr Speaker, Sir, the Gerakan strongly opposes all forms of corruption whether it is

from the Government or from the Opposition, whether it is in the Government or in the private sector. To set an example to the members of the public, the Legislators, that is the Ministers, Members of Parliament, State Assemblymen and all those holding public positions, should come forward to declare their assets before taking public office. This also should include the properties held by their immediate family members. Sir, therefore, I propose that the Ministers, Members of Parliament, Assemblymen and all others should be called upon to declare their assets in this House and this should be done to set an example to the members of the public.

Mr Speaker, Sir, let us also take a look at the health situation in this country. The public health is an important factor in our society. There have been strong representations from various quarters to improve health facilities. For the last many years we have observed that there has been no drastic improvement in the health service. The efficiency in hospitals has not been up to the standard because of the lack of supervision by the authorities. Certain hospitals cannot be said to be medical centres and they could be compared with slaughter-houses. In the case of out-patient clinics in the hospitals, patients have to wait for many hours before they are attended, and some doctors, especially doctors from foreign countries stationed in Penang, do not even bother to examine the patients and they more or less act as interrogating officers. A complete review of the medical facilities is required. Sir, in respect of third class, the third class wards in most of the hospitals call for replanning. Sir, these third class system, second class system and first class system were introduced by the colonial era to draw distinction between those who ruled and those who were being ruled. In an independent Malaysia classless medical facilities are necessary. First class, second class and third class should go and all must be equal. One should be placed in wards for a particular disease or sickness other than being placed in different classes. Mr Speaker, Sir, I hope the Minister of Health will bear this in mind when he plans his medical programme.

Mr Speaker, Sir, regarding the floods and Government's inability to offer prompt aid to the victims, I would like to make a small observation. Sir, on the 5th of January, 1971, the nation was faced with a flood disaster never experienced in the course of many

decades. The entire country, Sir, was faced with the rising flood and Kuala Lumpur nearly submerged under 8 to 10 feet of water. In the midst of these most unexpected circumstances, the Police and other relevant authorities responsible failed to act with speed to save lives and properties. On the morning of 5th January, 1971, Sir, at 9.00 a.m. I found a number of homes submerging in water at 3½ mile Jalan Klang and I was told that two aged persons were in a house unable to swim to reach higher ground. I rang up to the police duty officer and requested his assistance. He stated that he was not in a position to extend any form of assistance and the victims have to find their own method of saving their lives. I was terribly shocked over this. Sir, later I was informed that a couple of lives were lost in the said area because certain aged persons were unable to swim for safety. The entire 4½ Mile Jalan Klang did not receive life boats and the victims were evacuated by earth removers belonging to one of the residents.

Sir, the Police and others responsible to save lives and properties failed to respond readily. Many areas were deliberately neglected either knowingly or unknowingly. Therefore, I can only say that the Government did not effectively organise itself to meet the situation even though there was already a warning by the Meteorological Station. Sir, lives and properties could have been saved if the Government had acted with speed and vigour.

Sir, it is most unfitting for the Government to considerably delay in disposing of applications for citizenship. Some of them have been made to wait from 1969 for the necessary formalities to be complied with. The Department is conducting not a test on language but at times on general knowledge. Enormous red tape and unnecessary formalities must be reduced to a simple method and it should not take more than one or two months to dispose of an application. The time has come for the Government to gear its machinery and bring the Department up-to-date.

In the case of those desiring to correct names or other particulars in their birth certificates, they are met with great hardship. The relevant authorities do not promptly attend and make matters easy. In some cases the applicant is pushed from one section of

the Department to another for a number of days. This, of course, should be stopped. The Department must understand it is dealing with the taxpayers. Responsibility, understanding and co-operation would go a long way in assisting the taxpayers. Sir, thank you.

**Tuan Stephen Yong Kuet Tze (Padawan):** His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, in touching on economic development, stressed that the Federal Government will, in the industrial sector, promote the growth of projects which are labour-intensive as a means of providing employment opportunities to the growing numbers of our unemployed section of the population and that the Government will encourage the location of industries in the less developed areas throughout the country.

Sir, I wish to declare here that this policy of the Central Government to divert industries to the economically depressed areas has the full support of the State Government of Sarawak. We support it not because of the fact that Sarawak is an economically backward area, but because we believe that economic inequality in whatever form—whether it be between the haves and have-nots or between States—is not consistent with the new economic policy of the Government. From the economic, social and political point of view, it would not be conducive to creating a balanced economy if we allow industrial development to take place only in a few large urban centres. If this were so, the gap in per capita income between “the pockets of development” and in the backward areas will grow wider with the result that the latter will always be struggling far behind. Such a situation, Mr Speaker, Sir, will not be satisfactory. It can lead to dissatisfaction which may eventually impede economic growth in the country, and we cannot allow this to happen. For this reason, Sir, the policy of the Federal Government to ensure that there would be more balanced growth in the country ought to be supported by all. In fact, we, in Sarawak, have all along endorsed the new economic policy of the Federal Government, in which the Government has placed emphasis on accelerated industrial development in the hope that it will assist us to solve our problems, namely, poverty, economic instability and unemployment. We are for industrial development in the country and the States.

Mr Speaker, Sir, in the case of Sarawak, we are of the view that industrial development is an important factor which will assist us to solve our economic problems of depending too much on primary produces, the prices of which are often subject to fluctuations in the world markets. Despite the fact that we are an agricultural State, indications are that we cannot concentrate solely on the development of the agricultural sector alone. Its capacity is limited in Sarawak owing to poor soil and other related problems for which a solution has yet to be found. With a growing population of about 3% per annum, it is clear that the agriculture sector cannot cope with the increasing number of labour-seeking force. The problem of unemployment is therefore real and is going to be more acute in future unless we do something about it now. We have to adopt an integrated approach to tackle the obstacles to economic growth. By this it is meant that efforts to plan the development of the State must be in such a manner that all sectors will contribute fully to our development objectives. Sir, thus in line with this new economic policy of the Federal Government, the State Government has formed a State Industrial Development Committee at the end of 1969 with a view to bringing about greater co-ordination and a faster rate of industrial growth in the State. The main terms of reference of this Committee (S.I.D.C.) are:

- (a) To streamline and co-ordinate all industrial development activities in Sarawak, that is to say, to create a more positive and dynamic attitude towards industrial development at all levels in the State, to reduce red tape and to minimise delay in the granting of approvals; and
- (b) to operate as a focal point through which all enquiries regarding industrial development in the State can be channelled.

Sir, this Committee has been functioning for more than a year, but I regret to say that its record of achievement to-date is short of expectation. The fact is that S.I.D.C. is not an industrial promotion body. It is only a Committee which no doubt can deliberate on problems but which at best can only make recommendations. S.I.D.C. has no authority to approve or reject pioneer as well as non-pioneer projects. The authority is with the Federal Authority. S.I.D.C. cannot offer incentives to potential investors

such as tax holiday, tax credit, accelerated depreciation allowances, tariff protection, and so forth. It is not the body to deal with industrial processing and industrial promotion.

F.I.D.A. is the organisation to deal with that, but unfortunately, F.I.D.A. is more than 700 miles away from Sarawak and owing to distance and lack of staff this body cannot give much assistance to S.I.D.C. at the moment.

Sir, in the light of this limitation, it can be concluded that in its present form S.I.D.C. will not be able to do much to promote industrial development in the State. It follows that if industrialisation is to take place in Sarawak as a desire of the Government something more ought to be done. The Federal Government should, therefore, either delegate certain authority to S.I.D.C. in order to remedy the above situation or else F.I.D.A. should extend its wing to East Malaysia, otherwise I do not see how the dispersion of industries to the less developed areas can be achieved at a quicker rate as envisaged.

Sir, it must be pointed out that industrial promotion is a highly technical matter and on this point we have on our part negotiated with F.I.D.A. on the possibility of the latter carrying out an industrial survey-cum-potential study for the State, so that we may know what are the potentials and bottlenecks. We on our part are in no position because of our lack of experience and shortage of necessary manpower to carry out such exercise. An analysis of the present situation is considered to be necessary as a first step in the promotion of industrial growth. It is over a year now since we approached F.I.D.A. and we hope something concrete could come out from F.I.D.A. in the shortest possible time. We do not think any further delay will be of any good to any party concerned.

Sir, under the circumstances, the State has done what is possible to bring about accelerated industrial development. We have earmarked an area of about more than 500 acres at the Pending peninsula in Kuching for development as an industrial site. We are prepared to develop this land and to sell it at a reasonable price to the private sector in the hope that it may attract investments to flow into the State. We want more people to set up factories in Sarawak. Since joining

Malaysia only three industries in Sarawak were granted pioneer status in principle. Of these two have been set up. In comparison to West Malaysia, Mr Speaker, Sir, this state of affair does not seem to be satisfactory.

The other point I wish to raise concerns the question of incentives. Under the Investment Incentive Act, 1968, only one additional year of tax relief would be granted to those pioneer industries sited in a development area, in which Sarawak is one. I am not sure whether this extra year of tax relief is adequate. Indeed, in the context of Sarawak, with its numerous problems, such an additional incentive could hardly be considered as attractive. Sarawak is, by any standard, at a disadvantage when compared with West Malaysia. It has an area about the size of West Malaysia, but with infrastructure not as well developed. Its population is only one-tenth of West Malaysia and is scattered about. This means that market is small, both in terms of size and of purchasing power. To add to this, transportation cost is high, and transportation of goods within the State is difficult. Cost of land, electricity and water supply is equally much higher compared to West Malaysia. Lastly, there is a dearth of skilled personnel, capital and technical know-how in the State. Hence, in such a situation, industrialists, being pragmatical and profit-motivated, will not find the extra year sufficient enough to offset the losses which they may incur by building their industries in Sarawak. I would, Sir, therefore, advocate that more incentives ought to be offered to States like Sarawak so as to render the prospect more attractive to those who wish to invest there. Otherwise, the tendency will be for investors to go only to the developed areas in West Malaysia, thereby frustrating the intention of the Government to bring about a dispersion of industries to the less developed areas.

**Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dan menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di-atas titah uchapan Kebawah Duli di-hari pembukaan Meshuarat Pertama, dalam Penggal Pertama Parlimen Yang ketiga pada 22hb Februari yang baharu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarek hati atas perkara Ranchangan Pembukaan Tanah dan peluang yang akan

di-berikan kepada belia<sup>2</sup> menyertai ranchangan<sup>2</sup> tanah itu. Berchakap fasal perkara ini, saya ingin menarek perhatian Kerajaan yang telah dan sedang melateh Belia<sup>2</sup> Malaysia, dan berbagai keturunan di-Pusat Belia Pelupor dan Pembena Negara, di-Dusun Tua. Ranchangan melateh belia<sup>2</sup> ini sungguh besar erti-nya dan memang-lah boleh di-berikan pujian. Hasil daripada latehan yang di-berikan itu, hampir<sup>2</sup> lapan ka-sepuluh ribu belia<sup>2</sup> telah menerima latehan.

Apakah yang menjadi kechurigaan kita di-masa yang akan datang, belia<sup>2</sup> lepasan Dusun Tua ini, kira-nya kurang mendapat didekan jasmani dan rohani yang sempurna, maka akan di-ranchuni oleh gulungan<sup>2</sup>, pehak<sup>2</sup> yang konon-nya hendak menjadi juara atau pun jagoh pembela belia<sup>2</sup> pula. Kalau di-dalam perdebatan soal<sup>2</sup> sensitif, kelihatan ramai pula yang hendak menjadi juara atau pun pembela<sup>2</sup> nasib orang Melayu, maka di-dalam perkara ini akan kedengaran pula-lah nanti mereka menyuarakan pembelaan terhadap belia<sup>2</sup> ini pula.

Tuan Yang di-Pertua, latehan yang di-berikan kepada belia<sup>2</sup> di-Dusun Tua yang ada sekarang ini hanya sa-lama tiga bulan sahaja. Dalam tempoh tiga bulan ini pula, sekurang<sup>2</sup>-nya 1,000 atau pun 1,200 orang belia yang menerima latehan. Belia<sup>2</sup> yang memasoki latehan ini pula berumur daripada enam belas hingga ka-20 tahun dan berbagai<sup>2</sup> kelulusan sa-tinggi<sup>2</sup> kelulusan sa-kurang<sup>2</sup>-nya pula pada kelulusan darjah VI dari Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan.

Saya telah di-fahamkan, bahawa belia<sup>2</sup> ini, apabila mengikuti latehan di-Dusun Tua dengan tujuan hendak mendapatkan sebarang pekerjaan. Ada-lah tidak lojik bagi Kerajaan boleh mengadakan pekerjaan sedemikian banyak di-dalam tempoh 3 bulan. Sunggoh pun bukan tujuan Kerajaan bagi menjamin belia<sup>2</sup> itu mendapat sebarang pekerjaan, akan tetapi belia<sup>2</sup> itu sendiri merasakan bahawa apabila ia-nya di-pileh untuk mengikuti kursus di-Pusat Latehan di-Dusun Tua itu, ia akan memperoleh pekerjaan. Saya faham, bahawa Kerajaan tidak menjanjikan sebarang pekerjaan untuk mereka, akan tetapi apa yang menjadi harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, agar chara latehan yang di-berikan itu mendapat perubahan baharu yang sesuai dengan kemahuan dan hasrat Kerajaan sendiri.

Satu Surohanjaya, atau satu Lembaga Penasihat yang terdiri daripada perancang<sup>2</sup> ekonomi patut di-adakan, agar dapat merancangkan sa-suatu untok faedah belia<sup>2</sup> apabila tamat latehan. Sa-bagaimana yang di-fahamkan, jumlah yang di-lateh terlalu ramai. Jika tiada satu<sup>2</sup> rancangan ka-mana hendak di-arahkan belia<sup>2</sup> itu sa-sudah atau pun sa-lepas mendapat latehan maka perkara ini akan memberikan sa-barang erti. Kita tahu dan kita tidak mahu banyak belia<sup>2</sup> di-lateh tetapi kita mahukan nilai belia<sup>2</sup> itu di-lateh. Saya berkata demikian, agar pandangan khas di-berikan kepada Pusat<sup>2</sup> Latehan ini. Biar-lah yang di-lateh itu bilangan-nya di-kurangkan daripada 1,000 atau 2,000 kepada 500 atau pun 600 sahaja, akan tetapi benar<sup>2</sup> mendapat latehan dan didekan yang sempurna. Apa-lah guna-nya kalau di-lateh beribu<sup>2</sup> banyak-nya di-dalam tempoh tiga bulan, akan tetapi tidak mendapat layanan yang sempurna atau pun pengakuan yang sa-wajar-nya daripada pehak<sup>2</sup> sharikat, perusahaan<sup>2</sup>, kilang<sup>2</sup> dan pehak<sup>2</sup> suwasta dengan alasan<sup>2</sup> bahawa belia<sup>2</sup> lepasan dari Dusun Tua ini tidak ada mempunyai pengalaman. Di-samping itu, akan datang-lah kesalan, dan akan timbul-lah kegelisahan dari kalangan<sup>2</sup> belia yang mendapat latehan di-Pusat Latehan itu sendiri, menyatakan tidak ada jaminan, tidak ada pengiktirafan, dan tidak ada pengakuan dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-telah lulus atau tamat latehan di-Pusat Belia ini, belia<sup>2</sup> itu sendiri pergi-lah mundar-mandir ka-hulu kahilir dengan harapan mendapatkan satu<sup>2</sup> pekerjaan. Apabila sahaja permohonan ditolak, timbul-lah rasa tidak puas hati dan rasa keimbangan belia<sup>2</sup> itu sendiri. Apa-tah lagi, kalau terdapat pula sa-tengah<sup>2</sup> gulongan yang menchari peluang yang chuba pula mengapi<sup>2</sup>kan kepada belia<sup>2</sup> itu atau pun merachun pemikiran belia<sup>2</sup> itu.

Saya suka membuat pandangan di-dalam perkara ini, agar Surohanjaya atau pun Lembaga Penasihat yang saya shorkan tadi dapat berbuat sa-suatu rancangan, mithal-nya, jika ada niat hendak membuka tanah rancangan bagi pehak belia<sup>2</sup> yang menganggor, belia<sup>2</sup> itu harus mendapat latehan dan tahu akan selok belok sa-bagai peserta rancangan tanah. Di-berikan latehan<sup>2</sup> yang sa-benar-nya sesuai dengan rancangan itu sendiri. Jika ia-nya di-halakan untuk mendapatkan jawatan di-kilang<sup>2</sup>, dalam tempoh tiga bulan menerima latehan di-Dusun Tua

ini, pehak<sup>2</sup> pengilang, sharikat<sup>2</sup>, saudagar<sup>2</sup> perusahaan dan perindustrian boleh-lah memberikan kerjasama yang sungguh<sup>2</sup> memberi latehan belia<sup>2</sup> itu dengan tujuan, sa-sudah tamat latehan, mereka akan dapat pekerjaan dan mendapat pengalaman sedikit sa-banyak. Lembaga Penasihat yang saya shorkan ini akan dapat memberikan pandangan<sup>2</sup> yang tertentu kepada Pusat Belia Dusun Tua ini dan jika ia dapat dijalankan saya yakin saperti juga Lembaga<sup>2</sup> Penasihat lain yang telah banyak berjasa kepada negara ini dan akan dapat menjalankan usaha<sup>2</sup> yang lebeh baik dan berfaedah kepada belia<sup>2</sup> Malaysia di-kemudian hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ada jua terdapat penyertaan dalam bidang perindustrian. Sa-takat ini, jika latehan<sup>2</sup> tertentu dapat di-adakan untok belia<sup>2</sup> di-negara ini, kita akan dapat menampung pekerja<sup>2</sup> yang berpengalaman, dan kita akan dapat mengurangkan jurang penganggoran dari satu masa ka-satu masa. Saperti yang kita ma'alom jumlah penganggoran memang terdapat di-mana<sup>2</sup> juga negara sama ada negara itu lebeh dahulu maju atau pun negara<sup>2</sup> itu di-dalam proses pembangunan-nya. Akan tetapi bagi kita di-Malaysia maseh banyak memberikan peluang kepada ra'ayat negara asing bekerja di-kilang<sup>2</sup>. Walau pun achapkali kita mengadakan sekatan<sup>2</sup>, amaran<sup>2</sup> yang tertentu kepada ahli<sup>2</sup> pehak<sup>2</sup> sharikat, kilang<sup>2</sup> agar jangan mengambil pekerja<sup>2</sup> yang bukan warganegara akan tetapi maseh kedapatan lagi pehak<sup>2</sup> yang tertentu berbuat demikian. Apa salah-nya, mulai daripada sekarang, kepentingan benar<sup>2</sup> di-berikan kepada anak negeri ini. Kapada ra'ayat yang bukan warganegara yang telah tamat tempoh atau pun permit kerja-nya, atau pas kerja-nya itu tidak payah di-sambong<sup>2</sup> lagi dan berikan pekerjaan mereka itu kepada anak<sup>2</sup> warga-negara.

Di-sini saya ingin tahu dan mendapat tahu daripada Menteri Buroh sendiri, berapa-kah jumlah mereka<sup>2</sup> yang telah di-hantar balek ka-negeri asal dan jumlah pekerja<sup>2</sup> yang memegang Work Permit di-negeri ini. Jika jumlah ini maseh merupakan jumlah besar dan di-bandingkan dengan jumlah penganggoran anak negeri ini maka sudah sampai-lah masanya kita pentingkan anak negeri ini lebeh dahulu atau kita mesti-lah membersehhkan

rumah kita lebih dahulu baharu-lah kita membersekan rumah orang lain. Jangan-lah fasal kenangkan atau pun kasehkan sa-sorang atau pun dia ini pun manusia juga tetapi dalam soal mendapatkan peluang pekerjaan ini jika anak<sup>2</sup> negeri ini maseh belum di-beri peluang dan pehak<sup>2</sup> yang tertentu maseh mementingkan bukan warga-negara, saya kkuatir anak negeri ini apabila berlaku sa-suatu makan berkumpul berarak dan sa-bagai-nya dan apabila ini berlaku baharu-lah satu<sup>2</sup> sesalan pula akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, menyentoh perkara<sup>2</sup> ranchangan perindasterian di-luar bandar yang hendak di-ranchangkan sesuai dengan dasar ekonomi baharu Kerajaan kita. Saya harap agar jangan sampai pisang berbuah dua kali, jangan nanti ra'ayat di-luar bandar yang ternanti<sup>2</sup> akan ranchangan ini dan ra'ayat di-luar<sup>2</sup> bandar mengharap<sup>2</sup>kan agar mereka juga merasai nekmata seperti orang<sup>2</sup> di-dalam bandar. Tiba<sup>2</sup> ra'ayat di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar menjadi mangsa kapitalis<sup>2</sup> modern, kapitalis<sup>2</sup> yang kaya raya tetapi jerong<sup>2</sup> besar sahaja yang akan menelan kenekmatan itu dan ra'ayat di-luar bandar nanti akan mendapat sisa<sup>2</sup> sahaja.

Sa-takat ini perusahaan<sup>2</sup> dan sharikat<sup>2</sup> pehak suasta atau apa juga kilang yang mendapat taraf perintis jangan-lah sangat mementingkan keuntongan<sup>2</sup> sa-mata<sup>2</sup> tanpa memikirkan pekerja<sup>2</sup>. Kita tidak mahu yang akan datang ini anak bumiputera atau warganegara ini seperti orang meminta sadekah sa-telah merayu, menyembah, baharu-lah mereka itu di-terima. Kalau Kerajaan tidak mengawasi akan perkara<sup>2</sup> ini saya kkuatir akan menimbulkan suatu perasaan tidak puas hati lagi di-kalangan ra'ayat berlebeh<sup>2</sup> lagi pula dari kalangan belia. Kita tahu ada sekatan<sup>2</sup>, ada quota<sup>2</sup> yang tertentu di-dalam perjanjian Sharikat<sup>2</sup> taraf perintis ini, akan tetapi memandang kepada jumlah penganggoran kian hari kian bertambah pehak Kerajaan perlu, rasa-nya, mengkaji sa-mula atau sa-kurang<sup>2</sup>-nya mengawasi agar tidak ada pandang bulu, pandang kaseh dan pandang bangsa di-dalam perkara<sup>2</sup> ini. Mari-lah kita ibaratkan apa yang telah berlaku sa-lama ini sa-bagai satu contoh atau pun tauladan dan mithalan, jangan-lah sampai perkara<sup>2</sup> ini berulang<sup>2</sup> dan di-ungkit<sup>2</sup> oleh ra'ayat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentoh soalan pelajaran dan dasar-nya, saya perchaya perkara ini tidak akan kedengaran sebarang

sungutan dari sa-genap penjurong negara kita ini hanya yang menjadi harapan agar ia-nya benar<sup>2</sup> dapat di-laksanakan sesuai dengan kehendak dasar itu sendiri. Tetapi walau macham mana pun saya perchaya baharu<sup>2</sup> ini atau ada banyak lagi pehak pelajar<sup>2</sup> kita ia-itu kelemahan di-dalam pepereksaan LCE dan lebeh<sup>2</sup> lagi ia-itu kelemahan<sup>2</sup> terdapat dalam peringkat pepereksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Jadi ini saya harap pada pehak Kementerian atau pun bagi pehak yang berkenaan hendak-lah menjalankan penyiasatan yang sungguh<sup>2</sup> dan sangat teliti, apa-kah sebab-musabab-nya perkara itu telah berlaku. Jadi ini rasa saya, saya tidak mahu-lah menyentoh lebeh panjang dalam soalan ini tetapi apa yang saya hendak sentoh di-sini dalam masaalah pelajaran ia-lah soalan sekolah<sup>2</sup> vocational.

Saya suka menhadangkan agar Kerajaan dapat mengadakan sekolah<sup>2</sup> vocational di-tiap<sup>2</sup> daerah di-negara kita ini. Keperluan ini akan dapat di-selaraskan dengan keadaan negara kita juga kerana apabila penuntut<sup>2</sup> yang maseh mentah meninggalkan sekolah dan mereka<sup>2</sup> ini juga bukan kurang bilangannya berselerak tanpa sa-barang kajian yang tertentu jauh sa-kali mendapatkan pengalaman<sup>2</sup> vokashenal, tidak dapat tiada akan merosakkan pemikiran mereka.

Dengan ada-nya sekolah<sup>2</sup> vokashenal ber-arti belia<sup>2</sup> lepasan sekolah atau pun terkandas di-dalam pelajaran-nya dapat menyambong sa-mula pelajaran menantikan mereka itu akan mendapatkan pekerjaan<sup>2</sup> yang sesuai untuk mereka.

Di-samping itu jangan-lah pula sekolah itu di-dirikan tetapi pengiktirafan atau pun tidak akan di-beri kepada kelulusan<sup>2</sup> mereka. Saya bawakan perkara ini kerana kalau hendak di-kira peratus-nya jumlah penuntut<sup>2</sup> yang terkandas bukan di-dalam bandar besar akan tetapi di-luar<sup>2</sup> bandar juga lebeh<sup>2</sup> lagi, jadi sesuai-lah kalau kita berikan atau tambahkan pengalaman jangan-lah sampai perkara<sup>2</sup> ini berulang<sup>2</sup> dan sekeliling-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meng-ucapkan tahniah kepada pehak<sup>2</sup> tertentu yang telah memberikan sumbangan terhadap pemuliharaan mangsa<sup>2</sup> banjir hingga terdapat beberapa gulungan menanggok pula di-ayer yang keroh dan memasang jerat tempat yang genting.

Di-dalam pada masa negara kita mendapat benchana dalam pada ra'ayat mendapat penderitaan di-sebabkan oleh mala petaka yang tidak di-sangka<sup>2</sup> itu ramai pula orang yang mengambil kesempatan sambil menidak<sup>2</sup>kan kesanggupan Kerajaan memberikan bantuan. Perkara ini banyak menjadi sungutan ra'ayat terutama di-kawasan<sup>2</sup> yang menerima mala petaka itu. Saya bershukor kerana Kerajaan telah dapat menjalankan ikhtiar dan memberikan bantuan yang saba-gitu chepat hingga mana mangsa<sup>2</sup> banjir di-negara kita ini telah mendapat pembelaan, kalau pun tidak dengan sa-penoh-nya tetapi ada-lah perkara bantuan itu dengan sa-chukup-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian Kerajaan agar dapat memberikan mangsa<sup>2</sup> banjir di mana yang paling terok sa-kali itu di-sediakan ranchangan<sup>2</sup> tanah untuk mereka. Ranchangan tanah yang saya maksudkan itu akan sedikit sa-banyak memberikan jaminan hidup kepada mangsa<sup>2</sup> banjir dan keluarga-nya di-kemudian hari kelak inilah satu langkah yang berkesan untuk mereka. Kita mahukan agar mereka itu berhijrah walau ka-mana kawasan sa-kali pun di-ranchangan tanah pembukaan tanah.

Sa-bagaimana yang kita ma'alum bilangan besar pula terdiri daripada orang<sup>2</sup> Melayu yang tinggal di-tebing<sup>2</sup> sungai dan di-mana tanah<sup>2</sup> fama atau pun tanah<sup>2</sup> rendah langkah hendak mengadakan ranchangan tanah ini ada lebeh menguntongkan daripada beberapa aspek pula.

Kerajaan bukan sahaja dapat hasil tetapi Kerajaan juga dapat membela ra'ayat ka-lalam babak penghidupan yang baharu. Kita tidak sanggup hendak mengadakan atau membelanjakan wang begitu banyak apabila mala petaka sa-rupa ini menimpa negara ini lagi. Kita harus membuat ranchangan jangka panjang di-dalam perkara ini. Kita maseh banyak mempunyai tanah, ada sa-tengah<sup>2</sup> negeri maseh sanggup lagi menerima mereka<sup>2</sup> ini. Saya perchaya umpama-nya Negeri Pahang, Sabah dan Sarawak maseh luas bagi tanah<sup>2</sup> yang boleh di-bukakan ranchangan tanah di-negeri<sup>2</sup> maseh patut boleh di-adakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentoh soal pertahanan negara ini ada-lah satu perkara yang saya sifatkan penting juga. Saya sungguh tertarek hati terhadap langkah Kerajaan. Mengadakan Majlis Keselamatan Negara meng-gantikan Mageran. Negara kita memang

perlu mempunyai satu Majlis yang sa-rupa ini. Mengadakan beberapa perkara yang tertentu pula soal kita negara ini kerana berhampiran dengan bahang peperangan antara Laos dengan Vietnam. Negara ini saperti anak dara atau pun bunga yang sedang kembang dan tentu-lah sering sekali di-hidu atau di-hinggapi oleh jejaka yang ingin memetek atau menyunting-nya atau boleh juga kita katakan atau sifatkan negara kita ini saperti orang muda. Di-dalam sa-buah negara saperti kita ini kekuatan angkatan bersenjata bukan berarti kita hendak menyerang mana<sup>2</sup> pehak akan tetapi kita mesti ada dan harus ada sikap mempertahankan diri daripada mendapat serangan. Jika boleh, biar-lah tentera<sup>2</sup> atau pun Angkatan Bersenjata kita itu di-bekalkan dengan senjata<sup>2</sup> moden lagi ringan dan sesuai dengan keadaan negara kita ini.

Kita tidak kurang juga saperti memodankan negara kita ini di-samping itu kita tidak kurang juga mendapatkan anchaman<sup>2</sup> daripada dalam negeri saperti kegiatan<sup>2</sup> kominis yang ada di-sempadan. Apa-lah guna-nya kita banggakan soal meninggikan taraf hidup negara sedangkan negara kita maseh di-ancham oleh sa-tengah<sup>2</sup> gulungan di-dalam dan di-luar negeri. Walau pun kita tidak ada niat hendak menyerang akan tetapi kita harus ada niat untuk mempertahankan diri sendiri. Di-samping kita melengkapkan negara kita bagi alat pertahanan tetapi kita jangan lupa juga kepada ahli<sup>2</sup> pasokan yang bersenjata samaada Tentera Laut, Darat dan Udara dan juga Polis hendak-lah di-pertimbangkan samula ia-itu bagi persaraan hidup mereka itu mudah<sup>2</sup>an supaya perimbangan sara hidup ini dapat sesuai dan dapat diterima bersama dengan negara<sup>2</sup> yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya ingin menyentoh soal buroh di-negeri kita ini. Setakat ini banyak benar kita perhatikan dari satu masa ka-satu masa buroh<sup>2</sup> estet yang menerima kepahitan hidup disebabkan pehak<sup>2</sup> estet<sup>2</sup> menjualkan estet-nya tanpa membuat sebarang perundingan dengan pehak<sup>2</sup> buroh. Terkadang<sup>2</sup> pemechahan<sup>2</sup> estet ini menjadikan satu perkara huru-hara juga. Pehak buroh di-estet<sup>2</sup> ini menjadi mangsa apabila penjualan estet<sup>2</sup> itu berlaku. Jika buroh<sup>2</sup> itu memasoki mana<sup>2</sup> union atau pun kesatuan yang boleh membela mereka satu perkara yang baik juga, akan tetapi ada banyak ahli<sup>2</sup> buroh yang tidak mahu atau

pun tidak masuk satu kesatuan<sup>2</sup> atau pun Union, menjadikan perkara<sup>2</sup> ini adalah kurang menyenangkan.

Pemogokan<sup>2</sup> yang pernah berlaku bukan sahaja di-sebabkan soal tuntutan gaji lebeh, malahan soal<sup>2</sup> pemecahan estet, penjualan estet dari satu tangan ka-satu tangan banyak menyusahkan buroh<sup>2</sup> dan ra'ayat.

Kementerian Buroh harus juga menjalankan satu<sup>2</sup> langkah tegas, memberikan sebarang jaminan yang sekira<sup>2</sup>-nya boleh apabila berlaku sebarang perkara serupa ini dengan mudah sahaja berbuat sa-suatu, dapat menyiasat sa-suatu dan mengetahui sa-suatu. Jangan-lah sesudah buroh<sup>2</sup> itu mogok, mogok lapar dan sa-bagai-nya dan bertindak di-luar undang<sup>2</sup> baru-lah di-adakan satu<sup>2</sup> Jawatankuasa Penyiasat. Apa yang kita perlukan sekarang, Surohanjaya Penyiasat atas sebarang pemogok<sup>2</sup> perlu ada dan bersikap tegas pula selaras dengan hasrat dan kemahuan Kerajaan yang memerintah.

Kita tidak boleh hendak memanggil Menteri Buroh bekerja ka-sana dan bekejar ka-mari hendak menyelesaikan perkara<sup>2</sup> ini. Kita hendak-lah berusaha daripada sekarang mengadakan satu biro khas mengkaji masalah<sup>2</sup> buroh samaada dia-nya hendak mengadakan mogok atau tidak, akan tetapi kepentingan<sup>2</sup> mereka hendak-lah di-jaga dari masa ka-masa. Kita tidak mahu sa-tengah<sup>2</sup> pihak mengambil kesempatan jika pihak yang melancarkan mogok itu bukan bertujuan membantah Kerajaan, akan tetapi membantah majikan-nya, ini juga perlu di-siasat dan di-kaji sedalam-nya. Kadang<sup>2</sup> "api" mengadakan mogok ini sengaja di-adakan oleh golongan<sup>2</sup> yang tertentu di-negeri kita ini. Konon-nya apabila berbuat demikian, ia-nya akan melemahkan jentera Kerajaan kita sendiri. Walau pun kita ada undang<sup>2</sup> tertentu atau kuasa<sup>2</sup> tertentu didalam perkara ini, Kerajaan dengan mudah dapat berbuat sa-suatu pula agar jangan di-sebabkan petualang<sup>2</sup> yang mengambil kesempatan chuba mencurahkan minyak di-api yang sedang terbakar.

Tuan Yang di-Pertua hanya sekian pandangan dan pendapat saya dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa pembukaan Parlimen baharu<sup>2</sup> ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya berucap dalam membahathkan Titah Uchapan Baginda, saya suka mengucapkan tahniah kepada bekas Pengarah Gerakan Negara dan juga ahli<sup>2</sup>-nya, kerana telah dapat memulehkan keamanan yang telah di-kuchar-kachirkan oleh pihak<sup>2</sup> tertentu, maka terima-lah sekuntum bunga raya dari saya yang hina ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan di-bawah Pengarah Gerakan telah dapat bukan sahaja mengamankan dan memulehkan keadaan yang rumit dan kusut, tetapi juga telah menjalankan perojek<sup>2</sup> ekonomi dan pembangunan dengan lancar-nya seperti biasa. Maka saya harap jentera<sup>2</sup> Kerajaan akan dapat berjalan seperti masa Mageran bahkan di-tambah lagi horse power-nya pada pergerakan-nya di-masa yang akan datang.

Dalam Uchapan Titah Baginda yang baharu<sup>2</sup> ini, Baginda telah menitahkan ia-itu mengambil beratkan banyak sa-kali berkenaan dengan ekonomi bagi negara kita bagi masa ka-hadapan ini. Ini ada-lah sa-bagai suatu challenge atau satu chabaran kepada Malaysia baru bagi membuat program baru dan juga menjalankan polisi<sup>2</sup>-nya yang baharu, sejajar dengan dasar ekonomi yang baharu. Chara yang prektik yang kita akan jalankan rasa saya ada-lah elok, ia-itu kita telah memodenkan alat<sup>2</sup> jentera Kerajaan dahulu, sewaktu pemerintahan Mageran oleh kerana segala perojek<sup>2</sup> telah dapat dibuat dengan begitu chepat dan terator. Saya harap kerja<sup>2</sup> ini akan dapat di-teruskan bahkan dengan lebeh lichin, terator, chepat dan sempurna dengan tidak payah menchachatkan demokrasi yang tulin yang kita telah amalkan sejak merdeka dahulu. Dengan chara ini saya fikir kita dapat mengurangkan, jika tidak dapat menghapuskan sama sekali, jurang perbedzaan ekonomi yang ada pada negara kita dengan lebeh segera sadikit.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali, rasa saya ra'ayat yang berbilang bangsa di-negeri ini hendak-lah di-lateh untuk memenohi chabaran<sup>2</sup> atau challenge<sup>2</sup> yang baharu bagi memodenkan ranchangan kita di-hari ka-hadapan. Juga ra'ayat hendak-lah membiasakan diri-nya di-lateh bekerja untuk menemui perubahan suasana, perubahan teknik dan juga kemajuan<sup>2</sup> yang baharu yang

akan di-hadapi supaya kita tidak kenal penat-lelah sa-hingga terchapai hajat yang murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi orang<sup>2</sup> yang sa-bangsa dengan saya di-dalam bandar juga hendak-kah di-ikhtiarkan segera, supaya tidak ketinggalan dengan zaman kemajuan ini. Orang<sup>2</sup> yang sa-bangsa dengan saya ini, saya nampak, makin lama makin kurang dan kalau di-biarkan akan lenyap-lah dari bandar. Kita tidak mahu orang lain berfikir bahawa kita tidak memikirkan tentang kedudukan mereka di-bandar. Oleh itu, saya shorkan kepada Kerajaan bahawa bagi masa ka-hadapan ini, kita membuat perubahan baru ia-itu semua permohonan<sup>2</sup> daripada orang<sup>2</sup> ini berkenaan tempat tinggal di-rumah pangsa di-tengah<sup>2</sup> bandar terpaksa di-hormati buat sementara waktu; jangan-lah seperti yang lepas terpaksa mereka juga bertanding point dengan permohonan yang lain, kemudian di-undi pula. Ini berma'ana sudahlah sedikit permohonan itu, di-pilih pula macham memilih antah beras dan akhir-nya terlepas-terhapus-lah orang<sup>2</sup> ini dari bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk orang<sup>2</sup> sa-bangsa dengan saya pula, tentang perniagaan-nya di-dalam bandar, hendak-lah di-sediakan, kalau boleh, Kerajaan sendiri mengambil daya usaha yang utama dalam projek<sup>2</sup> ini. Charikan tempat, buatlah tempat untuk mereka, beri mereka kemudahan untuk berniaga, kalau boleh pinjaman atau loan yang liberal daripada yang sudah<sup>2</sup>. Ini chara-nya, kalau kita hendak tengok orang sa-bangsa dengan saya ia-itu satu perkataan yang lain orang Melayu ini di-dalam bandar, suatu plan yang constructive hendak-lah di-adakan. Kalau chuma kita ikhtiarkan perniagaan-nya di-dalam bandar dan tidak di-ikhtiarkan penempatan di-dalam bandar, tidak-lah guna juga hendak-lah di-ikhtiarkan segera, supaya sa-rangkai. Kalau begitu kita terpaksa menjalankan hal penempatan-nya dan juga perniagaan-nya. Kalau keadaan memaksa, kita terpaksa meranchang, membena rumah<sup>2</sup> pangsa yang mana penghuni<sup>2</sup>-nya terdiri daripada 75 atau 80 peratus orang<sup>2</sup> yang sa-bangsa dengan saya supaya apabila tinggal pula, tidak-lah merasai sepi dan di-momok<sup>2</sup>-kan oleh orang lain.

Dalam lapangan perindustrian pula, Tuan Yang di-Pertua, saya mengangkat topi kepada Kerajaan kerana hendak menggalakkan perprojek<sup>2</sup> yang menggunakan banyak tenaga

manusia. Jadi, dalam melaksanakan perkara ini pembahagian kerja hendak-lah di-lihat dengan magnifying glass selalu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain ia-itu perkara yang sedang hangat sekarang ia-lah mengenai perkongsian kita dengan Kerajaan Singapura, ia-itu MSA. Saya rasa ini perlu di-ambil perhatian yang mendalam dan priority. Kerana pada masa<sup>2</sup> yang lalu kita tidak boleh menegor langsung tentang hal perjalanan MSA ini kerana kata-nya adalah sa-buah sharikat private. Sungguh pun telah ada rasa tidak puas hati telatah Kerajaan Singapura tentang perkongsian ini di-laong<sup>2</sup>kan dalam Dewan yang mulia ini, semua-nya di-tolak sa-mata<sup>2</sup> dan di-tolak mentah<sup>2</sup>.

Rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak mengeluarkan wang, tenaga untuk menubuhkan sharikat penerbangan ini dahulu—sharikat yang mengibarkan bendera negara, tetapi jumlah besar faedah-nya dan keuntungan-nya tidak di-dapati oleh kita, tidak-lah sa-bagitu yang di-harapkan bahkan chuma mengkaya dan menyenangkan Singapura. Lebeh lama lagi perkongsian dalam sharikat ini, akan lebeh rumit dan kusut-lah kedudukan-nya lagi, kerana Singapura telah nampak keuntungan-nya dan tidak payah bersusah payah untuk menubuhkan sharikat-nya sendiri. Lebeh chepat kita berpechah perkongsian itu lebeh senang bagi Singapura, tetapi lebeh susah bagi kita. Sharikat penerbangan ini juga boleh menaikkan ekonomi negara, lebeh<sup>2</sup> lagi semua negara di-dalam dunia ini menchari foreign exchange. Dalam perkongsian kita, sudah beberapa tahun, sungguh pun kita tahu banyak keuntungan-nya, tetapi foreign exchange-nya tidak dapat pada Malaysia bagitu juga dalam lapangan pekerjaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, mari-lah kita bagi masa depan ini, jangan memilih chara yang merugikan lagi, menjalankan tanggung-jawab kita baik dari segi apa sa-kali pun. Penubohan sharikat penerbangan kita sendiri memang dari dahulu mendapat sambutan ra'ayat dan negara kita. Saya telah pun berkata dalam Parlimen yang dahulu pun, kita ada banyak facilities, banyak landasan, kita banyak faktor<sup>2</sup> lain kira-nya hendak di-persembahkan di-sini.

Pembenaan lapangan terbang di-Johor Bahru ada-lah sangat menggalakkan kepada ra'ayat Malaysia, lebeh<sup>2</sup> lagi untuk berbuhong antara Malaysia Barat dengan Malaysia

Timor dan sa-balek-nya hendak-lah di-rapatkan dan tidak payah kita mendarat di-tempat orang lain dalam perjalanan. Ini apa yang di-dapati sekarang, kalau orang Malaysia Timor hendak datang ka-Malaysia Barat terpaksa mendarat di-Singapura, bagitu juga dari Malaysia Barat ka-Malaysia Timor, terpaksa mendarat di-Singapura juga. Jadi, kalau ada lapangan terbang di-selatan Malaysia Barat ini alang-kah elok-nya.

Pembinaan pelabohan pun bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, patut di-segerakan di-sa-belah Johor Bahru. Jangan-lah kita kira sangat fasal kewangan. Pada masa jangka waktu sekarang, wang sudah tidak menjadi masalah pada sa-sabuaah negara, tetapi moral dan ekonomi hendak-lah di-jaga. Dengan pembenaan kedua<sup>2</sup> perkara ini di-segerakan, maka banyak belia<sup>2</sup> yang sekarang berada 60 peratus daripada jumlah-nya akan dapat peluang bekerja. Ini ada-lah termasuk satu daripada ranchangan Titah Uchapan Baginda kerana hendak menggalakkan projek<sup>2</sup> yang menggunakan lebeh lagi tenaga manusia, tetapi ekonomik.

Nampak-nya Singapura sekarang ini susah hati di-atas ranchangan Malaysia, terutama ada ura<sup>2</sup> menubuhkan lapangan terbang di-Johor; pembenaan pelabohan baharu dan menubuhkan sharikat penerbangan. Pembenaan perojek<sup>2</sup> yang berfaedah ini menyusahkan hati Singapura sa-hingga di-bawa perkara ini beribu<sup>2</sup> batu di-keluarkan, nun di-Amerika baharu di-nyatakan rasa tidak puas hati-nya atas ranchangan kita ini. Rasa saya tujuan kita mengadakan kemudahan<sup>2</sup> ranchangan projek ini bukan-lah untuk berlawanan dengan Singapura, tetapi untuk faedah kita sendiri. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Singapura jangan-lah menjaga tepi kain orang, apa orang lain hendak buat, apa yang kita hendak buat. Ekonomi kita ada-lah bergantung pada faktor<sup>2</sup> ini, bukan sahaja Singapura tahu tentang hal ini. Memang kita akan menggunakan perbelanjaan yang banyak, tidak macham negara sahabat kita itu, serba-serbi telah di-sediakan. Malaysia ada-lah sa-buah negara yang sedang membangun dan dengan sebab itu-lah segala faktor<sup>2</sup> yang membawa kepada kekukohan ekonomi negara hendak-lah di-usahakan dengan sendiri dan juga Malaysia banyak bahan<sup>2</sup> untuk di-salurkan keluar dan banyak benda<sup>2</sup> yang mustahak hendak-lah di-masokkan sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun. Tujuan Malaysia membaiki lagi kemudahan<sup>2</sup>-nya,

Tuan Yang di-Pertua, pelabohan<sup>2</sup> dan lapangan terbang ini bukan-lah bertujuan untuk berlawanan dengan sa-siapa lebeh<sup>2</sup> lagi kepada jiran tetangga kita. Kita, ra'ayat Malaysia ada-lah ra'ayat *do-it-yourself*, orang lain tidak payah mengajar kita, membuat kerja<sup>2</sup> pembangunan ekonomi moden, tetapi kita suka meranchang dan membuat dengan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertukaran mata wang pula, saya suka menyebutkan bahawa Kerajaan hendak-lah menyekat mata wang kita keluar negeri. Pada pengetahuan saya, banyak wang kita telah keluar dengan sa-chara one-way—chuma out sahaja, Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya ka-India, China dan boleh jadi ada negara lain yang saya tidak tahu. Jadi, saya harap dapat kita menentukan satu peratoran untuk orang<sup>2</sup> hendak menghantar wang keluar negeri jangan-lah di-biarkan lama kelamaan akan merosakkan kita sendiri. Tujuan kita menyekat wang kita keluar negeri, bukan-lah saya berniat bermusoh dengan India atau China atau negara<sup>2</sup> lain, tetapi hendak-lah ada satu peratoran yang tertentu. Di-masa<sup>2</sup> kebelakangan ini, Tuan Yang di-Pertua, penghantaran wang ka-India, satu daripada-nya, tidak ada sekatan langsung, tetapi apa yang saya dapat tahu, kalau benar-lah, dari India susah hendak menghantar wang keluar, bagitu-lah juga dari China bahkan dari negara<sup>2</sup> lain sa-kali pun sangat ketat. Kita sekarang sudah merdeka, tidak sa-patut-nya kita maseh ikut fikiran atau jejak langkah colonial atau fikiran conservative penjajah dahulu lagi.

Dalam hal perdagangan, Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak membuat Pejabat Perdagangan di-luar negeri mahu pun di-negara<sup>2</sup> lain yang mempunyai Pejabat Perdagangan-nya dan Pejabat Perhubungan-nya. Tetapi yang aneh-nya, negara<sup>2</sup> yang kita yang tidak ada hubungan dengan-nya seperti Pejabat Perdagangan atau Embassy pun ada barang<sup>2</sup> pengeluaran-nya di-jual di-sini. Saya mengangkat dan menguchapkan tahniah kepada negara<sup>2</sup> itu kerana dengan inisiatif-nya telah berjaya menembusi memasarkan barang<sup>2</sup>-nya ka-sini sa-patut-nya kita patut ikut chontoh tauladan bagitu, supaya barang<sup>2</sup> kita dapat di-pasarkan kepada negara<sup>2</sup> yang kita belum ada hubungan-nya. Umpama-nya di-Vietnam Utara, di-China Kominis, Afrika Selatan, bagaimana-kah benda<sup>2</sup> itu boleh masok sedangkan kita tidak ada hubungan dengan mereka dan ada-kah barang<sup>2</sup> keluaran kita di-sini dapat di-pasarkan dalam

negara mereka atau kepada negara<sup>2</sup> yang kita tidak ada hubungan diplomatik. Kita di dalam menubuhkan Pejabat Perdagangan hendaklah berdasarkan business minded. Kalau chuma di-letakkan sahaja mereka sedangkan pasaran tidak boleh dapat dengan memuaskan, ini tidak boleh jadi. Penubuhan pejabat kurang dari perbelanjaan itu sendiri, baiklah di-rekmenkan tutup sahaja. Juga keluaran masok-nya antara barang kita dengan barang dia tidak sa-imbang, boleh di-tibangkan kedudukan pejabat ini.

Saya fikir barang<sup>2</sup> keluaran negara asing yang mana negara ada mengeluarkan-nya, hendaklah di-sekat. Kerana, dengan ini, adalah untuk menaikkan lagi keuntungan yang besar dan faedah kepada kita sendiri. Jika tidak di-buat begitu faktor<sup>2</sup> yang ada di-negara kita terpaksa bertanding dengan barang<sup>2</sup> yang mendatang yang lebeh murah tetapi mutu-nya sama. Kita tidak hendak melihat sa-suatu indastri atau factory kita tutup dan pekerja<sup>2</sup>-nya kuchar-kachir.

Dalam hal pertahanan pula, saya suka membawa pandangan sedikit ia-itu pada masa sekarang banyak negara<sup>2</sup> merdeka yang baharu telah muncul kerana dengan ada-nya kesedaran tidak mahu di-tekan, tidak mahu di-jajah. Ada yang dapat merdeka dengan tidak payah bertumpah darah, ada pula yang merdeka terpaksa mengharong sungai darah, ada pula merdeka terpaksa dengan jalan menderhaka, tetapi ada kala-nya pula negara yang sudah merdeka menjadi medan peperangan oleh kerana pencherobohan kominis.

Sekarang rasa saya dalam dunia sa-belah sini, Jepun sahaja-lah yang ada kekuatan kemampuan lebeh sedikit yang telah dapat meneguhkan kekuatan ekonomi-nya, politik-nya dan juga dalam pertahanan diri sendiri. Bagi Malaysia juga, saya berharap, akan menurut jejak langkah Jepun sekurang<sup>2</sup>-nya dalam soal pertahanan ini. Janganlah di-sayangkan sangat perbelanjaan bagi membeli alat<sup>2</sup> kelengkapan yang moden dan baru tetapi effective untuk pertahanan diri. Biarlah lebeh belanja asalkan berfaedah mempertahankan negara dan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita ada guru yang mengajar tentang soal pertahanan ini. Dia chuma mengajar kita memanjat tetapi tidak mengajar kita turun. Oleh kerana sekarang di-sabelah Asia sa-belah sini dia nampak harimau sedang menganas, maka dengan serta merta guru kita itu tinggalkan kita di-atas pokok dengan tidak ada senjata,

dia lari takut jadi mangsa. Oleh itu siang<sup>2</sup> lagi dia telah lari daripada sa-belah sini, rupa<sup>2</sup>-nya dahulu di-jadikan kita ini sa-bagai training ground atau pun sa-bagai experiment sahaja. dan akhir-nya ini pula dia hendak mempertahankan pertahanannya di-sabelah Afrika Selatan. Kata-nya di-sabelah sini sekarang sudah selamat tetapi di-sabelah Afrika Selatan dengan ada-nya motobot<sup>2</sup> Russia, satu dan dua buah, terpaksa dia memberi segala alat<sup>2</sup> kelengkapan pertahanan ka-sana. Agak-nya pada fikiran saya, kalau sa-kira-nya kominis yang sedang mengamok di-sabelah sini, kalau hendak sampai di-Afrika pun lama sedikit, jadi dia ada masa lagi chabut balek kampung. Jadi itu-lah sebab-nya dia tinggalkan kita, Tuan Yang di-Pertua.

Kita tahu telatah Kerajaan British ini, mengapa dia mempertahankan Afrika Selatan pada akhir<sup>2</sup> ini lebeh daripada mempertahankan Asia di-sabelah sini terutamanya sa-kali Malaysia. Tujuan yang pertama sa-kali ia-lah untuk menyokong faedah mereka dalam jangka masa yang panjang. Sebab-nya dia ada commitment, dia ada interest di-situ. Kita tahu apa yang ada di-South Afrika itu sunggoh pun dia itu Kerajaan menderhaka kepada British. Jadi British ini di-ukor mengikut dia punya interest lebeh. Mereka ini ada commitment, ada interest, sebab itu dia involve. Kalau tidak ada commitment, tidak ada interest-nya di-situ, dia tidak ada involve. Di-Malaysia British tidak ada banyak lagi commitment, interest dan dengan sebab itu-lah dia tidak ambil peduli sangat di-rantau ini. Jadi sekarang dia juga hendak membesarkan national interest dia di-sabelah Afrika. Alasan-nya, kerana kapal<sup>2</sup> Russia telah nampak di-sabelah sana. Jadi sa-belah sini dia tidak nampak kapal<sup>2</sup> Russia, di-sabelah sana dia nampak. Kalau sa-kira-nya itu sahaja alasan hendak berpindah sampai hendak berpechah belah Commonwealth, tidaklah lojik sama sa-kali. Kalau sa-kira-nya, Russia hendakkan Afrika Selatan alat kelengkapan British tidak cukup mempertahankan-nya.

Pertahanan bagi negara kita, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir, hendaklah di-perkuatkan lebeh banyak lagi daripada yang ada pada masa sekarang. Anchaman kominis telah menjadi<sup>2</sup> di-sabelah rantau ini, dia tidak kira siapa, dia niat dia main lanyak sahaja asalkan dia boleh dapat berkuasa di-situ. Jadi kalau kita telah bersedia lebeh

dahulu, melatehkan orang<sup>2</sup> kita untuk mempertahankan ada-lah lebeh baik daripada menerima tindakan dengan tidak berbalas. Kita tidak mahu melihat ra'ayat kita menyerah kalah sahaja atau mati di-dalam sengsara. Sunggoh pun negara kita kecil tetapi kalau sa-kira-nya ada senjata<sup>2</sup> yang kuat, semangat negarawan yang kuat, mungkin kita boleh dapat atasi daripada segala anchaman pencherobohan-nya.

Mengenai anchaman dari dalam negeri Titah Seri Paduka Baginda ada menyatakan bahawa perkara ini akan memakan belanja yang besar. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah berchakap sedikit. Uchapan<sup>2</sup> yang telah di-beri dalam Dewan yang mulia ini, di-antara ucapan Ahli dari Seremban Timor dengan Peguam Negara kita. Ahli dari Seremban Timor menyatakan, "removing these issues from the body politic means that the controversy will continue at an underground level". Apa ma'ana-nya. Tidak payah kita membaca pula ucapan Ahli<sup>2</sup> D.A.P. dan P.P.P. yang lain. Dahulu D.A.P. ini terkenal dengan nama Loyal Opposition, tetapi sekarang sudah terang pula ka-Leftist Opposition.

Sokongan dari Peguam Negara pula berkata, "kalau jalan depan sukar dan merbahaya, bunoh bahaya itu dahulu sebelum bermula berjalan ka-depan."

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita baharu hendak memulakan perjalanan kita tetapi sudah nampak bahaya yang kita akan hadapi dan satu dari chara mengurangkan perbelanjaan sebagaimana Seri Paduka Baginda menilahkan, ada-lah chara sebagaimana yang di-sebutkan oleh Peguam Negara. Saya fikir banyak ra'ayat bersetuju dalam chara berfikir begitu. Kira-nya banyak anchaman dari dalam negeri maka ranchangan<sup>2</sup> pembangunan dalam negara akan terbantut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya bukan bahaya itu sahaja hendak di-bunoh untuk mengekalkan demokrasi yang sedang kita nikmati, bahkan ibu hanya itu dahulu kita bunoh. Sekarang kita tak ragu<sup>2</sup> lagi siapa dia orang<sup>2</sup> yang akan membuat huru-hara denean mengancam keselamatan dalam negeri, kira-nya jadi, ini ada-lah satu chara yang baik untuk keselamatan dalam negeri, ra'ayat bagi memahami chara hidup berdemokrasi di-Malaysia. Jangan kita biarkan D.A.P. menunjukkan pilihan yang palsu antara menemui tanggong-jawab sebagai ra'ayat dan juga menemui kehendak<sup>2</sup> ra'ayat

di-rumah sendiri. Kira-nya kita melihat bahaya kita bunoh bahaya itu dengan tepat. Malaysian tidak boleh hidup dalam kerasingan tetapi hendak hidup dalam aman damai, ma'amor dan bahagia. Masa depan kita ada-lah chara bagaimana kita akan hidup bahagia dalam menemui tanggong-jawab kita.

Tuan Yang di-Pertua, jangan-lah kalau ada salah sedikit sahaja terpaksa di-CHANangkan keluar negeri, terpaksa pergi keluar negeri, memburokkan Kerajaan. Dia ta' tahu Kerajaan itu Kerajaan siapa, Kerajaan dia juga, negeri mana, negeri dia juga. Apa yang dia dapat kalau sa-kira-nya mereka itu berbuat begitu. Ini yang saya hendak tahu daripada D.A.P. Saya fikir elok-nya, kira-nya ahli<sup>2</sup> dari D.A.P. ini hendak-lah mempertahankan mengenai hal<sup>2</sup>, masaalah<sup>2</sup> dalam negeri-nya sendiri. Kalau ada sahaja orang berkata, memburokkan negeri-nya di-luar negeri, lekas-lah kita counter dengan kebaikan, kerana itu masaalah dalam negeri-nya. Rasa saya chuma yang berbeza ia-lah masaalah politik atau pendapatan sa-suatu parti sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-saorang itu pergi keluar negeri mengatakan Kerajaan aku tidak baik, negeri aku tidak baik, apa yang dia dapat. Malahan barangkali, saya fikir, kalau lain daripada Kerajaan Perikatan yang memerintah. apabila kembali orang<sup>2</sup> itu, akan dapat hadiah pingat ISA. Tak payah keluar negeri, bahkan dalam negeri pun kita boleh hadiahkan Pingat ISA itu . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Minta Ahli Yang Berhormat berchakap atas maudho' ucapan Titah Seri Paduka Baginda.

**Tuan Ramli bin Omar:** Jadi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita suka-lah mengambil peranan dalam masaalah<sup>2</sup> yang ada hubungan<sup>2</sup> politik sedikit di-sini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya suka menyatakan apabila sa-suatu perkara itu ada-lah sambungan daripada masaalah<sup>2</sup> parti yang sedang kita hadapi pada hari ini ia-lah bersangkutan dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan dasar kita dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya rasa masaalah ini ia-lah kalau-lah kita suka dengan sikap hidup kita sekarang ia-itu sikap hidup live and let-live attitude dan jangan-lah ada sikap<sup>2</sup> was-was, tidak perchaya antara

satu sama lain, sikap benchi-membenchi dan sikap benchi-membenchi antara satu sama lain, maka padah-lah negara kita dan dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong didalam pembukaan Parlimen baharu<sup>2</sup> ini bagi saya sa-bagai sa-orang anggota Dewan Ra'ayat yang di-barisan penyokong bagi pehak Perikatan ada-lah sangat sukachita menguchapkan tahniah itu dan saya menguchapkan terima kaseh.

**Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh):** Mr Speaker, Sir, may I be permitted to speak in English?

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, touching on His Majesty's Address which says the Police have rendered distinct services in maintaining peace and order, I would point out that there are numerous instances where far from maintaining peace and order they have disturbed the peace and order already prevailing by malicious and meaningless arrests and detention as in the case of the Honourable Member for Bruas and his beloved wife. The wife who is a school teacher with five children ranging from three years to ten years was arrested on the 18th day of June, 1969 in her house at Sitiawan merely because she was not able to tell the whereabouts of her husband who is the Member for Bruas and whom the Police wanted to detain for some unknown reason. Even after the husband was subsequently arrested on 4th July, 1969, the Police preferred to have both the accused, both the husband and the wife, in custody until the 18th day of July when the wife was only released. The husband was subsequently released after about two months of detention. The seriousness of this arrest of an innocent wife in place of her husband will only be better known and felt by the Government if a Minister's beloved wife were to be arrested and locked up for a month as a substitute for the Minister himself. What a shameful, degrading and despicable action to take by the Police. Besides this, there are instances of assaults, ill-treatment and brutality by the Police at the lock-up and these are mounting up daily and we are prepared to produce evidence if an inquiry is held.

Mr Speaker, Sir, the Address of His Majesty makes no reference anywhere to the part the newspapers of this country should play. Unfortunately, the newspapers of today are not the same as they used to be. They seldom give their own comments and even if they do, they lack the boldness and the

vigour that is usually expected of them by the public. These newspapers dare not publish their frank and candid opinions in their columns for fear of extinction of themselves. For their own survival they give undue prominence to the speeches of Government-side Members and give a passing reference to the speeches of Opposition-side Members. Today's *Straits Times*, Mr Speaker, Sir, for instance, completely makes no reference at all to the speech of Dato' S. P. Seenivasagam who made a speech yesterday where he praised our ex-Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, as a great and courageous leader, loved by all, in spite of the political differences. Perhaps the newspaper may have expected Dato' S. P. Seenivasagam to tear the Tunku down in order to give a big publicity in the front pages.

**Tuan Timbalan Yang di-Pertua:** You refer to the Honourable Members of Parliament by their constituency name please.

**Tuan R. C. M. Rayan:** I will go on to the next subject, Mr Speaker, Sir.

On the question of education, as we all know the educational system of a country plays an active and effective role in the progress and advancement of a society. Money spent on education is never a waste but is an asset to any country. It is an investment which is bound to produce dividends sooner or later.

Mr Speaker, Sir, the number of schools and colleges in this country is too small to cope up with the number of students who are eager to learn. As a result many students are shut out of schools and so they start a sort of "school" themselves and they learn the art of stealing and robbing.

It is also, Mr Speaker, Sir, a pathetic sight to see school-going children getting up from bed at 5.00 a.m. or 6.00 a.m. and going to school without a proper breakfast. Many of them go with an empty stomach as most of us present here fully know. If there are enough schools, this will not happen. Above all, if one were to take a drive a few miles out-of-the-town limits, one will find children waiting in darkness for buses on the road side near the jungle as early as 5.30 a.m. or even 6.00 a.m. These children who attend school in the morning finish their work at 1.00 p.m. or 2.00 p.m. and return home. They have, therefore, a chance to take part in games for

one half of the year. In the other half of the year they will be attending the afternoon school which closes almost just before sunset and so they are denied the opportunity to take part in games. This anomaly must not be allowed to continue. All students must be given an opportunity to take part in games or sports. To do this more schools should be built. This is not difficult because there is plenty of land available all over Malaysia.

Mr Speaker, Sir, now dealing with the question of school fees, students up to Standard Six pay no school fees whereas the others have to pay school fees ranging from about \$7 upwards. It will be a happy day for all if free education is provided in all classes up to the Cambridge Senior level. On the question of books, Mr Speaker, Sir, parents are often put to financial difficulty every year because of the change of books in schools. What is good for a class in one year is not good in the following year. As far as possible it will assist parents if books are not changed frequently.

Whatever we say here, Mr Speaker, Sir, may fall on deaf ears as the Government is drunk with power and ambition. Today the Government is drunk with power. It may not be in a mood to pay heed to remarks from the Opposition benches. To them, to reign is worth ambition, though in hell. Power, said Lord Acton once, tends to corrupt and absolute power corrupts absolutely.

Finally, Mr Speaker, Sir, as we listened to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong the other day we were all impressed by the truly majestic calm and dignity with which he delivered his Speech. Let us hope that in the course of this debate on His Majesty's Speech, we can maintain that calm and that dignity. Let us not have any exhibition of the language of the gutter and of street urchins and loafers who take a pride in using abusive words, such as rogues and scamps, when attacking their opponents. This kind of rowdy-like behaviour will impress nobody but will only bring ridicule upon those who sink so low as to utter them within the dignified walls of this House. Thank you.

**Dr Tan Chee Khoo: (Batu):** Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh kerana saya di-beri peluang berchakap. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit tentang usul yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhor-

mat dari Muar Selatan, tetapi terlebih dahulu saya mohon izin untuk berchakap dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, sa-telah 21 bulan lama-nya negara kita di-bawah pemerentahan NOC (Majlis Gerakan Negara), sekarang kita telah kembali semula kapada pemerentahan demokrasi.

Sekarang saya menggambarkan sa-mula kehendak<sup>2</sup> dan suara ra'ayat dari ra'ayat jelata yang mengamalkan pemerentahan demokrasi apabila saya nyatakan bahawa ra'ayat jelata negara kita sekarang ini lebeh rela di-bawah pemerentahan demokrasi daripada pemerentahan NOC. Keputusan yang pertama kita ambil sa-telah Dewan ini membathatkan Pindaan Perlembagaan Negara kita ia-lah kembali-nya kita kapada pemerentahan demokrasi dan kita mesti-lah menjalankan dengan chara<sup>2</sup> demokrasi yang tulin sama ada masa ini atau pun di-masa akan datang.

*(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, during the period of rule by the NOC there had been ominous talks of military dictatorship and during the debate on the Constitution (Amendment) Bill too there were suggestions that we should have a guided democracy. But the Gerakan calls on all Malaysians to be fully committed to parliamentary democracy where Parliament as expressing the will of the people is supreme. I say this fully conscious of the fact that although parliamentary immunity has been eroded we still can make a go at parliamentary democracy and hope that in time we can restore parliamentary immunity to its rightful place.

The other resolution that this House and the people of this country must make is that we must be fully committed to a multi-racial solution to all our problems. Until very recently, the Government talked only of the Malay have-nots in this country, meaning that poverty in this country is confined only to the Malays. Of course, this is not true. Poverty in this country, as elsewhere, has no racial barriers and there are have-nots amongst the non-Malays as there are amongst the Malays.

Thus the Gerakan congratulates the Government on their objective of eradicating poverty amongst the have-nots irrespective of their racial origin. I am glad that at long last the Government has realised that poverty must be tackled on all fronts so that it is not

confined to the Malay have-nots; if it is confined to the Malay have-nots, we cannot really solve the problem of poverty in this country.

But making pious incantations alone will not help. I have already indicated in this House how, after 14 years of Alliance rule, the bulk of Malays are not better off than they were when this country achieved independence. It is the failure of the Government to deliver the goods that has caused the loss of seats of the Alliance Party in the last elections and this too has resulted in the tension amongst the Malays that has affected the whole country.

On the other hand, the non-Malays too will not be satisfied with empty promises. The Government will have to prove to them, not by words or promises, but deeds that the non-Malays in this country have a place under the Malaysian sun. This is very important if the non-Malays are not to be driven into despair or, worse still, if they lose all hope and are driven to the warm embrace of the M.C.P. One way to prove to the non-Malays that they have a stake in this country, and a vital stake at that, is to adopt a multi-racial solution to all the problems facing this country. With the Malays, the Government cannot fool them any more with empty promises, with the non-Malays the Government will have to prove by deeds that they, too, will have a share of the cake and will not be left in the cold or be elbowed out completely in the scheme of things.

Mr Speaker, Sir, now that the Parliament has passed the Constitution (Amendment) Bill the dominant thought of the people of the country is this: will the Government implement all these laws impartially and fearlessly without fear or favour? Unfortunately this has not been so in the past, hence the anxiety and uncertainty that still prevails in this country at this moment. As many fellow Members of this House have emphasised, justice must not only be done but must be seen to be done.

Mr Speaker, Sir, I am glad that our relations with Singapore are moving into calmer waters. Time was when before and after the eviction of Singapore in 1965 insults and invectives were hurled up and down the Causeway. Now the Government of both countries have realised their folly and have stopped behaving like small boys.

But expressing pious hopes and mouthing platitudes are not enough. Both countries must move closely together and must be seen to be doing so.

Both countries have stated and reiterated that the defence of Malaysia and Singapore is indivisible and the Gerakan is glad that in matters of defence at least both countries are moving closer together.

I must also congratulate the Government for the latest ruling on entry into Malaysia by Singaporeans. At one time this Government threatened to make every Singaporean who enters Malaysia to fill a form every time when he enters Malaysia. This is patently absurd especially so when one considers that any Malaysian entering Singapore has only to show his passport or his restricted passport for entry into Singapore. But now better sense has prevailed and Singaporeans need only fill a form once in three months.

Mr Speaker, Sir, it is unfortunate that the MSA which has shown such huge profits recently is in the course of breaking up. This is most regrettable as given goodwill on both sides it might have been possible to save the MSA. The MSA is unique in that it is the only airline in Asia, and indeed anywhere in the world, that carries the flag of two nations. The Malaysian Government talks glibly of regional co-operation of ASA and ASEAN and the one successful example of regional co-operation has to break up.

But now that the break-up of the MSA is a *fait accompli*, although it has not actually taken place, the Gerakan calls on the Government to embark on a massive training programme of all categories of airline workers, particularly of pilots so that when the split finally comes, we will not be caught unawares. If we cannot agree with our nearest and closest neighbour on basic issues, then it would be futile to talk of regional co-operation, etc.

Despite this set back, we should try to foster closer economic ties with Singapore. After all, the number of the tycoons that have factories on both sides of the Causeway are many and a free movement of goods between the two countries will be to the benefit of both countries. But is this going to be a pipe dream in our time? I hope not.

Mr Speaker, Sir, the recent floods have caused the greatest *havoc* and damage within living memory of most of us in this

country. Thousands have been affected and the damage runs into hundreds of millions and the Government talks glibly of studying and considering medium and long-term programmes to avoid and reduce effects of floods in the country.

This is most regrettable. We had an earlier warning in 1967 when floods ravaged the East Coast while this House was in session. Four years have gone by and the Government has done exactly nothing to combat the floods that occur perennially in some parts of the country. This is a terrible indictment on the Government. Most of the damage could have been reduced if the Government had started on anti-flood measures soon after the 1967 floods. The Gerakan calls on the Government to take immediate anti-flood measures throughout the country instead of indulging in empty talk that fools no one.

Tuan Yang di-Pertua, masa untuk chakapan<sup>2</sup> sudah di-tamatkan. Masa untuk gerakan atau tindakan dengan segera sudah tiba. Jika Kerajaan tidak faham bagaimanakah mereka boleh bergerak atau bertindak; mereka boleh menjemput Gerakan menunjuk-tindakan yang sesuai (*Ketawa*).

**Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara):** Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Batu maksudkan Parti Gerakan atau gerakan biasa.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, rakan saya atau wakil dari Segamat Utara faham; Gerakan walau pun kadang<sup>2</sup> menyokong Kerajaan ia-lah Gerakan partai yang di-duduki dalam pihak Pembangkang di-sini.

Mr Speaker, Sir, while we do need the assistance of foreign consultants to help us, I maintain that there are enough Malaysians in this country who can and must start the ball rolling on anti-flood measures. Thus, I cannot believe that there are no D.I.D. engineers who can help, that there are not enough Malaysians in the universities of Malaysia who also can give advice on anti-flood measures. It is up to the Government to tap these resources instead of waiting for foreigners to help us out.

Mr Speaker, Sir, it is regrettable that even before the eight-nation Study Group on the sales of arms has had the opportunity to meet, Britain has already announced the sale

of Wasp helicopters to South Africa. This is a slap in the face of the eight-nation Study Group and an insult to the rest of Commonwealth as well, in particular to the African States. Both Nigeria and India have announced that they will pull out of this Study Group, and I am glad that the Malaysian Government has followed suit. Both Kenya and Jamaica, too, will most likely pull out and that will leave the three nations who may choose to stay put, namely, Great Britain, Australia and Canada. For us to remain behind will not be in keeping with the new stance in foreign affairs that the Government is seeking to project.

But what are the British trying to prove by selling seven helicopters? If it is seven hundred helicopters and the sale runs into hundred of millions of pounds, then I can understand. But the sale of seven helicopters can hardly add substantially to the export drive of the British. The only conclusion that one can draw is that the British want to show that Britannia still rules the waves and that they are not willing to be pushed round by their former colonies.

Whilst we are on the subject of the sale of arms to the racist and authoritarian South Africa, the Gerakan calls on the Government to continue to oppose and speak out against the pernicious and abhorrent policy of apartheid until the racist regime is toppled *vi et armis* i.e., by force of arms, if necessary.

Mr Speaker, Sir, in the last few months there has been a clear and unmistakable rise in the cost of living. The price of most consumer and essential goods have increased recently. To name but a few, these include sugar, salt, bread, battery cells, newspapers, cooking oil, electric fans, etc. Mr Speaker, Sir, in the last Parliament, time and again I had warned the Government that while we should give all sorts of incentives to attract industrialists we should at the same time see that we do not create a Frankenstein. I had warned that the Government should not allow the industrialists to exploit a captive market and hold the consumers of this country to ransom.

A classical example of exploitation of the consumers in this country was the increase in the wholesale price of sugar from \$550 to \$625 a ton and from 37 to 40 cents per kati. Mr Speaker, Sir, the Minister of Commerce and Industry went to great lengths to explain

that this increase in price by the manufacturers was sanctioned by his Ministry after long and careful study by his Ministry. But is this the case and has his Ministry done its homework well? And has the Ministry looked into the balance sheet on profit and loss account of the two sugar manufacturers in this country, namely, Malayan Sugar Manufacturing (Senderian) Berhad and Central Sugars?

Mr Speaker, Sir, let us take Central Sugars first. Between 1967 and 1970, the trading profit of Central Sugars amounted to \$15 million. For the years 1965 to 1969, their dividends were 15%, 22½% and 25%. As for Malayan Sugar Manufacturing Company, between 1965 and 1969 its trading profit amounted to \$29 million. Its dividends for the years 1965 to 1969 were 7½%, 27½%, 35%, 40% and 50%. During this time too it did so well that it could give a bonus issue of one to two to the shareholders in 1968.

Mr Speaker, Sir, I have here with me a press release of the Selangor Consumers Association dated 11th February, 1971, and with your permission, Sir, I shall quote a small excerpt from it:

"Malayan Sugar, judging by its phenomenal profit record, has absolutely no grounds whatsoever to increase its prices unless it is going all out to exploit the situation at the expense of the consumers.

The high profits of the Sugar Corporations are in stark contrast to the fixed and limited earnings of ordinary Malaysian consumers, who are suffering a growing burden of price increases which seem unjustified.

The Selangor Consumers Association finds that the situation is beginning to show the characteristics of classical exploitation of consumers. In such cases, it is always the poor, the needy, those with young children, and those with large families as well as charitable and welfare institutions that will suffer the most.

Tens, if not hundreds, of thousands of Government servants and hundreds of thousands of wage earners with fixed income will be seriously affected."

Mr Speaker, Sir, the latest price increase, we are told, is due to the increase in the price of raw sugar in the world market. But there will be an increase in the export quota of 10 per cent and thus the free market would gain by another 700,000 tons in export quota under the 10 per cent increase. Thus this year could end with a surplus of 300,000 tons of sugar, in which case the price of raw sugar will fall. If what I have stated holds

good, then the increase in the price of raw sugar is only temporary and hence there is no case at all for the sugar refineries to hike the price of their product.

Mr Speaker, Sir, the Advisory Committee on Essential Commodities is supposed to be a watch-dog body on prices, but I believe it did not meet this year until the 16th February, 1971, and then it decided that it would meet at least once a month to review the price of consumer goods in Malaysia. It is most regrettable that at that meeting on 16th February, 1971, when the increase in the price of sugar was discussed and which was attended by both the consumer representatives and the sugar manufacturers, the officials of the Ministry of Commerce and Industry took it upon themselves to explain the increase in the price of sugar while the sugar manufacturers had chosen to maintain a discreet silence. But why should the officials of the Ministry of Commerce and Industry be the hatchet men of the sugar manufacturers and the industrialists in the country? This shows that the Alliance Government is so enmeshed in the web spun by the capitalists in this country and it shows how the Alliance Party has let down the consumers and the ra'ayat jelata of this country.

From the time the price hike in sugar has been announced, the sugar moguls have not said a word in defence of their action and all the talking has been done by the Ministry of Commerce and Industry officials. Why should this be so? And if the sugar refineries have a good case, why should they refuse to accept the challenge to a public debate from the Selangor Consumers Association?

Mr Speaker, Sir, since the first imposition of Excise Tax about four years ago, certain well-known brand of locally manufactured soap has decreased in size though there is no increase in the price. This is one way of exploitation and unless this is stopped, the cake of soap that we buy today will dwindle to the small pieces that one sees in hotels in this country. The Gerakan calls on the Advisory Committee on the prices of essential commodities to investigate this "vanishing act" of the soap manufacturers.

Mr Speaker, Sir, another example of the exploitation of the captive market is seen in the price increase of electric fans which have shown a rise of \$16 for a 14 inch fan, when

the increase due to excise tax should be only 10% of the factory price which is about \$50 to \$55 each.

Then there is the unjustifiable increase in price of battery cells and in the offing is the proposed increase in the price of petroleum products. This will undoubtedly spark off another round of price increases and the Gerakan calls on the Government to keep a close watch and come down heavily on the manufacturer who seeks to exploit a captive market. The consumers of this country are not so dumb as the manufacturers fondly hope they are and if they are pushed too hard to the wall, they will rise up in revolt against unscrupulous manufacturers.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengatakan mereka hendak meninggikan taraf kehidupan ra'ayat jelata di-negeri kita, terutama antara ra'ayat di-luar bandar, tetapi di-dalam 14 tahun yang Kerajaan Perikatan telah memerintah ada-kah taraf kehidupan ra'ayat jelata di-tinggikan atau ra'ayat jelata di-negara kita maseh kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya baharu<sup>2</sup> ini telah menerima sa-puchok surat daripada sa-orang kakitangan Kerajaan. Dengan keizinan tuan saya hendak bacha sedikit daripada surat ini:

"Yang Berhormat Dr Tan, kami bagi pehak Buroh Hutan Sementara Kerling, Ulu Selangor dapat-lah kira-nya Yang Berhormat Dr Tan mengusulkan permohonan kami kepada pehak yang berkenaan.

Usul<sup>2</sup> kami ia-lah seperti berikut:

Kami bergaji hari sa-banyak \$3.10 sen sa-hari. Chuti 'am dan chuti sakit tiada bergaji. Di-antara kami ada yang telah bekerja sa-lama 3 tahun sampai 10 tahun. Tiada kenaikan gaji langsung.

Salaras dengan dasar<sup>2</sup> Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat nampak-nya kata<sup>2</sup> sahaja nasib kami Buroh<sup>2</sup> Sementara tidak juga berubah, oleh itu kami berharap jasa baik Yang Berhormat untuk menengahkan permohonan kami itu.

Sekian-lah sahaja di-ucapkan terima kaseh."

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat dari Batu ini memberi jalan.

Ada-kah surat ini datang-nya daripada ra'ayat dari kawasan Yang Berhormat dari Batu?

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, surat yang saya bacha ini datang

daripada pehak Buroh<sup>2</sup> Hutan Sementara Kerling. Wakil dari Muar Utara tidak faham Kerling yang letak-nya di-kawasan Ulu Selangor, bukan di-kawasan Batu.

Ini-lah membuktikan apa<sup>2</sup> langkah dan tindakan<sup>2</sup> yang telah di-ambil oleh Kerajaan Perikatan tidak chukup untok memenohi harapan dan kehendak<sup>2</sup> ra'ayat jelata di-negara kita.

Mr Speaker, Sir, our Government has repeatedly called for the neutralization of South-East Asia by the People's Republic of China. Our Government has also loudly proclaimed its support for the admission of China to the United Nations. But beneath all the verbiage spouted by our leaders, have we changed our policy towards China regarding her admission to the United Nations? The answer is no and the reason is not far to seek for we have slavishly followed the United States of America in advocating a "two China" policy. Our Government knows that our "two China" policy is not acceptable to either Peking or Taipei. As such, we should be more realistic and adopt a "one China" policy as the People's Republic of China is the only country that can represent China. It is ludicrous and absurd that one fourth of humanity should be kept out of the United Nations by the United States of America and her camp followers. Hence when the General Assembly meets again later this year the Gerakan calls on the Government to abandon its "two China" policy and adopt a "one China" policy—support the People's Republic of China as the sole legal representatives of the Chinese people.

It is vitally important that the People's Republic of China should be admitted into the United Nations as she is already a nuclear power and has just sent a second satellite into orbit. It is quite likely she also possesses the I.C.B.M., i.e., Inter-Continental Ballistic Missile, or is likely to possess it in the near future. As such, her admission into the United Nations is vitally urgent and necessary if there is to be peace and harmony in our life time. Mr Speaker, Sir, as long as we adopt a two China policy we are bound to antagonise her and it would be futile to talk of the neutralisation of South-East Asia by China. So the sooner the Government

abandons the "two China" policy and supports the "one China" policy advocated by the Gerakan, the better it will be for us staying in South-East Asia.

Mr Speaker, Sir, while we are on the subject of China, the Gerakan calls for the removal of travel restrictions to Mainland China. The present restrictions on travel to China is causing a good deal of hardship to a number of Malaysians of Chinese origin who want to visit China either to see their relatives there or to go there as tourists or to go there to seek medical treatment. As far as Malaysians of Chinese origin are concerned, it is not Harley Street or the Mayo Clinic in America but Peking that is the Mecca of medical treatment. Thus many Malaysians of Chinese origin sometimes find it difficult to travel to China for medical treatment. Even the United States now no longer places any restrictions on travel to Mainland China on its citizens, but in this case Peking has refused to issue visas to Americans to enter China. The Gerakan calls on the Government to ease travel restrictions to China so as to foster closer relation with her. But if the Government is really interested to foster . . . . .

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat dari Batu ini memberi jalan.

Yang Berhormat dari Batu yang meminta Kerajaan memberi kemudahan supaya ra'ayat negeri ini pergi melawat negeri China. Diantara yang benar<sup>2</sup> hendak melawat barangkali Yang Berhormat Ahli dari Batu, siapa dia yang hendak berubat di-negeri China sana?

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, malang-nya wakil dari Muar Utara bukan sa-orang doktor. Saya sa-bagai sa-orang doktor boleh di-katakan tiap<sup>2</sup> hari ada orang sakit yang datang ka-gudang ubat saya dan menyuruh saya tulis surat mengatakan mereka ada penyakit cancer dan hendak pergi ka-Peking untuk berubat di-sana.

Mr Speaker, Sir, but if the Government is really interested to foster goodwill and closer relations with the People's Republic of China, then it should sponsor an All-Party Goodwill Mission to visit China. This should consist of representatives from all political parties in the country and should

include representatives of the Partai Ra'ayat and the Labour Party as well. The Gerakan calls on the Government to sponsor such a visit as we are convinced that such a visit will improve the relations between the two countries.

Tuan Yang di-Pertua, malam tadi Wakil dari Muar Selatan menyentoh sedikit sa-banyak tentang hasrat dan masalah<sup>2</sup> bagi penduduk<sup>2</sup> di-kawasan-nya. Petang ini saya hendak menyentoh sedikit sahaja tentang masalah<sup>2</sup> di-antara penduduk<sup>2</sup> di-kawasan saya, ia-itu kawasan Batu.

Tuan Yang di-Pertua, di-Kepong ada beberapa kilang papan. Kilang papan ini abu-nya terlampau besar dan mereka telah berjumpa dengan saya dan saya pun telah berhubung dengan beberapa orang pegawai Kerajaan. Apabila saya berhubung dengan Kerajaan, Pegawai Kesihatan, mereka berkata, ini bukan, kita tidak ada kuasa, tidak ada undang<sup>2</sup> boleh menjaga kilang papan ini. Apabila saya berjumpa dengan Pegawai Buroh yang ada Industrial Health Unit, mereka berkata, kita tidak ada kuasa. Apabila saya berjumpa dengan Menteri Besar, Menteri Besar menyuruh saya berhubung dengan Pegawai Daerah. Saya berhubung dengan Pegawai Daerah, Pegawai Daerah kata, saya tidak ada kuasa. Siapa ada kuasa? Pegawai Hutan yang memberi lesen-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membawa Menteri Besar Selangor ka-tempat itu dan menyuruh beliau menyiasat perkara ini. Petang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bernasib baik hendak memberitahu kepada Menteri Kesihatan. Saya ada bawa satu tin ini, tin ini ada abu. Tin ini ada abu, Tuan Yang di-Pertua, yang datang daripada kilang papan dan Tuan Yang di-Pertua, saya bawa di-sini satu tahil, tengok, Tuan Yang di-Pertua, abu di-sini, abu semua, abu di-sini . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini barang<sup>2</sup> yang merbahaya tidak boleh di-bawa di-sini (Ketawa).

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta ma'af. Jikalau saya tidak bawakan Menteri Kesihatan tidak menerima chadangan saya dan kata, apa ini, tetapi ada berlaku.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Yang Berhormat dari Batu berkata, saya sedia

pergi tengok dan tidak payah bawa barang itu ka-mari. Ini melanggar peratoran Dewan Ra'ayat, kerana perbuatan ini patut di-hukum (*Ketawa*).

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, this is not a laughing matter, because environmental health, as the Minister of Health knows, is a very serious thing and unless we take serious action, the problem is going to grow to such gigantic proportions that in order to put a stop or curb the evils of pollution, in this case of air pollution, it may be too costly for this Government to take. From time to time, one hears the Minister of Health and other Ministers as well saying that, "Oh, we are going to do something about this thing; we are going to bring legislation." Mr Speaker, Sir, this is most regrettable, because, as I have pointed out, I have seen a number of Government officials and they say "This is not my baby". I notice that the Minister of Health is wanting to interrupt me, but, Mr Speaker, Sir, there are a number of speakers and I hope that he will be more forbearing. I only hope that after this session, if he wants to, I can show him this dust that is blown out from the sawmills. This is literally blown out because if he looks at this there is a lot of dust that is not burnt . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Will you content with just stating the fact and not demonstrating?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan dan penerangan, sungguh pun saya patut menjawab pertanyaan Ahli dari Bandar Melaka pagi tadi tetapi waktu-nya tidak mengizinkan. Saya suka menerangkan kepada Rumah Yang Berbahagia ini, ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Batu chakap fasal itu, saya sudah tubuhkan sa-buah Jawatankuasa di-Pengerusikan oleh Pengarah Kesihatan, Dato' Abdul Wahab. Tolong-lah berhubung dengan beliau dan bawa perkara<sup>2</sup> itu dan kalau perlu akan di-adakan Meshuarat oleh Jawatankuasa itu nanti. Ahli Yang Berhormat sebagai sa-orang doktor, boleh chakap dengan doktor-lah, senang kita boleh timbangkan atas perkara ini. Kerajaan tidak duduk diam, yang sa-benar-nya kami mengambil tindakan yang segera berkenaan dengan air pollution.

**Dr Tan Chee Khoon:** Terima kaseh, Tuan Speaker, untuk penjelasan daripada Menteri Kesihatan. Saya akan berhubung dengan

pegawai yang berkenaan dan saya hendak memberitahu kepada Menteri Kesihatan jika sekarang ada perbadanan untuk siasat perkara ini masa untuk siasatan atau masa untuk berchakap sudah tamat, tidak guna siasat sahaja jika Kerajaan atau jika Menteri berkenaan membawa Rang Undang<sup>2</sup> ka-Dewan ini, saya boleh menyokong sepenoh<sup>2</sup>-nya apa<sup>2</sup> yang di-bawa ka-Dewan ini oleh Menteri Kesihatan.

Mr Speaker, Sir, since the conclusion of the Constitution (Amendment) Bill, the Gerakan has been accused of slavishly supporting the Alliance Government. The decision to support the Constitution (Amendment) Bill was not an easy one to make. In fact, it was taken after long and arduous debate within the party, but in the end the party had to support the Bill in order that the nation may have a chance to survive.

The Bill does not gag one section of the people, as is the fear of such people, but it places restrictions on all of us and on all political parties in this country. And the Gerakan has pledged that it will see that the law is applied to all sections of the people without fear or favour.

For me personally, it was a very bitter pill to swallow. I had severely criticised the Bill in parts, but in the end I had to submerge my personal feelings and support the Bill. I certainly do not wish to play footsie with the Alliance Government and I pledge that I will be as active as ever in the Opposition as I had been in the past. Thank you.

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang di-bawakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Selatan dan saya mengambil peluang ini menguchapkan sa-tinggi<sup>2</sup> tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung yang telah pun di-lantek oleh Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia dan saya pohon dengan berkat Duli Yang Maha Mulia maka negara kita akan bertambah maju, aman damai dan bertambah maamor.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati atas Uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia yang mengatakan "walau bagaimana pun, kita harus berwaspada dan berikhtiar supaya peristiwa burok yang berlaku pada 13 Mei tahun 1969 tidak berulang lagi". Saya ingin menarek perhatian Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dalam Dewan ini semenjak 21hb September

tahun 1945 ia-itu menyerahkan kalah Kerajaan Jepun sa-hingga-lah hari ini peristiwa<sup>2</sup> yang burok telah berlaku sa-banyak lapan kali dalam negara kita ini. Sebagaimana yang di-chakapkan oleh bekas Perdana Menteri dahulu kedudukan ra'ayat dalam negara kita ini ia-lah bagaimana dudok di-atas sa-buah peti ubat bedil (powder keg) dan sa-lama 26 tahun itu ra'ayat jelata kita dudok dalam keadaan pemerentahan dharurat sa-lama 15 tahun. Ini ada-lah satu perkara yang sangat berat dan di-harapkan tiap<sup>2</sup> warganegara yang mengaku ta'at setia kepada negara ini akan berikhtiar dan berusaha bersungguh<sup>2</sup> supaya negara kita dudok dalam aman dan damai. Di-antara peristiwa<sup>2</sup> itu saya ingin-lah sebutkan yang pertama ia-lah pemerentahan Bintang Tiga manakala Jepun menyerah kalah dengan tidak semena<sup>2</sup>-nya ra'ayat jelata bangun pagi<sup>2</sup> melihat Bintang Tiga memerintah negara ini, dan oleh kerana ra'ayat pada masa itu khas-nya orang<sup>2</sup> Melayu menentang kuat maka pencherobohan Bintang Tiga itu dihapuskan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan kebangkitan gerakan kominis tahun 1948 berjalan sa-hingga tahun 1960 selama 12 tahun keadaan dalam dharurat dan yang ketiga pada tahun 1956 manakala Dasar Pelajaran Penyata Razak di-ishtiharkan mula<sup>2</sup> sa-kali penuntut<sup>2</sup> mengambil bahagian tunjok perasaan di-Sekolah Chung Ling High School, Pulau Pinang, sa-hingga Yang Berhormat Menteri Pelajaran waktu itu terpaksa menutup sekolah itu.

Yang keempat peristiwa yang berlaku yang tidak di-ingini yang boleh di-elak ia-itu pada 1-1-1958 satu perayaan yang besar diadakan kerana mengubah nama bandar George Town kepada Bandar Raya (City) George Town. Peristiwa itu yang sangat burok berlaku pada mula-nya sedikit sahaja, tetapi di-perbesar<sup>2</sup>kan oleh orang<sup>2</sup> yang tidak bertanggung-jawab sa-hingga melibatkan beberapa orang yang tidak berdosa yang terbunuh yang rugi dan luka parah sa-hingga Pulau Pinang pada masa itu di-ishtiharkan dharurat.

Pada tahun 1963, Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi lagi satu benchana ia-itu konfrantasi daripada regim Sukarno dan diantara warganegara kita yang mengaku taat konon-nya menyebelahi regim Sukarno mendapat latehan dan menyerang balek negara

kita ini. Ini-lah akibat daripada perbuatan<sup>2</sup> boneka pembelot dan petualang<sup>2</sup> yang derhaka kepada negara dan pehak Kerajaan telah menangkap dan menghukum bunuh pada orang<sup>2</sup> itu, tetapi malang-nya di-buat rayuan, hukum bunuh itu di-longgarkan kepada hukum penjara sa-hingga mati dan akibat ini pun ada beberapa petunjuk<sup>2</sup> perasaan dalam Kuala Lumpur oleh puak<sup>2</sup> kiri yang tidak bertanggung-jawab.

Satu peristiwa yang burok juga yang berlaku ia-itu pada tahun 1967 di-Pulau Pinang mula-nya, ia-itu manakala Kerajaan mengeluarkan note wang baru, di-tukarkan kepada wang lama ia-itu satu kempen oleh pehak sa-versive mengatakan wang tidak laku, tidak di-peraku<sup>2</sup>. Mereka itu keluar di-merata<sup>2</sup> tempat, mendesak supaya kedai<sup>2</sup> di-tutup dan daripada peristiwa itu juga Pulau Pinang mengalami sa-kali lagi dalam keadaan dharurat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang ketujuh, ini satu perkara yang tidak patut di-lupakan ia-itu satu orang yang telah bersalah; di-tembak dan mayat-nya hendak di-arakkan sa-chara besar<sup>2</sup>an. Orang yang menjalankan satu kesalahan menjadi sa-bagai martyr, di-arak pada 9hb Mei, 1969. Ini-lah punchanya, sa-hingga-lah terchetus jadi-nya peristiwa 13 Mei itu. Jadi, di-antara peristiwa<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kepada warganegara kita supaya bagaimana yang di-titahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sentiasa berwaspada kerana bila<sup>2</sup> masa sahaja pehak<sup>2</sup> yang tidak bertanggung-jawab ini akan mengambil peluang itu, menggunakan peluang melaga<sup>2</sup>kan ra'ayat supaya bergaduh sama sendiri, supaya berperang saudara sama sendiri. Akibat-nya, bagaimana kita alami beberapa tahun yang telah lalu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati kepada Titah Uchapan di-Raja ini yang berbunyi:

"Satu daripada chita<sup>2</sup> Kerajaan kita ia-lah menchipta masharakat yang lebeh adil. Sa-bagai satu daripada chara<sup>2</sup> untuk mencapai chita<sup>2</sup> ini, Kerajaan telah menggubal suatu dasar ekonomi yang dinamik dan praktik. Matlamat<sup>2</sup> utama bagi dasar ini ia-lah, yang pertama-nya, membasmikan kemiskinan di-kalangan ra'ayat yang tidak berada tanpa mengira asal keturunan mereka, dan yang kedua-nya ia-lah mewujudkan dan mengokohkan perpaduan negara."

Tuan Yang di-Pertua, melihat dari ra'ayat jelata dalam negara kita ini, perbezaan diantara orang yang ada dengan orang yang

tidak berada sangat-lah jauh beza-nya. Jadi, untok menchiptakan satu masharakat yang berada atau mengsaibangkan di-antara yang tidak berada kepada yang berada, saya ingin mengeshorkan satu chara sahaja yang boleh di-buat ia-itu menjadikan keseluruhan ra'ayat dalam negara kita ini sa-bagai warganegara Kelas Pertengahan ia-itu "Middle Class Citizens." Saya sudah pun bawa perkara ini ka-dalam Dewan ini juga supaya pehak yang berkenaan mengambil berat atas perkara itu. Ini-lah chara yang boleh menyelesaikan masaalah perbezaan di-antara yang ada dengan yang tidak berada, mengujudkan satu masharakat yang di-namakan warganegara Kelas Menengah, yang mana 70% atau pun 80% orang yang berkelas Menengah, 10% orang yang Terlampau Kaya dan tinggal 10% orang yang tidak berada. Ini akan memberikan kepuasan hati kepada keseluruhan ra'ayat dalam negara ini dan chara<sup>2</sup> yang hendak menjalankan, atau melaksanakannya itu, saya tertarek hati di-atas dasar ekonomi yang baharu dan saya ingin memberi sedikit pandangan. Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, orang<sup>2</sup> yang terlampau berada ini di-adakan sekatan<sup>2</sup> yang menasabah, mitalnya, sa-orang yang terlampau berada memiliki lesen, 10 lesen, permit hingga 5, tanah begitu punya luas, perniagaan begitu punya banyak. Jadi, bukan di-sekat bahkan jangan lagi kita berikan lesen, permit dan kemudahan<sup>2</sup> kepada orang<sup>2</sup> yang terlampau berada ini dan lesen<sup>2</sup>, permit<sup>2</sup> dan kemudahan<sup>2</sup> itu di-berikan kepada orang yang belum ada lesen<sup>2</sup> dan permit<sup>2</sup>. Ini satu chara yang baik jikalau orang yang terlampau berada ini hendak memperniagakan, boleh-lah Kerajaan nasehatkan, menanamkan modal mereka itu di-dalam perojek<sup>2</sup> perindustrian yang sedang giat di-tubuhkan di-dalam negara kita ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, untok menjayakan ranchangan ini, dalam perangkaan, lebeh kurang 60% daripada petani kita tidak mempunyai tanah sendiri. Ini-lah yang menjadi masaalah yang besar kepada petani kita. Jadi, saya berharap supaya Kerajaan mengadakan satu ranchangan yang praktik supaya tiap<sup>2</sup> petani kita memiliki pegangan tanah ekonomi, katakan sa-luas tiga ekar barangkali menchukopi-lah dan chara-nya, saya perchaya Kerajaan sedang berikhtiar memberikan tanah kepada orang yang tidak berada tanah, tetapi kepada petani<sup>2</sup> yang berusaha di-atas tanah dengan menyewa tanah daripada orang<sup>2</sup> yang tidak berusaha sendiri. Jadi, pehak Kerajaan boleh

mengadakan, satu ranchangan, mengadakan satu tabong wang untok membeli tanah daripada orang yang tidak mengusahakan itu dan jual balek kepada petani yang telah berusaha di-atas tanah<sup>2</sup> itu dengan sa-chara sewa pada dahulu-nya dan pada masa sekarang boleh-lah Kerajaan membenarkan mereka itu bayar chara beransor sa-lama 15 tahun atau 20 tahun di-atas nilai harga tanah itu. Akhir-nya mereka akan memiliki tanah itu sendiri.

Ini satu masaalah yang saya fikir dapat menyelesaikan sedikit sa-banyak masaalah yang tidak mempunyai tanah.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai penganggoran. Penganggoran ini boleh di-kurangkan sa-kira-nya pehak Kerajaan tidak sangat<sup>2</sup> hendak menggalakkan penggunaan tenaga jentera di-mana yang boleh di-gunakan tenaga manusia dan jangan menggunakan tenaga jentera. Di-mana yang tidak boleh, yang mustahak, gunakan tenaga jentera, baharu-lah kita gunakan tenaga jentera. Dengan sa-chara ini kita memberi peluang kepada ahli<sup>2</sup> yang menganggor untok bekerja di-ladang<sup>2</sup> dan di-tempat<sup>2</sup> yang lain. Saya ingin memberi chontoh sebab dunia automation, age of automation ini bermacam<sup>2</sup> di-negara<sup>2</sup> barat di-keluarkan sa-hingga hendak menanam padi pun boleh gunakan jentera. Hendak pukul padi atau harvesting pun boleh menggunakan jentera, dengan tidak menghiraukan penghidupan ra'ayat. Apa-kah akibat yang akan jadi. Di-negara barat sa-bagai Canada, Amerika dan Australia; sa-orang mempunyai tanah yang sa-luas 1,000 ekar, mustahak dia gunakan jentera, tetapi dalam negara kita sa-orang tidak mempunyai tanah begitu luas, hitong panjang dua ekar sahaja—tidak perlu di-gunakan jentera. Oleh itu kita gunakan tenaga manusia daripada menggunakan tenaga jentera.

Mengenai perindustrian menggunakan tenaga jentera, jadi Kerajaan ingin hendak memodenkan negara kita ini dengan sa-chepat mungkin. Saya dahulu pada tahun 1962 telah menegaskan kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama mengenai mengubahkan chara menangkap ikan dengan pukut tunda, atau trawler fishing, saya sudah tegaskan sa-barang perubahan mestilah di-tumpukan kepada nelayan<sup>2</sup> asli, tetapi oleh kerana Kerajaan berkehendakkan chepat perubahan maka di-tinggalkan kepentingan nelayan<sup>2</sup> asli dan di-majukan pukut tunda.

Berapa banyak nelayan<sup>2</sup> kita yang asli ketinggalan di-belakang dan merosot dalam hidup-nya. Jadi saya harap pehak Kementerian yang berkenaan akan kaji sa-mula perkara ini dengan melaksanakan rancangan penubohan Persatuan Nelayan bagaimana yang di-ranchangkan bagi pehak petani<sup>2</sup> dengan Persatuan Peladang chorak baharu. Jadi ini akan memberikan peluang yang besar kepada nelayan<sup>2</sup> asli untuk mengubah chara menangkap ikan dengan chara persendirian

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, saya shorkan supaya di-adakan kompleks perusahaan<sup>2</sup> kecil di-pekan<sup>2</sup> dalam luar bandar supaya dengan di-adakan kompleks<sup>2</sup> perusahaan kecil di-pekan<sup>2</sup> di-luar bandar boleh-lah memberi peluang kepada orang<sup>2</sup> yang tidak bekerja, atau orang yang tidak chukup kerja supaya berusaha dalam komplek<sup>2</sup> perusahaan ini dengan mithal-nya membuat perabut, indastri kampong, mengadakan bengkel, membuat beanaan rumah dan lain<sup>2</sup> yang sesuai bagi tempat itu dengan membanyakkan komplek<sup>2</sup> ini dengan memberi peluang kepada orang<sup>2</sup> yang tidak ada kerja di-kampong<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, manakala kita kaji tentang nasib peladang<sup>2</sup> atau petani<sup>2</sup> kita yang menanam padi dalam negara kita ini kita dapati dalam Malaysia Barat ini mempunyai 1,428,600 ekar tanah sawah yang di-usahakan oleh 301,754 pesawah<sup>2</sup> padi dan jikalau satu<sup>2</sup> orang itu mempunyai empat orang keluarga berma'ana satu juta lima ratus ribu yang bergantung nasib mereka, kehidupan mereka kapada usaha penanaman padi, dan pengeluaran padi dalam sa-tahun ia-itu mengikut perangkaan 1968, 1969 dua puluh lima juta pikul.

Tuan Yang di-Pertua, di-antara gulongan ra'ayat yang miskin dan susah ia-lah gulongan peladang<sup>2</sup>, jadi saya berharap kapada pehak Kerajaan supaya menumpukan lebih bantuan dan pertolongan kapada gulongan ini. Bagi pehak petani, saya menguchapan terima kaseh kapada pehak Kerajaan yang telah pun berusaha mengadakan tali ayer, mengadakan bantuan baja dan lain<sup>2</sup>, tetapi masih lagi ada beberapa masaalah yang mereka ini alami dan mengharapkan sangat<sup>2</sup> kapada Kerajaan supaya memberi lebih lagi bantuan kapada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada chara-nya yang saya harap pehak Kerajaan akan menolong mereka ini ia-lah dengan chara

menaikkan jaminan harga padi yang pada masa sekarang ini sa-rendah<sup>2</sup>-nya \$16 sa-pikul kapada \$18 sa-pikul. Jadi pehak petani<sup>2</sup> yang pendapatan kecil terpaksa membeli barang<sup>2</sup> yang meningkat tinggi harga-nya. Daripada semasa ka-samasa barang<sup>2</sup> keperluan harga barang<sup>2</sup> keperluan sudah naik meningkat tinggi, alat<sup>2</sup> jentera meningkat tinggi, harga baja dan lain<sup>2</sup>-nya meningkat tinggi, bahkan gaji bagi pehak pekerja<sup>2</sup> Kerajaan meningkat tinggi. Jadi pehak petani semenjak tahun 1963 harga padi mereka itu tidak naik langsung. Jadi saya berharap kapada pehak Kerajaan mengkajikan chara ini dan menolong petani<sup>2</sup> dengan memberi bantuan kapada mereka itu menaikkan harga padi ini mudah<sup>2</sup>-an memberikan lebih semangat kapada mereka itu berusaha di-atas bertanam padi ini dan negara kita akan chukup makan dengan sa-berapa segera-nya yang boleh dan saya anggarkan kalau Kerajaan hendak beri bantuan menaikkan harga padi ini pengeluaran 25 juta pikul, kata-lah pehak yang berusaha itu dengan keluarga-nya makan 8 juta pikul dan untuk di-jual 17 juta pikul, kalau naik \$2 sa-pikul, Kerajaan boleh mengeluarkan bantuan \$34 juta sa-tahun. Jadi ta' lama bagaimana saya tahu di-negara<sup>2</sup> yang maju sa-bagaimana di-Jepun pada 1961 saya melawat ka-sana Kerajaan menguntokkan sabanyak \$60 juta sa-tahun untuk memberi bantuan kapada petani<sup>2</sup> memberi galakan kapada mereka itu mengubah nasib mereka kapada nasib yang lebih baik lagi. Sa-bagaimana kita dengar Kerajaan<sup>2</sup> di-Kanada, Amerika, kalau keluaran gandum itu terlampau banyak mereka sampai tergamak hati buang ka-dalam laut, kerana hendak menjagakan kepentingan pengeluar<sup>2</sup> bahan makanan. Pehak negara Brazil mithal-nya keluaran kopi di-buang ka-dalam laut untuk hendak menjaga kepentingan orang<sup>2</sup> yang berusaha di-atas ini. Dan sa-kira-nya Kerajaan boleh memberi bantuan ta' sa-chara langsung kapada perusahaan<sup>2</sup> bertaraf perintis dengan mengechualikan mereka itu membayar chukai sa-lama lima tahun, jikalau di-kumpulkan di-taksirkan chukai yang mereka patut bayar itu berjuta<sup>2</sup> ringgit Kerajaan beri bantuan ta' sa-chara langsung kapada perusahaan<sup>2</sup> ini.

Oleh yang demikian saya yakin dan perchaya pehak Kerajaan akan kaji perkara ini dan memberi bantuan yang sa-wajar-nya kapada gulongan yang sangat jauh tertinggal ka-belakang.

Tuan Yang di-Pertua, petani<sup>2</sup> kita mengalami beberapa masaalah yang mana mereka

ini di-tindas oleh gulongan daripada orang yang mengambil peluang daripada kelemahan petani<sup>2</sup> ini dan menindas mereka ini dengan chara orang tengah dengan chara bermacam<sup>2</sup>. Oleh yang demikian, saya berharap supaya pehak Kerajaan dapat mengatasi masaalah<sup>2</sup> ini dengan melaksanakan dasar penubohan Persatuan Peladang chorak baharu ini dengan sa-chepat mungkin daripada perengkat Daerah, perengkat Negeri sehingga kepada perengkat Persekutuan supaya nasib petani<sup>2</sup> ini dapat di-bela oleh petani<sup>2</sup> sendiri dengan chara kuasa yang di-beri kepada mereka itu mengikut undang<sup>2</sup> yang telah di-luluskan oleh Dewan ini, dan dengan chara yang demikian, maka masaalah<sup>2</sup> bagaimana penindasan orang tengah bagaimana kredit, hutang, baja, alat<sup>2</sup> dan kurang pengetahuan dapat di-atasi dengan sendiri-nya.

Jadi saya berharap kepada Kerajaan waktu melaksanakan dasar ekonomi baharu ini mengambil perhatian di-atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada dulu-nya beberapa kali telah meminta kepada Yang Berhormat Menteri Buroh untuk mengatasi satu masaalah pendaftaran menchari kerja. Saya telah pun meminta supaya pehak Kementerian buat satu undang<sup>2</sup> memaksa tiap<sup>2</sup> majikan mengambil pekerja<sup>2</sup> melalui Pejabat Pendaftaran Buroh. Saya perchaya dengan ada-nya undang<sup>2</sup> yang semacam itu akan memberi satu ke'adilan kepada penchari<sup>2</sup> kerja kita. Semua orang yang ingin menchari kerja boleh berdaftar di-pejabat menchari kerja dan pehak majikan boleh meminta sa-berapa banyak daripada yang mendaftar itu untuk di-temuduga, bukan mesti majikan itu menerima jikalau pehak majikan tidak bersetuju, dia boleh tolak, minta yang lain lagi. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri Buroh akan mengambil perhatian daripada apa yang saya sebutkan mudah<sup>2</sup>an masaalah pendaftaran buroh ini dapat di-selesaikan.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi kerja kepada orang<sup>2</sup> yang tidak mempunyai kerja, Kerajaan patut mengadakan ranchangan ikutan atau pun "follow up scheme" kepada pelateh<sup>2</sup> yang telah dapat latehan daripada Institute Teknologi MARA, mithal-nya, daripada Vokeshenal School, daripada Sekolah Asohan Wanita, atau pun Pusat Latehan Perusahaan atau pun Sekolah Teknik dan lain<sup>2</sup> lagi. Kebanyakan daripada penuntut<sup>2</sup> yang telah keluar mereka itu tinggal begitu sahaja sungguh pun ada

pengetahuan mereka, mereka tidak dapat jalankan atau gunakan pengetahuan itu untuk menchari nafkah bagi mereka itu. Satu daripada chara ia-lah mengadakan satu "follow up scheme" satu ranchangan ikutan kepada orang<sup>2</sup> yang mendapat latehan ini, sa-kiranya mereka berkehendakkan modal, tolong beri modal, berkehendakkan alat perkakas untuk hendak usahakan buat perabut mithal-nya boleh di-berikan alat<sup>2</sup> ini mudah<sup>2</sup>an mereka boleh berusaha dengan tenaga mereka sendiri dan dapat hidup dengan baik-nya dan terjamin.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin bawa ia-lah mengenai kedudukan ekonomi orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra. Ikut perangkaan chuma 10% sahaja kedudukan ekonomi orang<sup>2</sup> Melayu di-Malaysia Barat pada tahun 1969 mengikut perangkaan sa-lepas 14 tahun merdeka.

Fasal 153 sudah pun ada, satu keistimewaan kepada orang<sup>2</sup> Melayu tetapi perlaksanaan-nya tidak begitu tegas dan lambat, sa-kiranya kita ikut perubahan ini dalam tempoh 14 tahun baharu 10%, saya perchaya untuk hendak menchari lagi 40% ia-itu hendak mempersambangkan kedudukan ekonomi itu akan mengambil masa selama 60 tahun lagi. Jadi saya berharap pehak Kerajaan akan menimbang perkara ini supaya menggunakan Fasal 153 itu dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya bagi mesambangkan kedudukan ekonomi di-antara orang<sup>2</sup> Melayu dengan orang<sup>2</sup> warganegara yang bukan Melayu ini dengan sa-chepat mungkin dan saya shorkan buat satu jangka panjang sa-lama 15 tahun, dan mengadakan satu "Blue Print" supaya dapat di-laksanakan berperingkat<sup>2</sup> sa-hingga sampai kepada 15 tahun, begitu mutlamat-nya dan kita kaji manakala sa-imbang saya sendiri rela di-hapuskan hak keistimewaan orang<sup>2</sup> Melayu. Jadi saya berharap pehak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini kerana ini ada-lah satu keistimewaan untuk orang<sup>2</sup> Melayu sa-bagaimana yang terchatit dalam Perlembagaan ini yang berbunyi: "Ada-lah menjadi tanggung-jawab Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang<sup>2</sup> Melayu dan kepentingan<sup>2</sup> sah kaum<sup>2</sup> lain mengikut peruntukan perkara ini" dan untuk menyenangkan lagi saya mengeshorkan pehak Kerajaan melantek sa-orang menteri khas bagi Malaysia Barat dan sa-orang Timbalan Menteri bagi Malaysia Timor untuk melaksanakan Fasal 153 ini mengikut Article 40

yang berbunyi: "Pada menjalankan tugas-nya di-bawah Perlembagaan ini atau di-bawah Undang<sup>2</sup> Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendak-lah bertindak mengikut nasehat Jema'ah Menteri atau nasehat sa-orang Menteri yang bertindak di-bawah kuasa 'am Juma'ah Menteri, kechuali sa-bagaimana di-peruntukkan sa-lain-nya oleh Perlembagaan ini." Jadi dengan ada-nya sa-orang Menteri dengan Tugas<sup>2</sup> Khas untuk hendak melaksanakan atau pun hendak menjalankan Fasal ini, saya perchaya lebeh sempurna lagi kerana boleh dapat ko-ordinasi daripada Menteri<sup>2</sup> lain untuk dapat membaiki kedudukan ini dengan melaksanakan tugas-nya supaya dapat di-saibangkan dalam tempoh 15 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, untuk menjadikan ra'ayat klas pertengahan satu daripada chara yang boleh di-laksanakan mengikut dasar ekonomi baharu ini yang boleh di-masokkan ia-itu menjalankan dasar demokrasi milek harta, ia-itu orang<sup>2</sup> yang tidak mempunyai harta atau tanah atau rumah akan berusaha supaya tiap<sup>2</sup> orang dengan chara persaorangan atau chara pakatan ada memileki satu jaminan kehidupan-nya pada masa hadapan dan saya dapat tahu kekayaan negara kita ini chuma 50% sahaja yang di-mileki oleh warganegara kita, yang 50% lagi ia-lah di-mileki oleh orang<sup>2</sup> yang bukan warganegara. Oleh itu molek sangat bagi Kerajaan menggalakkan penubohan dan simpanan wang Sharikat Kerjasama<sup>2</sup> supaya dengan berdasarkan kepada Sharikat Kerjasama<sup>2</sup> dapat menanamkan modal kalau undang<sup>2</sup> tidak ada buat undang<sup>2</sup>, supaya wang sharikat kerjasama<sup>2</sup> boleh beli saham perusahaan<sup>2</sup> dalam negara kita ini, ladang<sup>2</sup> dalam negara kita ini, dan apa juga yang boleh di-tanam modal. Ini satu chara yang boleh milek bersama oleh orang<sup>2</sup> yang tidak bagitu berada tetapi dengan sedikit boleh ada mempunyai hak di-atas kilang<sup>2</sup> atau ladang<sup>2</sup> atau lombong<sup>2</sup>. Dan yang kedua Kerajaan patut membuat undang<sup>2</sup> supaya tiap<sup>2</sup> perusahaan dalam negara ini akan membukakan saham-nya kepada pekerja<sup>2</sup> dalam kilang itu sekurang<sup>2</sup>-nya 10% daripada modal di-buka kepada pekerja<sup>2</sup> dalam kilang itu dan di-benarkan mereka itu beli saham-nya dengan bayaran beransor sa-lama dua tahun atau 10 tahun sa-hingga menchukupi had modal pekerja itu yang ada dalam kilang. Dengan chara yang demikian tiap<sup>2</sup> pekerja di-dalam perusahaan, atau ladang, atau dalam perniagaan ada hak-nya

di-atas kilang itu, perniagaan itu, lombong itu, ladang itu. Dia akan merasa bangga bahawa dia ada hak kepunyaan-nya di-kilang itu. Dia akan berasa bangga bahawa dia ada hak kepunyaan-nya di-kilang itu. Ini satu chara yang boleh memberi lebeh giat lagi kepada pekerja<sup>2</sup> berusaha untuk mengeluarkan bahan<sup>2</sup> atau barang<sup>2</sup> lebeh baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai Undang<sup>2</sup> Pilehan Raya. Jadi saya harap Undang<sup>2</sup> Pilehan Raya yang ada sekarang ini akan di-kaji dengan sa-halus<sup>2</sup>-nya. Mengikut pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, ada di-antara wakil<sup>2</sup> ra'ayat yang di-pilih dalam pilehan raya tahun 1963, Majlis<sup>2</sup> Bandaran, yang ta' boleh berchakap dalam bahasa Melayu bahkan dalam bahasa Ingeris pun ta' tahu. Ada orang yang salah masuk dalam tahanan, boleh menjadi chalun. Saya berharap pehak Kerajaan atau pun pehak Surohanjaya Pilehan-raya itu akan mengkaji perkara<sup>2</sup> mengenai syarat<sup>2</sup> hendak mengundi di-perketatkan lagi, syarat<sup>2</sup> yang hendak menjadi chalun. Ada di-antara wakil<sup>2</sup> ra'ayat yang telah di-pilih, sa-hingga kita merdeka sudah 14 tahun ta' boleh berchakap bahasa kebangsaan. Mereka tidak pun berusaha hendak berchakap. Jadi mesti di-sharatkan sa-kurang<sup>2</sup>-nya dia mestilah boleh berchakap, boleh bertutor dan menulis sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-takat Sijil Rendah Pelajaran. Jika dia ta' boleh dapat Sijil Rendah Pelajaran dia tak boleh menjadi chalun. Yang kedua-nya dia tidak ada mempunyai kesalahan, ta' pernah kena tahan, ta' pernah kena lokap, ta' pernah kena jel. Ini satu perkara yang patut di-timbangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bawa di-sini ia-lah mengikut apa yang di-ucapkan oleh Duli Yang Maha Mulia, "Kerajaan akan terus melaksanakan dasar mengenai pendidekan dalam bahasa Malaysia dan usaha<sup>2</sup> hendak menjadikan bahasa Malaysia sa-bagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dengan arti kata yang sa-benar-nya serta mengekalkan nilai serta standard pelajaran negara". Ini-lah yang ra'ayat jelata sakalian mengharap<sup>2</sup>kan supaya Kerajaan melaksanakan nilai ekonomi bahasa Kebangsaan dan saya berharap Kerajaan mesti mengutamakan. Barang siapa yang hendak membuat permohonan minta bekerja dengan Kerajaan mesti di-tentukan boleh buat permohonan dengan syarat dia lulus SPM mithal-nya atau pun SRP dengan

sharat ada credit dalam bahasa Inggeris. Sebab bahasa Inggeris ini berguna, tetapi utamakan dengan Bahasa Kebangsaan. Kalau dia lulus SC, Senior Cambridge itu tinggalkan—utamakan kepada Bahasa Kebangsaan. Mudah<sup>2</sup>an dengan ini nilai Bahasa Kebangsaan, kedaulatan Bahasa Kebangsaan itu sabenar<sup>2</sup>-nya di-daulatkan. Saya berharap pehak Kerajaan akan mengambil perhatian atas perkara ini.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sangat sukachita di-atas perlantikan Yang Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri<sup>2</sup> sakalian yang saya perchaya orang<sup>2</sup> ini ada kebolehan dan dapat menjalankan kerja<sup>2</sup> bagi memberi kepuasan hati kepada ra'ayat jelata di-atas tugas<sup>2</sup> mereka itu, dan saya ingin menyatakan di-sini pehak Menteri mesti-lah amalkan satu sikap "berani kerana benar, takut kerana salah," dan mesti-lah jalankan sbarang usaha dengan tegas tidak menghiraukan kepada kritik<sup>2</sup> yang tidak bertanggung-jawab, tetapi kalau kritik<sup>2</sup> yang baik itu patut di-terimakan dan jalankan tanggung-jawab dengan ikhlas dan bersih, mudah<sup>2</sup>an negara kita akan dudok, dalam keadaan aman maamor dan damai dan memberi kepuasan hati kepada seluroh ra'ayat dalam Malaysia. Sekian-lah sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini pada hari ini ia-lah untuk memberi sokongan yang penoh di-atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang di-titahkan di-dalam Dewan yang mulia ini pada 22hb Februari baharu<sup>2</sup> ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya amat tertarek hati di-atas apa yang telah di-titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia, terutama sa-kali di-dalam beberapa perkara yang tertentu antaranya mengikut titah-nya itu Kerajaan yang ada sekarang ini akan berusaha membasmiikan kemiskinan di-kalangan ra'ayat yang tidak berada tanpa mengira asal keturunan. Dan yang kedua ia-lah untuk mewujudkan, dan mengukuhkan perpaduan negara.

Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana saya berdiri di-sini pada hari ini dan kemasokan saya ka-dalam Dewan yang mulia ini ada-lah sempena dengan tertuboh-nya Kerajaan baharu yang di-pimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baharu

yang juga maseh muda dan mempunyai pengalaman yang lebeh serta banyak berjasa di-dalam tanah ayer kita ini, saya rasa peluang untok saya berbakti kepada pengundi<sup>2</sup> di-kawasan saya amat-lah luas. Sa-bagaimana Dato' Yang di-Pertua sendiri sedia ma'alom bahawa sa-belum daripada ini, sejak daripada tahun 1959 sampai-lah kepada Pilehan Raya 1969 ia-itu kira<sup>2</sup> 10 tahun lama-nya bagi Daerah Besut, Trengganu yang sekarang ini saya menjadi wakil-nya, di-dalam tempoh 10 tahun yang lalu di-wakili oleh Ahli Pembangkang, dan sudah tentu dalam tempoh 10 tahun itu Dato' Yang di-Pertua, sering kali kedengaran dari Dewan ini suara<sup>2</sup> sumbang yang di-keluarkan oleh wakil yang berchakap dari kerusi Besut. Ini yang menyebabkan pengundi<sup>2</sup> yang ada di-Besut terpengaruh dengan chakap<sup>2</sup>-nya yang seperti itu dan mereka telah hidup dengan keadaan merana, miskin sa-lama 10 tahun. Alham dulillah, Dato' Yang di-Pertua, dengan kesedaran dan keinsafan yang ada kepada pengundi<sup>2</sup> di-daerah Besut dan dengan kekuasaan Ilahi orang yang telah mengkhianati pendudok di-daerah Besut sekarang ini dalam Pilehan Raya baharu<sup>2</sup> ini tidak berani lagi berdiri dan bertanding di-kawasan di-mana mereka pernah di-wakili oleh pengundi<sup>2</sup>, tetapi sanggup lari serta bertanding di-kawasan yang lain.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat itu tentang perkataan pengkhianat yang di-gunakan terhadap Ahli Dewan yang mewakili daerah Besut sa-belum daripada-nya itu. Boleh di-gunakan atau tidak, sedangkan mereka ada-lah dipileh oleh ra'ayat di-masa itu terdiri daripada wakil kami, ia-itu daripada PAS.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, maksud-nya saya menggunakan perkataan khianat kerana ada bukti-nya. Saya akan sebutkan dalam ucapan saya.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, sa-orang yang di-pileh oleh ra'ayat menjadi Ahli Dewan atau pun menjadi Wakil Ra'ayat di-Rumah yang mulia ini boleh di-anggap pengkhianat, sedangkan Ahli yang berkenaan tidak pun pernah membuat sa-suatu yang melanggar tata sosila negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pada fikiran dia sa-orang, barangkali sa-orang dia sahaja, yang lain tidak bersetuju, dia bebas berchakap.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir boleh jadi wakil dari Dungun ini chuba hendak mempertahankan rakan-nya yang kebetulannya apa yang saya sebutkan ini boleh jadi terlibat juga diri-nya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh jadi atau boleh tidak jadi.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, untok membuktikan apa yang saya katakan tadi benar atau tidak, izinkan-lah saya mencheritakan sedikit mengenai sejarah atau riwayat Besut dalam Dewan ini. Di-dalam tahun 1959 sa-orang tokoh yang maha terkenal dan agong dalam Malaysia ini dengan kemashhoran keagongan-nya telah datang meminta undi daripada ra'ayat Besut dengan janji kalau beliau di-pilih dalam pilihanraya itu, kalau beliau di-beri keperchayaan dalam pilihanraya itu beliau akan bersedia tinggal di-Besut, dudok bersama<sup>2</sup> dengan masharakat Besut kerana sa-mata<sup>2</sup> hendak membela nasib ra'ayat Besut, yang kata-nya, amat ketinggalan jauh jika di-bandingkan dengan daerah<sup>2</sup> yang lain. Oleh kerana orang<sup>2</sup> di-Besut baik hati-nya, Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak kira bichara panjang pengundi<sup>2</sup> di-Besut terus memberi keperchayaan lebih daripada apa yang di-jangka, maka menang-lah Allah yarham Dr Burhanuddin. Sa-lepas pilihanraya tiga bulan ra'ayat Besut menchari . . . .

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Saya rasa sa-orang yang tidak ada di-Dewan ini kita tidak perlu membawa . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya lebih tahu lagi undang<sup>2</sup> itu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kalau ada hendak soal, tanya boleh. Kalau tegor uchapan tidak boleh gangu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Saya minta ma'af.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak wakil dari Dungun ini chuba hendak mengkursuskan Tuan Yang di-Pertua dengan undang<sup>2</sup>, padahal dia sendiri bukan ahli undang<sup>2</sup>. Tuan Yang di-Pertua, saya sambong balek sa-lepas tiga bulan berlangsong Pilehanraya Tahun

1959 ra'ayat di-Besut menchari di-mana rumah wakil yang mereka pilih dalam pilihanraya. Satu hari demi hari dari bulan ka-bulan dari tahun ka-tahun akhir<sup>2</sup>-nya dengar cherita balek ka-negeri asal-nya ia itu di-Perak. Erti-nya ini-lah yang saya maksudkan mengkhianat datang pada asal-nya hendak membela ra'ayat Besut berjanji tinggal di-Besut, tetapi bila mendapat undi balek ka-kampong asal-nya dengan tidak menghiraukan langsung pengundi atau nasib pengundi. Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, pengundi<sup>2</sup> di-Besut hanya kenal nama wakil sahaja, tetapi kurang kenal bagaimana rupa-nya wakil yang mereka pilih dalam tahun 1959. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, habis cherita sa-penggal Pilehanraya tahun 1959, datang Pilehanraya tahun 1964, tokoh Pembangkang ini dengan janji-nya yang lemak manis telah mengadakan sa-orang tokoh anak tempatan yang pula konon-nya . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat kita bukan pilihanraya di-sini. Ini tidak habis<sup>2</sup> pilihanraya ini, boleh di-jalankan terhadap . . . . .

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya meminta izin untok mencheritakan sedikit istilah yang saya menggunakan mengkhianat dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sadikit itu sudah lebih dari sadikit.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Jadi saya pohon dapat dalam dua tiga minit lagi untok menghabiskan cherita ini, kemudian saya akan masuk ka-dalam perkara yang kita bahathkan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tegah dua tiga minit, walau satu minit pun tidak boleh lagi.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kapada jaminan yang di-beri oleh Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini akan berusaha untok membasmi-kan kemiskinan. Saya telah terangkan tadi bahawa pengundi<sup>2</sup> di-kawasan saya amat-lah miskin sekarang ini berpuncha dari sa-puloh tahun lama-nya. Tuan Yang di-Pertua, untok memastikan bagaimana-kah ketinggalan-nya pengundi<sup>2</sup> di-kawasan saya, maka di-dalam Dewan yang mulia ini, saya mengambil peluang merayu dan memohon dengan sa-sungguh-nya kapada Yang Berhormat bapa<sup>2</sup>

Menteri supaya selalu-lah berkunjung dan melawat ka-kawasan Besut. Sebab yang saya sebutkan bagini, Tuan Yang di-Pertua, kerana daripada pengalaman<sup>2</sup>-nya di-masa<sup>2</sup> yang sudah<sup>2</sup> bapa<sup>2</sup> Menteri ini kurang benar membuat lawatan ka-daerah Besut, chuma mereka lalu sahaja kalau daripada Kuala Trengganu melalui Besut kerana hendak ka-Kota Bharu, atau pun daripada Kota Bharu melalui Besut kerana hendak ka-Kuala Trengganu. Erti-nya kawasan saya itu sa-lama ini merupakan kawasan yang di-lalui sahaja oleh bapa<sup>2</sup> Menteri dar' boleh jadi sa-tengah<sup>2</sup> bapa Menteri kita mengetahui kesah dalam kawasan saya itu hanya-lah berdasarkan kapada report atau pun laporan<sup>2</sup> yang di-hantar oleh pegawai<sup>2</sup>. Jadi dengan sebab itu-lah untok menyesuaikan dengan kehendak dan kehendak dan hasrat Kerajaan baharu ini hendak membasmi kemiskinan, saya terpaksa merayu dan memohon kapada bapa Menteri sudi apa kira-nya melawat ka-kawasan saya. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berterus terang dalam Dewan ini walau pun tadi saya mengatakan amat kurang Menteri membuat lawatan ka-kawasan saya, ada juga Menteri yang baik budi-nya melawat sejak akhir<sup>2</sup> ini.

Di-antara-nya ia-lah Yang Berhormat Menteri Kesihatan nampak-nya Yang Berhormat Menteri Kesihatan ini, Dato' Yang di-Pertua, kerap benar membuat lawatan di-sa'at<sup>2</sup> yang akhir ini dengan sebab itu-lah keadaan kesihatan di-kawasan saya telah pun bertambah baik.

Dan Menteri yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, nampak mula juga memerhatikan keadaan Besut, Yang Berhormat Menteri Kebajikan 'Am. Saya amat berterima kaseh kapada Menteri Kebajikan Am kerana dalam lawatan-nya baharu<sup>2</sup> ini bukan sahaja beliau sanggup melawat atas daratan tetapi sanggup mengharongi lautan pergi ka-serata tempat melihat ra'ayat hidup di-kawasan terpencil.

Dato' Yang di-Pertua, antara ramai<sup>2</sup> Menteri yang sangat<sup>2</sup> di-rindu oleh pengundi<sup>2</sup> di-kawasan saya ia-lah seperti Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana kapada Menteri ini terletak harapan yang besar daripada pengundi<sup>2</sup> saya supaya Menteri ini melihat sendiri bagaimana masalah yang di-hadapi, kemudian bersama<sup>2</sup> dengan ra'ayat di-sana berbinchang bagaimana pula chara<sup>2</sup> untok menolong dan mengatasi-nya.

Bagitu juga kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran; dahulu sa-masa Menteri Pelajaran yang lama, saya pernah berhubung dengan-nya dan kerap kali berjanji hendak melawat, tetapi sampai kapada sa'at beliau meninggalkan jawatan sa-bagai Menteri Pelajaran tidak juga sampai ka-kawasan saya. Sekarang ini Menteri Pelajaran yang baharu nampak-nya chergas, senyum pun boleh tahan, jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya merayu sangat<sup>2</sup>-lah kapada Menteri Pelajaran yang baharu ini supaya melawat ka-sana dan melihat keindahan<sup>2</sup> sekolah<sup>2</sup> lama yang burok, kerana sekarang ini saya fikir susah di-dalam sa-tengah<sup>2</sup> negeri yang lain hendak menchari bangunan<sup>2</sup> lama yang burok, tetapi maseh ada murid di-dalam-nya, tetapi kalau melawat ka-kawasan saya akan terjumpa-lah Dato' Yang di-Pertua, sekolah<sup>2</sup> yang lama burok, tetapi ada murid dan guru<sup>2</sup> di-dalam-nya.

Bagitu juga, Dato' Yang di-Pertua, kapada Menteri Pertanian dan Tanah. Keadaan di-kawasan saya, Dato' Yang di-Pertua, daripada jumlah penduduk hampir 90,000 orang, kehidupan penduduk di-sama sa-bilangan besar-nya ia-lah petani, sa-bahagian-nya pula sa-bagai nelayan dan sadikit sahaja yang terdiri daripada pegawai<sup>2</sup> Kerajaan serta ahli<sup>2</sup> perniagaan.

Dato' Yang di-Pertua, apabila saya menyebut masaalah petani, saya tidak lupa menguchapkan jutaan terima kaseh kapada Kerajaan yang telah chuba mencharahkan wang dengan banyak di-daerah Besut, kerana membena tali ayer di-bawah peringkat yang kedua yang akan berjalan di-dalam sa-bulan dua lagi. Dato' Yang di-Pertua apa yang ditegaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-dalam Titah ucapan-nya, ia-lah akan chuba berikhtiar, erti-nya Kerajaan baharu yang ada sekarang ini akan chuba berikhtiar untok meninggikan taraf hidup kaum tani bukan sahaja dengan chara meninggikan pendapatan mereka atau pun meninggikan taraf hidup mereka, tetapi akan chuba menukarkan chorak kehidupan kaum tani menjadi satu mashaarakat perniagaan atau pun perusahaan. Apabila saya menyebutkan perkara ini, Dato' Yang di-Pertua, kapada saya dan kapada pengundi<sup>2</sup> di-tempat saya meletakkan harapan yang besar kapada hasrat dan niat Kerajaan ini, kerana kalau di-dalam tempoh 5 tahun, 10 tahun atau 15 tahun yang akan datang ini dapat di-ubah chorak kehidupan kaum tani menjadi satu mashaarakat perniagaan atau pun

ahli perusahaan pada masa akan datang, tentu-lah sedikit sa-banyak akan nampak perubahan<sup>2</sup> dan kemajuan<sup>2</sup> di-kawasan saya.

Dato' Yang di-Pertua, untok memenohi hasrat ini, saya rasa Kerajaan terpaksa berani menchurahkan wang yang banyak untok negeri Trengganu khas-nya untok kawasan saya di-Besut. Saya terpaksa berkata demikian, Dato' Yang di-Pertua, kerana kawasan saya ini ada keistimewaan-nya. Letak-nya berhampiran dengan sa-buah negeri yang pernah di-panggil Kaabah ia-itu negeri Kelantan dan berhampiran pula dengan negeri di-mana lahir-nya Perdana Menteri kita ia-itu negeri Pahang, jadi kalau kedudukan negeri Trengganu di-tengah<sup>2</sup> antara Pahang dengan Kelantan tiba<sup>2</sup> negeri Pahang lebeh maju, negeri Kelantan pun maju, Trengganu tertinggal di-tengah<sup>2</sup>, Dato' Yang di-Pertua, saya rasa kalau benda di-tengah selalu tinggal, kurang manis, Dato' Yang di-Pertua. Jadi, dengan sebab itu-lah saya meminta dan mengharapakan kepada Kerajaan baharu supaya mengambil berat kepada negeri<sup>2</sup> yang dudok di-tengah<sup>2</sup> ini supaya yang di-tengah<sup>2</sup> itu tidak selalu ketinggalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa lama lagi? Saya hendak tahu berapa lama lagi hendak beruchap.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Banyak lagi, Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh banyak lagi, 5 minit boleh. Orang lain pun ada yang hendak beruchap.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Kalau bagitu banyak saya terpaksa tertinggal dalam ucapan ini, Dato' Yang di-Pertua. Tidak boleh-kah kalau di-beri peluang kepada saya untok menyambong pagi esok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Tidak boleh.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Dato' Yang di-Pertua, biar-lah saya menyentoh sa-chara terang masalah pertanian. Perkara yang amat menarek di-dalam rancangan Kerajaan sekarang ini, ia-lah mengenai dengan pembukaan tanah di-bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum daripada rancangan kemajuan tanah ini, membuka rancangan-nya, maka nama-nya sangat<sup>2</sup> mashor dan orang ramai berlumba<sup>2</sup> hendak memasoki ka-dalam rancangan ini. Akan

tetapi apabila sampai kepada masa hendak membayar-nya segala hutang-piutang yang di-terima oleh peserta<sup>2</sup>, maka timbul-lah perselisihan dan ada kala-nya keluar suara<sup>2</sup> membangkang daripada peserta<sup>2</sup> sendiri. Oleh kerana di-kawasan saya ada rancangan yang saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, maka saya rasa dapat menyelam apa-kah masaalah<sup>2</sup> yang berlaku di-dalam rancangan ini.

Satu rancangan yang di-namakan rancangan Kampong Rahmat Chalok, Besut, ia-itu Rancangan L.K.T.P. di-buka dalam tahun 1958, Tuan Yang di-Pertua, merupakan rancangan permulaan rancangan yang berchadang hendak di-jadikan chontoh oleh Kerajaan kita. Maka rancangan ini telah berjalan dengan keadaan yang agak luar biasa sedikit daripada rancangan<sup>2</sup> yang baharu<sup>2</sup> ini, kerana peserta<sup>2</sup> yang memasoki ka-dalam rancangan ini, Tuan Yang di-Pertua, peserta<sup>2</sup> menebang sendiri, menebas sendiri, membuat rumah-nya sendiri, menanam-nya sendiri dan menjaga kebun-nya pun sendiri tidak saperti yang baharu di-buka sa-lepas daripada itu ia-itu di-tebang, tebas di-beri kepada contract, tanam-nya sa-chara contract dan chuma peserta masuk sa-telah kawasan itu di-penohi dengan pokok<sup>2</sup> getah.

Jadi apa yang berlaku kepada kawasan saya yang saya sebutkan tadi, Kampong Rahmat Chalok—satu rancangan F.L.D.A.—mereka ini bekerja sa-lama lebeh kurang 10 tahun lama-nya menjaga dan membersehhkan kawasan itu. Dan sa-sudah 10 tahun mereka pun mula-lah sampai pada masa menoreh atau pun memungut hasil.

Tuan Yang di-Pertua, apakala sampai tempoh ini timbul-lah riuh-nya kerana pendapat daripada orang<sup>2</sup> bijak pandai di-dalam Lembaga Kemajuan Tanah tidak sa-imbang dengan chara pemikiran peserta<sup>2</sup> yang ada di-dalam F.L.D.A. ini. Pehak pegawai<sup>2</sup> di-Ibu Pejabat L.K.T.P. memikirkan bagaimana chara hendak mendapatkan wang yang di-beri kepada peserta itu dengan chara lebeh chepat, arti-nya hendak mengambil balek wang itu saperti mana dia beri berhutang kepada orang<sup>2</sup> yang kaya. Tetapi bagi peserta memikirkan bagaimana chara dia hendak membayar hutang dan bagaimana chara pula dia hendak hidup di-atas baki wang yang dia dapat dengan keadaan yang agak menyedehkan itu. Maka . . . . .

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Sadikit pertanyaan, Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat tadi menyatakan tebang,

tebas, buat rumah segala<sup>2</sup>-nya di-buat oleh peserta, jadi bagaimana pula datang-nya hutang ini?

**Tuan Hussein bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, hutang ini ia-lah hutang tanah, harga tanah dan hutang duit pinjam sa-masa membuat kerja di-dalam-nya. Saya fikir tentu-lah sahabat saya ini tidak berapa jelas dengan benda ini, sebab benda ini tidak berlaku di-Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, peserta<sup>2</sup> yang terlibat seperti di-Kampong Rahmat Chalok ini ada sa-tengah di-Johor, saya dapat tahu, ia itu seperti di-Endau, di-kawasan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, barangkali dia lebeh faham benda ini, mereka merayu kepada pehak L.K.T.P. supaya sistem pembayaran ini di-ambil di-atas kadar pendapatan. Arti-nya kalau pendapatan itu sedikit, di-potong-nya sedikit; kalau pendapatan itu banyak, di-potong-nya banyak. Ini saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, sesuai di-atas perkiraan peri kemanusiaan. Sebab peserta itu juga manusia yang ingin hidup. Jadi kalau potongan seperti yang di-jalankan sekarang ini dengan tidak kira sama ada dapat banyak, atau sedikit, tetapi potongannya sama, sama seperti sa-olah<sup>2</sup> kita yang

mempunyai gaji tetap ini pergi membeli sa-buah motokar dengan chara ansoran, kemudian tetap pada tiap<sup>2</sup> bulan mesti di-potong.

Kapada orang yang mempunyai pendapatan tetap boleh di-buat potongan yang tetap, tetapi bagi orang yang hidup bergantung kehidupan-nya kapada pokok getah, kapada susu daripada pokok getah, kemudian getah ini pula bukan boleh kita toreh hari<sup>2</sup>. Kalau panas boleh di-toreh, tetapi kalau hujan tidak boleh di-toreh. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan<sup>2</sup> seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, timbul-lah masalaah-nya. Masalaah-nya, kalau di-bayar semua sa-kali hutang mengikut apa yang di-kehendaki oleh L.K.T.P. maka peserta ini pergi-lah berhutang di-lain pula untok membeli beras dan makanan sa-hari<sup>2</sup>. Tetapi kalau tidak di-bayar, maka pegawai<sup>2</sup> tadi menekan kapada peserta<sup>2</sup> . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah sampai. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.37 malam.*